Okt 11	Kursus Microsoft Excel	30
Dis 1-2	Kursus MyMesyuarat versi 2.0	40

5. Senarai Program Penglibatan Unit ICT

Tarikh	Program / Aktiviti
06 Apr	Naziran Pelaksanaan 1Gov*Net dan Pemantauan Pelaksanaan 1GovUC oleh MAMPU Sabah
25 Julai – 09 Ogos	Aktiviti Infrastruktur Pengkabelan Rangkaian Projek PhIS di HDOK
11 Ogos – 19 Sep	Aktiviti Infrastruktur Pengkabelan Rangkaian Projek PhIS & CPS di Fasiliti Zon 34 (KK Sandakan, KK Sg. Manila, KK Ulu Dusun, KK Suan Lamba, KK di bawah PKK Sandakan, Hospital Beluran, KK Telupid, KK di bawah PKK Beluran, Hospital Kinabatangan, KK Sukau, KK Bukit Garam, PKK Kinabatangan, KK Tongod, KK di bawah PKK Kinabatangan)
13-15 Sep	Perkongsian Pintar: Taklimat dan Pemasangan Sistem Temujanji Pesakit (STP) di Hospital Tawau
21-22 Sep	Aktiviti 'Hardware Staging' sebagai Persediaan untuk Penghantaran Perkakasan Projek PhIS & CPS ke Fasiliti-fasiliti di Zon 34 JKN Sabah
07-14 Okt	Aktiviti Penghantaran & Pemasangan Perkakasan Projek PhIS di HDOK
17-21 Okt	Aktiviti T & C Peralatan PhIS di KK Tongod, KK Telupid, KK Sukau, KK Suan Lamba, KK Batu Putih, KK Bukit Garam, PKK Kinabatangan, Hospital Kinabatangan, KK Sandakan, KK Batu 10, KK Ulu Dusun, dan Hospital Beluran
20-21 Dis	Perkongsian Pintar: Taklimat dan Pemasangan Sistem Temujanji Pesakit (STP) di Hospital Kunak

6. Senarai Bantuan Teknikal ICT Yang Dilaksanakan Unit ICT

Tahun 2016, Unit ICT memberikan bantuan teknikal dengan bilangan tertinggi berbanding tahun-tahun sebelumnya, iaitu sebanyak 33 kali.

Tarikh	Program / Aktiviti
20 Jan	Bantuan Teknikal Penyelenggaraan Rangkaian LAN Hospital Beluran
21 Jan	Bantuan Teknikal untuk Instalasi Sistem Sokongan Klinikal di Hospital Kinabatangan
22 Jan	Bantuan Teknikal untuk Kursus 'Neonatal Hearing Screening' ENT
10 Feb	Bantuan Teknikal untuk Ceramah Zakat
19 Feb	Bantuan Teknikal untuk Program 'Manuscript Writing Workshop' anjuran Pusat Penyelidikan Klinikal HDOK
23 Feb	Bantuan Teknikal untuk Program 'Tracheosomy Care Workshop For Paramedics 2016'
5 Mac	Bantuan Teknikal untuk Program Seminar Pemantapan Nilai-nilai Murni Peringkat HDOK
19 April	Bantuan Teknikal untuk Program Seminar Penyusuan Ibu Menurut Perspektif Islam anjuran Unit Hal Ehwal Islam
23 Mei	Bantuan Teknikal untuk Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2015 bagi Zon Timur (Sandakan, Kinabatangan & Beluran).

LAPORAN TAHUNAN 2016

3 Ogos	Bantuan Teknikal untuk Program 'Good Clinical Practice (GCP)' anjuran Pusat Penyelidikan Klinikal HDOK
4 Ogos	Bantuan Teknikal untuk Program 'Airway Management Workshop' anjuran Jabatan Anestesiologi
5-6 Ogos	Bantuan Teknikal untuk 'Basic Research Methodology & Biostatistics Workshop' anjuran Pusat Penyelidikan Klinikal HDOK
6 Ogos	Bantuan Teknikal untuk Sambutan Hari Hepatitis Sedunia Peringkat Kebangsaan
9 Sep	Bantuan Teknikal untuk Sambutan Hari Pencegahan Membunuh Diri Tahun 2016 Peringkat Sandakan
29 Sep	Bantuan Teknikal untuk Kursus APS anjuran Jabatan Anestesiologi
8 Okt	Bantuan Teknikal untuk Hari Terbuka HDOK dan Pelancaran Minggu Kesedaran Penderma Organ
10 Okt	Bantuan Teknikal untuk Sambutan Hari Kesihatan Mental Tahun 2016 Peringkat Sandakan
11,13-14, 18,21 Okt	Bantuan Teknikal untuk Taklimat Perluasan Pelaksanaan Permohonan Tuntutan Perjalanan dalam Negeri (TNT) dan Bayaran Kerja Lebih Masa (OT) melalui aplikasi HRMIS
14 Okt	Bantuan Teknikal untuk Sambutan 'Anaesthesia Day' anjuran Jabatan Anestesiologi
15 Okt	Bantuan Teknikal untuk Seminar Perubatan Islam Bukti Sains Moden Peringkat Daerah Sandakan
15 Okt	Bantuan Teknikal untuk Kempen Kesedaran Kanser Payudara 'Pink Oktober 2016' anjuran Jabatan Pembedahan Am
21 Okt	Bantuan Teknikal untuk Kursus 'Emergency In Ear, Nose & Throat (ENT)' anjuran Jabatan Otorinolaringologi
22 Okt	Bantuan Teknikal untuk Kursus 'Quality Management System' anjuran Jabatan Patologi
02 Nov	Bantuan Teknikal untuk Penyelenggaraan Rangkaian LAN di Hospital Beluran
11-12 Nov	Bantuan Teknikal untuk '5 th Borneo Surgical Skills and Anastomosis Workshop 2016' anjuran Jabatan Pembedahan Am
12 Nov	Bantuan Teknikal untuk Bengkel Ulangkaji Mikroskopi Malaria anjuran Jabatan Patologi
14 Nov	Bantuan Teknikal untuk Kursus Pengurusan Stress anjuran Unit Psikologi Kaunseling
19 Nov	Bantuan Teknikal untuk Kursus 'Handling Quality Control On Hematologi and Haemostasis Together with Pipette Verification and Calibration' anjuran Jabatan Patologi
22 Nov	Bantuan Teknikal untuk Kursus Pengurusan Kewangan anjuran Unit Psikologi Kaunseling
24 Nov	Bantuan Teknikal untuk '1 st East Sabah Paediatric Dermatology Update' anjuran Jabatan Pediatrik
25 Nov	Bantuan Teknikal untuk 'Clinical Nutrition Workshop 2016' anjuran Jabatan Pembedahan Am
01-02- Dis	Bantuan Teknikal untuk Bengkel Plaster of Paris (POP)
05 Dis	Bantuan Teknikal untuk Majlis Penyerahan Mesin Hemodialisis di Unit Hemodialisis

UNIT PERPUSTAKAAN

Pengenalan

Perpustakaan Hospital Duchess of Kent mula beroperasi pada 14 September 2001 dan terletak di Aras 1 bangunan Klinik Pakar. Perpustakaan dibuka setiap hari bekerja dari jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang.

Sumber Manusia

Perpustakaan hospital diselenggara oleh seorang Pembantu Perpustakaan [S22].

Perkhidmatan Yang Disediakan


1. Pinjaman dan rujukkan buku perubatan dan umum.
2. Penggunaan Internet.
3. Surat Khabar [Berita Harian, Daily Express dan The Borneo Post]
4. Perkhidmatan Pakej Maklumat.
5. Perkhidmatan Brosur
6. Perkhidmatan rujukan terbitan bersiri.

Koleksi


1. Monograf [Buku]
2. Terbitan Bersiri
3. Foto aktiviti lama hospital
4. CD [Buku perubatan]
5. Pakej Maklumat [37 Tajuk]

Sebagai sumber pengetahuan umum, pihak Perpustakaan menyediakan beberapa keratan akhbar dan dipaparkan di Aras 1 dan Aras 4 untuk bacaan orang ramai.

Berikut disertakan statistik peminjaman bahan, jumlah pengunjung dan penggunaan internet sepanjang tahun 2016 di Perpustakaan HDOK.



STATISTIK PENGGUNAAN INTERNET PERPUSTAKAAN SEPANJANG TAHUN 2016



Kesimpulan

Dengan meningkatnya jumlah kunjungan dan pinjaman bahan bacaan, Unit Perpustakaan amat menggalakkan jika terdapat orang ramai yang sudi memberikan sumbangan bahan berbentuk buku dan majalah rujukan. Ini bagi menambahkan lagi sumber bahan di perpustakaan memandangkan unit ini jarang menerima perbelanjaan yang tetap untuk menambahkan sumber bahan untuk dijadikan rujukan.

Diharap dengan adanya sokongan dari Unit Pentadbiran dan seluruh kakitangan hospital, Unit Perpustakaan ini akan dapat mencapai Visi dan Misinya untuk kepentingan seluruh warga perubatan di masa akan datang.

LAPORAN TAHUNAN JABATAN PERUBATAN

- **JABATAN PERUBATAN**
- **UNIT HAEMODIALISIS**
- **UNIT KARDIOLOGI**
- **UNIT PENJAGAAN PALIATIF**

JABATAN PERUBATAN

Pengenalan

Jabatan Perubatan adalah salah satu jabatan yang terletak di bawah Direktorat Perkhidmatan Klinikal Hospital Duchess of Kent. Jabatan ini memberi Perkhidmatan Perubatan Am kepada pesakit dalam yang merangkumi Wad Perubatan Lelaki, Wad Perubatan Perempuan, Wad Palliative Care. Manakala perkhidmatan pesakit luar dijalankan di Pusat Rawatan Harian (pesakit Thalassemia), Unit Haemodialisis dan Klinik Pakar Perubatan.

2. Objektif

2.1. Klinik Pakar

Memberikan dan menyediakan perkhidmatan untuk diagnosis, perawatan dan rehabilitasi yang bersesuaian dengan cekap, tepat, berkesan dan berkualiti berpandukan perkhidmatan yang cemerlang dengan berorientasikan prinsip budaya korporat supaya membolehkan penyembuhan awal serta mengekalkan perhubungan pelanggan yang baik dan mesra.

Melatih wargakerja dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan kakitangan Kumpulan Sokongan agar mahir dalam penjagaan pesakit-pesakit perubatan dan dengan secara tidak langsung akan meningkatkan kualiti penjagaan perubatan negara.

2.2. Pesakit Dalam

- Memastikan pesakit mendapat rawatan yang sepatutnya sebaik saja tiba di wad dan dimasukkan dalam Daftar Kemasukkan.
- Memastikan pesakit yang discaj dari wad adalah pesakit yang betul dan mendapat rawatan susulan yang sepatutnya.
- Memastikan semua proses rujukan berjalan lancar.
- Memastikan semua pesakit diberi penjagaan yang sebaiknya dan keselamatan mereka terjamin semasa berada di wad.

3. Perjawatan

JAWATAN	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN
PAKAR PERUBATAN PAKAR UD54	1	1	
PEGAWAI PERUBATAN PAKAR UD52	4	4	
PEGAWAI PERUBATAN LULUSAN PAKAR UD48	2	2	

PEGAWAI PERUBATAN UD52	1	1	
PEGAWAI PERUBATAN UD51	1	1	
PEGAWAI PERUBATAN UD48	5	5	
PEGAWAI PERUBATAN UD44	5	5	
PENYELIA JURURAWAT U41	1	1	
PENYELIA JURURAWAT U36	1	1	
KETUA JURURAWAT U32	5	5 (MOPD – 1)	
KETUA JURURAWAT (KUP) U32	2	(MOPD – 2)	
JURURAWAT TERLATIH U29	66	66 (FMW 33, MMW 34, MOPD 4)	
JURURAWAT MASYARAKAT KANAN U24	2	2 (FMW 1, MOPD 1)	
JURURAWAT MASYARAKAT U19	31	31 (FMW 9, MMW 10, MOPD 12)	
PENOLONG JURURAWAT TERLATIH U14	1	1 (MOPD)	
PEMBANTU TADBIR N 7	1	1	
PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN U3	17	17 (FMW 7, MMW 6, MOPD 3)	

4. Perkhidmatan Yang Ditawarkan

4.1. Klinik Pakar

Perkhidmatan Klinik Pakar Perubatan berperanan mengendalikan kes-kes pesakit luar seperti kes rujukan baru dan kes-kes ulangan perubatan mengikut jadual yang telah ditetapkan seperti di jadual berikut:

Jadual Klinik

Hari	Masa	Disiplin
Isnin	8.00 pagi – 1.00 petang	Medikal
Rabu	8.00 pagi – 1.00 petang	Medikal
Khamis	8.00 pagi – 1.00 petang	Medikal

Klinik Pakar Perubatan juga mengadakan perkhidmatan lawatan Pakar dari luar (networking) iaitu menerima lawatan pakar dari Hospital QEH, HWKKL dan juga pakar dari Semenanjung Malaysia. Pakar Perubatan dari Hospital Duchess of Kent juga mengadakan lawatan pakar setiap bulan ke Hospital Beluran dan Hospital Kinabatangan.

4.2. Pesakit Dalam


- Penerimaan kemasukan dan pengendalian pesakit di wad
- Pengurusan pesakit sebelum dan selepas pembedahan elektif.
- Pengurusan dan pengendalian ubat-ubatan biasa / terkawal /merbahaya.

- Pengurusan pemindahan pesakit di antara wad / unit.
- Pengurusan jenazah di wad.
- Pengurusan discaj pesakit dari wad.

4.3 Pusat Sumber Diabetes

Pusat Sumber Diabetes terletak di Klinik Pakar Perubatan dan ia menyediakan perkhidmatan khidmat nasihat dan kaunseling kepada pesakit diabetes.

Statistik Lawatan Pesakit Ke Pusat Sumber Diabetek



4.7 Perkhidmatan Latihan

Jabatan ini menjadi sebahagian pusat latihan untuk:

- Skim Perkhidmatan Pengurusan dan Profesional mahupun Kumpulan Sokongan.
- Pelajar-pelajar Sarjana Perubatan.
- Pelajar-pelajar kejururawatan dan lain-lain pelajar-pelajar yang menjalani latihan praktikal serta elektif.

5. Aktiviti Yang Dijalankan

Jabatan Perubatan mengadakan latihan-latihan peningkatan pengetahuan seperti CME dan kursus. Ia juga terlibat dalam urusan Kajian-kajian dari KKM mahu pun swasta.


Bil	Aktiviti	Jumlah
1	CME	
2	National Hepatitis Day (National Level)- 6.8.2016	1
3	National Diabetec Day Forum (Hospital Level) – 1.6.2016	1






6. Pencapaian

6.1 Kedatangan pesakit baru dan ulangan ke Klinik Pakar Perubatan Dari Tahun 2014 Hingga 2016



6.2 Perkhidmatan Lawatan Pakar Dari Luar (Networking) ke Klinik Pakar Perubatan Tahun 2016



6.3 Pesakit Dalam

Statistik Pesakit Wad Perubatan Perempuan Dan Lelaki 2016

Aktiviti	Wad	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	July	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis
Kemasukan Pesakit	P	177	160	151	168	173	162	158	155	146	162	160	137
	L	263	209	219	193	183	207	198	250	177	208	215	174
Pindah Masuk	P	12	6	12	8	15	16	13	8	7	14	7	13
	L	28	10	16	13	16	7	27	13	19	17	22	13
Jumlah Kemasukan	P	189	166	163	176	188	178	171	163	153	176	167	150
	L	291	219	235	206	199	214	225	263	196	225	237	187
Discaj	P	174	146	128	138	167	136	139	121	135	144	138	123
	L	209	142	183	205	153	185	187	215	160	184	173	156
Kematian	P	7	4	17	17	7	17	20	15	13	13	10	10
	L	17	18	14	20	19	26	19	20	17	27	16	10
AOR	P	5	9	7	7	5	12	10	6	6	2	5	9
	L	5	15	9	14	6	5	3	10	5	4	4	4
Keluar Tanpa Izin	P	0	0	0	0	0	0	0	1	1	0	0	0
	L	1	0	0	1	1	0	0	0	1	0	0	0

Pindah Keluar	P	6	9	6	10	10	14	12	9	4	10	12	12
	L	57	46	15	18	16	10	15	19	17	15	16	22
Jumlah Discaj	P	192	168	158	192	189	179	181	152	159	171	167	154
	L	289	221	221	258	195	226	224	264	200	230	209	192
BOR % 12MN	P	67.7	65.8	75.0	60.1	69.6	71.8	64.8	66.3	64.8	66.3	64.3	64.5
	L	82.9	77.4	72.5	80.9	64.9	73.0	82.8	85.8	69.5	74.6	71.8	68.8
Purata Pesakit Tinggal Di wad	P	4.0	4.0	5.3	3.8	4.1	4.4	4.28	4.87	4.40	3.92	4.16	4.67
	L	4	4	4	4	5	5	5	7	5	5	5	6
Jumlah Pesakit Tinggal Di wad @ 12MN	P	769	687	837	650	777	776	724	741	700	673	695	720
	L	1105	966	966	1044	866	942	1104	1144	897	995	927	865
APD	P	24.8	23.6	27.0	21.6	25.0	25.9	23.3	23.90	23.3	21.7	23.2	23.22
	L	35	35	31	34	28	31	36	37	30	32	30	28

6.4 Pencapaian Kualiti

Terdapat beberapa usaha dijalankan untuk meningkatkan kualiti dan kejayaan jabatan.

Antaranya adalah:

i. Mengurangkan Masa Menunggu Untuk Pemeriksaan pesakit

Masa menunggu untuk pemeriksaan dikurangkan kepada 90 minit dengan menetapkan masa temujanji secara berperingkat iaitu 8.00 pagi, 9.00 pagi, 10.00 pagi, 11.00 pagi dan 12 tengahari semasa sesi Klinik dimana 3 orang Pegawai Perubatan memulakan sesi klinik seawal 8.00 pagi.

ii. Program Kepastian Kualiti (QAP)

- Kajian Kepuasan Pelanggan dan Masa Menunggu dilaksanakan secara berterusan.
- Menjalankan pemantauan KPI setiap bulan.
- Rekod Perubatan Pesakit (RPP) disediakan sekurang-kurangnya 3 hari sebelum pesakit datang untuk pemeriksaan dengan kerjasama Jabatan Rekod Perubatan

iii. Pencapaian Key Performance Indicator 2016

INDIKATOR	STD	JAN-JUN	JUL-DIS
Non ST elevation Myocardial Infarction (NSTEMI)/ Unstable angina case fatality rate	≤10%	3.4%	2.7%

Percentage of non-urgent cases that were given appointment for first consultation within (\leq) 8 weeks at General Medicine Outpatient Clinic	$\geq 90\%$	92.37%	100%
Percentage of patients with diabetes who have been screened for target organ damage	$\geq 70\%$	95.37%	91.77%
Percentage of patients with history of myocardial infarction on current management treated with ALL named medications	$\geq 70\%$	88.96%	93.48%
Percentage of hypertensive patients with blood pressure \leq 140/90 mmHg as measured in the General Medicine Outpatient Clinic	$\geq 70\%$	86.75%	82.00%
Percentage of patients with non vulvular atrial fibrillation assessed for risk of stroke within (\leq) 6 months of diagnosis	$\geq 80\%$	100%	100%
Percentage of new cases admitted during on call hours who are seen by the individual specialist (as the first specialist) within 12 hours of admission (Standard: $\geq 50\%$) 6-monthly	$\geq 50\%$	100%	100%

Lawatan Kerja Penyelia Jururawat Negeri Sabah





Aktiviti Luar



Jamuan Perpisahan Anggota

Public Forum Di Sekolah Menengah Yu Yuan Sempena Sambutan Hari Hepatitis Sedunia



7. Cadangan Penambahbaikan

Kertas cadangan menaiktaraf Jabatan Perubatan telah dikemukakan dan untuk tindakan pihak pengurusan hospital. Permohonan pembentukan Diabetes Educator Team dan penambahbaikan Diabetic Resource Centre (DRC) yang sedia ada.

UNIT HAEMODIALISIS

1.0 Pengenalan

Unit Haemodialisis di hospital ini telah memulakan operasinya pada tahun 1991, ianya menyediakan perkhidmatan haemodialisis yang merupakan salah satu rawatan dibawah seliaan Jabatan Nefrologi untuk pesakit-pesakit *End Stage Renal Disease* dikalangan penduduk sekitar Bandar Sandakan ianya semakin berkembang pesat dari awalnya hanya mempunyai 2 buah mesin dialisis kini telah beroperasi dengan 23 buah mesin dialisis. Pada 22 April 2013, Pusat Rawatan Dialisis, Hospital Duchess of Kent, Sandakan telah diwujudkan merangkumi Unit Haemodialisis dan Unit CAPD telah disatukan dalam satu bangunan.

2.0 Objektif

Diantara perkhidmatan yang dijalankan oleh Unit Haemodialisis adalah seperti:

1. Memberikan rawatan kronik haemodialisis dan hal-hal berkaitan rawatan lainnya kepada pesakit-pesakit yang menghadapi Kegagalan Buah Pinggang Kekal (*End Stage Renal Diseases*).
2. Setakat Oktober 2016, 114 orang pesakit sedang menjalani rawatan di unit ini menempatkan beberapa kawasan ruang rawatan bagi pesakit-pesakit yang berstatus hepatitis negatif, ruang rawatan hepatitis B dan ruang rawatan hepatitis C.
3. Memberikan rawatan akut haemodialisis bagi mana-mana pesakit yang dianggap memerlukan samaada dari wad-wad ataupun di Unit Rawatan Rapi.
4. Memberikan bantuan dalam penyediaan penderma untuk persediaan transplants (*pre transplant work out*) untuk pesakit-pesakit dialisis yang berkaitan pendermaan *living related* dan penyediaan penerima (*recipient*) bagi pendermaan kadaverik.
5. Memberikan bantuan dalam penyediaan perkhidmatan klinik nefrologi oleh Pakar Nefrologi kepada pesakit-pesakit dialisis.

3.0 Perjawatan

Kedudukan sumber manusia di unit Haemodialisis adalah seperti berikut:

JAWATAN	ADA POS BASIK	TIADA POS BASIK	JUMLAH
PEN.PEGAWAI PERUBATAN U32	2	-	2
PEN.PEGAWAI PERUBATAN U32 (MEMANGKU)	0	-	0
PEN.PEGAWAI PERUBATAN U29	1	3	4
JURURAWAT U32	1	-	1
JURURAWAT U29(KUP)	HDU = 2 / CAPD = 1	-	3
JURURAWAT U29	HDU = 5 / CAPD = 2	HDU = 3 / CAPD = 1	HDU = 8 / CAPD = 3 TOTAL = 11
PEM. PERAWATAN KESIHATAN	-	-	5

Seorang Penolong Pegawai Perubatan dan seorang Jururawat sedang menjalani kursus Pos Basik Renal pengambilan Sept 2016 – Feb 2017.


4.0 Perkhidmatan Yang Disediakan

1. Unit Hemodialisis memberikan Perkhidmatan Rawatan Hemodialisis untuk pesakit luar, Perkhidmatan Rawatan Hemodialisis untuk pesakit dalam dan Perkhidmatan “Dialysis emergency” 24 jam kepada pesakit-pesakit yang mengidap penyakit kegagalan buah pinggang ‘Acute’ dan memerlukan dialysis dengan kadar segera.
2. Perkhidmatan lain yang disediakan di unit Hemodialisis adalah seperti berikut:
 - a. Perkhidmatan Klinik Lawatan Pakar Nefrologi 4 bulan sekali.
 - b. Perkhidmatan kaunseling dan pendidikan kesihatan terhadap pesakit, keluarga pesakit atau penjaga dan kakitangan Hospital Duchess Of Kent.
 - c. Program khidmat nasihat untuk semua kakitangan unit haemodialisis di daerah Sandakan.
 - d. Perkhidmatan bimbingan dan nasihat berhubung persediaan dan pemeriksaan yang perlu dilakukan bagi pesakit yang akan menjalani “Renal Transplant”

5.0 Pencapaian Statistik

5.1 Jumlah Pesakit Dan Rawatan


Bilangan pesakit ESRD (End Stage Renal Disease) yang dimasukkan ke dalam program kronik haemodialisis terus meningkat sehingga ketiadaan slot sejak awal tahun 2016 amat ketara sekali dan beban kerja juga agak meningkat walaupun ada opsyen rawatan CAPD serta pemindahan ke pusat dialisis swasta dan NGO. Kadar rawatan untuk pesakit-pesakit akut haemodialisis juga agak meningkat,



pesakit-pesakit ini adalah dari unit Rawatan Rapi ataupun dari wad-wad.

5.2 Klinik Nefrologi

Klinik Nefrologi dijalankan oleh Pakar Nefrologi Pelawat dari Hospital Kuala Lumpur. Klinik berkenaan dijalankan untuk pesakit-pesakit haemodialisis, CAPD dan pesakit



luar untuk pesakit-pesakit Hosp. Duchess of Kent Sandakan, Hospital Beluran dan

Hospital Kinabatangan. Klinik Hemodialisis dan klinik CAPD juga diadakan setiap 2 minggu sekali bagi mendapatkan temujanji rawatan dan pemeriksaan susulan. Klinik Hemodialisis dan CAPD dikendalikan oleh seorang Doktor Pakar Perubatan dan dibantu oleh 3 orang doktor perubatan.

6.0 Aktiviti Yang Dijalankan

6.1 Persijilan Eksa

Unit Haemodialisis ada melibatkan diri secara aktif ke arah persijilan EKSA bagi Hospital Duchess of Kent Sandakan 19-21 Januari 2016 dan 26-28 April 2016. Penetapan pembahagian penjagaan kawasan yang ditetapkan selaras dengan aktiviti yang diperlukan.

6.2 Gotong Royong

Aktiviti gotong-royong yang merupakan amalan biasa dan melibatkan kakitangan di unit ini, gotong royong telah dilaksanakan sebanyak 3 dan yang terakhir pada 23 Oktober 2016. Ini bertujuan untuk memupuk semangat kerjasama dikalangan anggota dan semangat kekitaan demi menjaga nama baik unit haemodialisis.



Aktiviti gotong-royong yang dijalankan

6.3 Hari Terbuka Hospital Duchess of Kent

Aktiviti Hari Terbuka Hospital Duchess of Kent yang diadakan pada 08 Oktober 2016 telah member peluang kepada anggota Unit Hemodialisis untuk mendedahkan dan member maklumat kepada orang awam berkaitan penyakit

buah pinggang. Pameran seperti peralatan dialisis, CAPD, dan poster-poster telah di pameran.



6.4 Aktiviti Cme - Inhouse



Inhouse CME telah dilaksanakan di unit haemodialisis untuk meningkatkan tahap pengetahuan staf secara berterusan.

6.5 Majlis Penyerahan Mesin Hemodialisis

Unit Hemodialisis telah menerima sumbangan mesin Hemodialisis dari Perkeso pada 05 Disember 2016, dan pada majlis berkenaan sebanyak 3 buah mesin hemodialisis telah didermakan kepada Hospital Duchess Of Kent yang diserahkan oleh Pengurus Besar Cawangan Perubatan dan Pemulihan Perkeso, Datin Dr. Nik Amsharija Mohamed sebagai mewakili Perkeso kepada Pengarah Hospital.

6.6 Ceramah Kesihatan Di Radio Malaysia Fm Sandakan Tahun 2016

Ceramah kesihatan di radio malaysia fm sandakan telah diadakan pada 23 Disember 2016 bermula pada jam 9.30 pagi sehingga 10.00 pagi. PPP Dzulkiyly Bin Ibrahim telah menyampaikan ceramah bertajuk penyakit buah pinggang dan rawatan haemodialisis.

7.0 Cadangan Penambahbaikan

7.1 Mesin-Mesin Haemodilisis

Mesin-mesin haemodialisis sedia ada perlu ditambah bagi menampung bilangan pesakit yang semakin ramai, terdapat beberapa mesin-mesin yang sering bermasalah terutamanya mesin yang berumur lebih 5 tahun dan keatas atas sebab-sebab sering digunakan dan telah melebihi kadar masa penggunaan yang disarankan. Penambahan bilangan mesin haemodialisis di unit rawatan rapi juga adalah diperlukan memandangkan yang sedia ada hanya sebuah sahaja.



8.0 Penutup

Unit Hemodialisis adalah merupakan salah satu cabang klinikal dalam bidang perubatan yang menjadi sangat penting dewasa ini untuk menangani dan memberikan rawatan akut atau kronik hemodialisis. Dan adalah menjadi harapan untuk memastikan ianya terus dapat memberikan sumbangan sewajarnya, perkembangan masa hadapan akan dapat diambil kira dan dipertimbangkan seperti kemudahan kemudahan peralatan dan sumber manusia.

UNIT KARDIOLOGI

Pengenalan

Unit kardiologi merupakan sebuah unit dibawah Jabatan Perubatan, Hospital Duchess of Kent, Sandakan. Memulakan perkhidmatan pada Januari 2006 dengan memberikan perkhidmatan ujian 'Non-invasive' kardiologi. Unit Kardiologi bukan sahaja menerima Pesakit luar (MOPD) dan pesakit dalam tetapi juga menerima rujukan kes dari Hospital Kinabatangan, Hospital Beluran dan Hospital Lahad Datu. Disamping itu juga, menerima pesakit untuk Ujian 'Non-invasive' yang menjalani rawatan dan temujanji dari Hospital Queen Elizabeth dan Hospital Wanita dan Kanak kanak, Kota Kinabalu.

Objektif

Menyediakan perkhidmatan 'non-invasive' Kardiologi yang cemerlang dan berkualiti di Hospital Duchess of Kent.

Visi

Menjadikan Unit Kardiologi, Hospital Duchess of Kent Sandakan sebagai Pusat rujukan kes-kes kardiovaskular di bahagian Pantai Timur Sabah.

Misi

1. Menyediakan fasiliti atau peralatan perubatan yang memenuhi kehendak dan perawatan kardiovaskular.
2. Menyediakan sumber manusia yang kompeten dan berpengetahuan serta berkemahiran dalam mengendalikan ujian ujian non-invasive kardiologi.
3. Menyediakan sistem kerja yang teratur, anjal (flexible) dan mesra pelanggan.

Piagam Pelanggan

1. Anda sebagai pelanggan akan dilayan samarata tanpa mengira gender, bangsa atau agama.

2. Setiap pelanggan akan dilayan seberapa segera mengikut temujanji yang diberikan (berdasarkan bebankerja semasa).
3. Setiap Prosedur yang dijalankan akan diterangkantujuan dan risikonya kepada pelanggan.
4. Kerahsiaan pelanggan diutamakan setiap masa.
5. Kami akan memastikan penambahbaikan berterusan dilakukan dari semasa kesemasa demi anda pelanggan kami di Hospital ini.

Perkhidmatan

Sehingga kini Unit Kardiologi menawarkan perkhidmatan seperti berikut:

1. Transthoracicechocardiography (TTE) – Echo
2. Exercise Stress Test (EST)
3. 24 hour's ECG monitoring (Holter)
4. Electrocardiography (ECG) & Telecardiologi

UNIT PENJAGAAN PALIATIF

Pengenalan

- Terletak di bangunan blok lama aras 2, di antara Wad Perubatan Lelaki dan Wad Gynae.
- Mempunyai 8 buah katil rasmi. Jumlah katil rasmi yang lama adalah 6 buah. Penambahan 2 buah katil berkuatkuasa pada bulan Januari 2016.

Objektif

- Memperkenalkan tempat untuk memperbaiki / mencapai taraf kehidupan yang berkualiti untuk pesakit kanser yang dalam peringkat akhir dimana mempunyai simptom.
- Memberi rawatan perubatan yang mana tidak dapat dilaksanakan di rumah seperti mengeluarkan cecair dari pleura atau abdomen, transfusi darah, simptom yang susah dikawal dan lain-lain.

Perkhidmatan

1. Menyediakan perkhidmatan kepada pesakit kanser pada peringkat akhir yang memerlukan kawalan sakit, kawalan simptom, sokongan emosi dan psikologi.
2. Bermula 19/11/2015, PCU sebagai wad Isolation untuk penyakit berjangkit (kes denggi, kes kolera dan lain-lain) dan menempatkan pelbagai kes Medical dan Padiatrik

Sumber Manusia

Doktor Pakar	Ikut disiplin
Doktor Perubatan	Ikut disiplin
Penyelia Jururawat U41	1
Ketua Jururawat U32	1
Jururawat U32 (KUP)	2
Jururawat Terlatih U29	5
Jururawat Masyarakat Kanan (TBK) U24	2
Jururawat Masyarakat U19	4
Pembantu Perawatan Kesihatan U12 (TBK)	1

Statistik Wad Dari Bulan Januari – Disember 2016

Butiran	Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	TOTAL
Jumlah Kemasukan	2	1	4	6	2	2	16	7	1	4	2	0	47
Jumlah Pindah Masuk	45	40	19	10	8	9	12	13	7	4	11	13	191
Jumlah Besar Kemasukan	47	41	23	14	11	22	28	20	8	8	13	13	248
Jumlah Discaj	43	36	21	10	7	9	25	13	3	6	5	3	181
Jumlah Pindah Keluar	4	0	3	2	0	14	5	3	0	3	1	0	35
Meninggal Dunia	2	1	0	0	2	0	0	2	1	1	2	6	17
Abscond	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Aor	0	0	5	0	0	0	0	0	0	0	0	0	5
Jumlah Besar Discaj	47	36	29	14	9	23	30	18	3	10	8	9	236
Jumlah Pesakit Yang Tinggal Pada @ 12.00 MN	172	100	81	72	75	121	113	92	93	57	66	125	1167
BOR %	69.35	40.32	32.66	30	30.24	50.41	45.56	37.09	38.75	22.9	27.5	50.4	63.67
Jumlah Hari Tinggal + Jumlah Hari Discaj	238	133	110	75	97	143	151	111	91	56	60	62	1327

LAPORAN TAHUNAN 2016

BOR %	95.96	53.62	44.35	31.25	39.11	59.58	60.88	44.75	37.91	22.5	25	25	33.34
Purata Jumlah Harian Pesakit (APD)	7.67	4.29	3.54	2.5	3.12	4.76	4.87	3.58	3.03	3.61	2.0	4.03	12.7
LOS	5.53	3.69	3.79	5.36	10.77	6.21	5.03	6.166	30.3	5.6	7.5	13.8	15.5
Turn Over Per Rate (TOR)	5.87	4.5	3.62	1.75	1.125	2.87	3.75	2.25	0.37	1.25	1	1.25	22.6

Penutup

Secara umumnya, pada tahun 2016 ini, perkhidmatan di Jabatan Perubatan dapat dipertingkatkan melalui amalan budaya korporat yang berterusan serta komitmen yang tinggi dari setiap lapisan anggotanya di samping berusaha mencari dan menambah baik sistem yang sedia ada.

**LAPORAN TAHUNAN
JABATAN PSIKIATRI DAN
KESIHATAN MENTAL**

JABATAN PSIKIATRI DAN KESIHATAN MENTAL

Pengenalan

Perkhidmatan Psikiatri telah lama beroperasi, pada asalnya perkhidmatan psikiatri hanya disampaikan oleh Pembantu Perubatan dan Jururawat Masyarakat sahaja. Klinik Psikiatri beroperasi di Aras 1, Bangunan Klinik Pakar berkongsi dengan Jabatan Pembedahan. Manakala pesakit yang memerlukan dimasukkan ke Wad akan hanya ditempatkan di Wad Perubatan Lelaki dan Perempuan sebelum dirujuk ke Hospital Mesra Bukit Padang untuk rawatan selanjutnya.

Wad Psikiatri secara rasminya telah dibuka pada 21 Mei 2007 yang terletak di Aras 1, Bangunan Baru 3-6 tingkat. Pakar Psikiatri telah ditempatkan bermula 25 Disember 2007 bagi mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan psikiatri di Daerah Sandakan. Seterusnya Klinik Psikiatri telah dipindahkan bersebelahan dengan Wad Psikiatri pada 21 April 2008 dan bermulalah perkhidmatan psikiatri menjadi Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental yang terdiri daripada Ketua Jabatan (Pakar Psikiatri), Pegawai Perubatan, Ketua Jururawat, Penolong Pegawai Perubatan, Jururawat, Penolong Jururawat, Jururawat Masyarakat dan Pembantu Perawatan Kesihatan. Pada masa ini, Wad Psikiatri mempunyai 20 buah katil rasmi, iaitu 15 buah katil bagi Wad Lelaki dan 5 buah katil bagi Wad Perempuan.

Objektif Jabatan

1. Menyediakan, mempertingkatkan serta memperbaiki perkhidmatan Psikiatri dari semasa ke semasa mengikut keperluan pelanggan.
2. Mengurangkan kadar pesakit psikiatri yang mengalami penyakit berulang (Relapse cases).
3. Memberikan ruang bagi pesakit psikiatri menjalani kehidupan di dalam komuniti setempat.
4. Meningkatkan kefahaman dan kesedaran masyarakat mengenai penyakit mental.

Visi Jabatan

Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental akan memberikan perkhidmatan perawatan psikiatri yang berkualiti, mesra, berhemah dan penyayang bagi memenuhi keperluan pelanggan.

Misi Jabatan

Berusaha memberikan suasana penjagaan perawatan dan perkhidmatan psikiatri yang cekap dan mesra melalui komitmen anggota kerja yang terlatih dan berpengetahuan dalam menangani permasalahan pesakit psikiatri.

Perkhidmatan Yang Disediakan


1. Rawatan dan pemulihan pesakit:
 - 1.1 Klinik Psikiatri (Rawatan pesakit luar) – Dewasa dan Kanak-kanak
 - 1.2 Wad Psikiatri Lelaki dan Perempuan (Rawatan pesakit dalam)
 - 1.3 Rawatan dalam Komuniti (Community Mental Health Team)
 - 1.4 Perkhidmatan Kaunseling
 - 1.5 Pemulihan psiko-sosial: Psychoeducation, Psychosocial Rehabilitation.
2. Promosi Kesihatan
3. Latihan kepada kakitangan kesihatan, agensi kerajaan dan bukan kerajaan serta orang awam tentang kesihatan dan penyakit mental.
4. Penilaian kesihatan untuk Lembaga Perubatan, panel PERKESO dan di bawah “Disability Act” (Orang Kurang Upaya)

Perjawatan

Perjawatan	Jumlah
Pakar Psikiatri UD 54	1
Pakar Psikiatri UD 48/ UD 52	2
Pegawai Perubatan UD47	1
Pegawai Perubatan UD44	4
Pegawai Kaunseling S41	1
Penyelia Jururawat U42	1
Penolong Pegawai Perubatan Kanan U32	1
Ketua Jururawat U32 (KUP)	1
Penolong Pegawai Perubatan U29	4
Jururawat Terlatih U29	16
Jururawat Masyarakat U24 (KUP)	1
Jururawat Masyarakat U19	5
Penolong Jururawat Terlatih U14	1
Pembantu Perawatan Kesihatan U11	4

Statistik Jabatan

Statistik Kedatangan Kes Baru Dan Kes Ulangan Klinik Psikiatri 2016



Statistik Kedatangan Pesakit Di Klinik Psikiatri Jan-Dis 2016

	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGS	SEP	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
KES BARU	17	14	17	20	12	20	13	18	18	18	19	18	204
KES ULANGAN	359	350	500	357	428	482	332	482	448	419	498	486	5141
JUMLAH	376	364	517	377	440	502	345	500	466	437	517	504	5345

Statistik Kemasukan Pesakit Dari Jan-Dis 2016

	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGS	SEP	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
LELAKI	12	10	12	7	14	11	17	13	12	15	11	18	152
PEREMPUAN	4	6	4	6	6	5	7	10	8	4	8	6	74
JUMLAH	16	16	16	13	20	16	24	23	20	19	19	24	226

Statistik Kepulangan Pesakit Dari Jan-Dis 2016

	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGS	SEP	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
LELAKI	9	13	10	9	11	8	19	13	12	20	7	16	147
PEREMPUAN	4	5	2	6	7	6	9	5	11	8	3	4	70
JUMLAH	13	18	12	15	18	14	28	18	23	28	10	20	217

Pencapaian

Sepanjang tahun 2016 Objektif Kualiti Jabatan adalah tercapai dengan jayanya.

Mempertahankan Pencapaian A (96.9% dan 98%) dalam Audit Dalaman EKSA peringkat HDOK dan menjadi “Bench Marking” kepada jabatan lain dan Agensi Luar.

Jabatan Psikiatri telah mendapat peruntukkan untuk menaiktaraf wad psikiatri dengan pemasangan CCTV, pemasangan alarm, pemasangan ekzos fan dan pemasangan cermin gelap untuk privasi pesakit psikiatri di dalam wad.

Aktiviti Jabatan

Kursus Dan Bengkel Yang Telah Dijalankan:

Bil	Nama Kursus dan Bengkel	Tarikh diadakan
1	Kursus “Clinical Practice Guideline Schizophrenia, MDD dan Bipolar Disorder”	28.3.2016
2	Aktiviti Menceriakan Mural dengan Persatuan Kebajikan Kesihatan Mental Sandakan	16.4.2016
3	Bengkel “Control and Breakaway”	25.4.2016
4	Program National Blue Ocean Strategi (NBOS) 6 : “Ke Arah Warga Sihat Kinabatangan” (Hospital Kinabatangan)	23.7.2016
5	Kursus Pengendalian Keganasan Dan Teknik Breakaway (Hospital Labuan)	24.8.2016
6	Sambutan Hari Pencegahan Membunuh Diri Peringkat Hospital 2016	9.9.2016
7	Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2016	10.10.2016
8	Bengkel “Stress Management”	14.11.2016

1. Kursus “Clinical Practice Guideline Schizophrenia, MDD dan Bipolar Disorder”.
2. Aktiviti Menceriakan Mural dengan Persatuan Kebajikan Kesihatan Mental Sandakan.
3. Bengkel “Control and Breakaway”.
4. Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2017.
5. Kursus Pengendalian Keganasan Dan Teknik Breakaway (Hospital Labuan).

GAMBAR-GAMBAR AKTIVITI



LAPORAN TAHUNAN JABATAN PEMBEDAHAN AM

JABATAN PEMBEDAHAN AM

Pengenalan

Jabatan Pembedahan Am kami diketuai oleh Mr. Lai Chung Ket (Pakar Bedah UD54) dan dibantu oleh Mr. Mohd Faris Bin Mokhtar (Pakar Bedah UD52). Kami mempunyai 12 orang pegawai perubatan (UD44).

Objektif Jabatan

1. Menyediakan dan memberi perkhidmatan surgery yang berkualiti dan selamat.
2. Menepati tempoh masa menunggu yang minima yang telah ditetapkan bagi mencapai tahap kepuasan pelanggan yang terbaik.
3. Sentiasa meningkatkan pengetahuan terkini agar dapat menyumbang kepada kerja dan mengaplikasikannya demi kebaikan pesakit-pesakit.

Visi Jabatan

Jabatan Pembedahan Am Hospital Duchess of Kent Sandakan akan menjadi pusat rujukan pembedahan yang menyediakan perkhidmatan pembedahan yang komprehensif dan berkualiti termasuk latihan dan penyelidikan melalui anggota pasukan yang professional, berdedikasi, efisien, dan bersifat penyayang dengan penekanan terhadap maruah dan keselesaan serta keselamatan pesakit.

Misi Jabatan

Jabatan Pembedahan Am Hospital Duchess of Kent Sandakan akan menjadi pusat rujukan pembedahan yang cemerlang dengan:

- Pembentukan perkhidmatan pembedahan yang komprehensif, yang merangkumi aspek-aspek pengalakkan, pencegahan, penyembuhan, pemulihan dan perawatan palliative.
- Pelaksanaan perkhidmatan pembedahan yang berkualiti melalui kerja berpasukan dengan penekanan terhadap maruah, keselesaan dan keselamatan pesakit.
- Memupuk dan membentuk anggota yang professional, terlatih, berdedikasi, efisien, dan bersifat penyayang.
- Membangunkan jabatan untuk menjadi pusat latihan penyelidikan pembedahan yang diperakui.

Kakitangan Jabatan

Jabatan kami mempunyai jumlah kakitangan seperti berikut:

Jawatan	Jumlah		
	KLINIK	WAD PEMBEDAHAN LELAKI	WAD PEMBEDAHAN PEREMPUAN
Pakar Bedah Am	2		
Pegawai Perubatan	12		
Matron	1		
Ketua Jururawat U32	1	1	1
Ketua Jururawat (KUP) U32	2	2	1
Jururawat Terlatih U29	6	24	27
Penolong Jururawat U14	1	-	-
Jururawat Masyarakat U24	-	1	-
Jururawat Masyarakat U19	8	7	6
Pembantu Perawatan Kesihatan U1	1	6	6

Skop Perkhidmatan Jabatan

1. Klinik Pakar (SOPD)
2. Perkhidmatan Pembedahan Major (Kes bius seluruh badan/ separuh badan)
3. Perkhidmatan Pembedahan Minor (Bius setempat)
4. Perkhidmatan pesakit dalam
5. Endoskopi (perkhidmatan ini dijalankan sepenuh masa oleh jabatan kami)
6. Pembedahan kecemasan 24 jam sehari

Lawatan Pakar Bedah ke Hospital Kinabatangan dan Hospital Beluran pada setiap dua bulan.

Aktiviti Rutin Jabatan

Masa	Isnin	Selasa	Rabu	khamis	Jumaat
8am - 9 am	Rondaan wad	Rondaan wad	Rondaan wad	Rondaan wad	Rondaan wad
9am - 2pm	Klinik	Pembedahan	Klinik	Pembedahan dan endoskopi	CME jabatan, pengajaran HO

2pm - 5pm	Perkhidmatan endoskopi, prosedur FNAC	Pembedahan	Prosedur FNAC	Pembedahan dan endoskopi	Klinik luka
--------------	---------------------------------------	------------	---------------	--------------------------	-------------

Aktiviti-Aktiviti Luaran Jabatan Pembedahan Hdok Pada 2016

Selain daripada aktiviti-aktiviti rutin jabatan, pelbagai aktiviti luaran telah diadakan juga bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran pegawai perubatan dan menambah baik mutu perkhidmatan kepada pesakit. Berikut adalah ringkasan aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun.

i. 8/4/2016 – Kem Endoskopi di Hospital Tongod

Kem telah diketuai oleh Dr Tang dan telah berjaya dilaksanakan di Hospital Tongod selama satu hari. Kem ini disertai oleh beberapa pegawai perubatan lain dan juga kakitangan-kakitangan endoskopi HDOK. Kem ini berlangsung dengan jayanya. Seramai 25 orang pesakit telah menjalani ujian endoskopi termasuk OGDS. 21 orang daripada *H. Pylori* positif.

ii. 4/6/2016 - Kempen Kesedaran Kanser Kolorektal

Kempen ini dirasmikan oleh Ketua Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, Datuk Dr. Christina Rundhi. Kempen ini bermula pada jam 6 pagi, dimulakan dengan larian sempena kempen dan disambung dengan acara dewan di Dewan Sekolah Menengah Yu Yuan dan berakhir pada jam 5 petang. Kempen ini dihadiri oleh orang awam seramai lebih kurang 300 orang.

iii. 15/10/2016 - Kempen Kesedaran Kanser Payudara

Kempen ini telah berjaya dianjurkan hasil usahasama dengan Sandakan Pink Ribbon. Kempen ini dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Hospital Duchess of Kent, Sandakan, Dr. Paul Chan pada 15 Oktober, 2016 bertempat di Kolej kejururawatan Sandakan. Kempen ini dihadiri oleh seramai 150 orang awam, kakitangan jabatan bedah dan ahli-ahli Sandakan Pink Ribbon. Pelbagai aktiviti dijalankan antaranya 'screening', pemeriksaan payudara secara percuma dan banyak lagi aktiviti lain yang menarik.

iv. 27/10/2016 – Kem Endoskopi di Hospital Kinabatangan

Kem telah diketuai oleh Dr. Amy Khor dan telah berjaya dilaksanakan di Hospital Kinabatangan selama satu hari. Kem ini disertai oleh beberapa pegawai perubatan lain dan juga kakitangan-kakitangan endoskopi HDOK seramai 17 orang. Seramai 13 orang pesakit menjalani ujian endoskopi dan

didapati 2 orang daripada pesakit *H.Pylori* positif, 6 orang pesakit menghidapi *Peptic Ulcer Disease* dan 1 orang pesakit didapati menghidap *Gastric Cancer*.

v. 11-12/11/2016 – Bengkel Kemahiran Surgikal ‘Surgical Skill Workshop’

Bengkel ini telah berjaya diadakan di Dewan Selingan, Aras 1, HDOK dan telah dihadiri seramai 21 orang peserta. Selain itu, bengkel ini juga menerima lawatan daripada ahli Royal College of Surgeons (RCS) England iaitu Mr. William EG Thomas, Senior Naib Presiden RCS England, Miss Abigail Vallance dan Miss Victoria Twigg yang merupakan ahli RCS England. Mr. William juga merupakan penceramah jemputan untuk bengkel tersebut. Bengkel ini berlangsung dengan jayanya dan mendapat respon yang baik daripada peserta-peserta.

vi. 12/11/2016 - Malam *Surgical ‘Surgical Night’*

Majlis ini telah diadakan di Borneo Cove Hotel dan dihadiri oleh kakitangan jabatan Bedah HDOK. Antara tetamu yang hadir adalah ketua jabatan kecemasan, ketua jabatan otopedik dan ramai lagi. Majlis pada kali ini diserikan lagi dengan persembahan-persembahan daripada kakitangan jabatan bedah dan jamuan makan.

vii. 25/11/2016 - Bengkel Nutrisi ‘*Nutritional Workshop*’

Bengkel ini diketuai oleh Dr. Hafzan dan telah berjaya dianjurkan selama satu hari di Wisma IJM. Bengkel ini telah disertai oleh 14 kakitangan HDOK dan 52 peserta daripada pusat kesihatan yang lain termasuk Hospital Beluran, Hospital Kinabatangan dan lain-lain. Pihak jabatan juga telah menjemput 3 penceramah daripada luar untuk perkongsian bersama sempena bengkel ini. Bengkel ini telah berjaya memberi pengetahuan mengenai nutrisi kepada peserta dan berakhir pada pukul 5.00 petang.

Kami berterima kasih atas sokongan daripada pengarah hospital kami, Dr Francis Paul dan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah untuk menjayakan pelbagai aktiviti sepanjang tahun 2016. Kami amat menghargai kerjasama dan bantuan dari Hospital Queen Elizabeth dan Hospital Kuala Lumpur. Kekurangan aktiviti jabatan pembedahan pada tahun ini berbanding dengan tahun lepas kerana kekurangan pakar bedah daripada 4 orang dikurangkan kepada 2 orang. Ini menyebabkan kami lebih menumpukan tenaga untuk mengekalkan perkhidmatan pembedahan kepada pesakit. Lebih-lebih lagi, penutupan dewan bedah asal menyebabkan kami terpaksa menggunakan bilik bedah sementara adalah tidak sesuai untuk menganjurkan bengkel-bengkel teknikal pembedahan.

Foto Galeri Aktiviti

Kem Endoskopi Di Hospital Tongod April 2016



Kempen Kesedaran Kanser Payudara Oktober 2016





Endoskopi Di Hospital Kinabatangan Oktober 2016



Bengkel Kemahiran Surgical November 2016



Malam Surgikal November 2016



Bengkel Nutrisi November 2016



LAPORAN TAHUNAN JABATAN ORTOPEDIK

JABATAN ORTOPEDIK

Pengenalan

Jabatan Ortopedik Hospital Duchess of Kent Sandakan merupakan tulang belakang bagi perkhidmatan perubatan trauma dan rawatan kepatahan, di pantai timur Sabah, yang meliputi kawasan Sandakan, Kinabatangan dan Beluran.

Jabatan ini mengendalikan kes-kes baru di wad dan rawatan susulan di klinik, disamping menerima kes-kes rujukan daripada jabatan lain di HDOK, pengamal perubatan umum dan rujukan daripada hospital dan klinik luar daerah.

Perkhidmatan – Perkhidmatan Yang Disediakan

1. Jabatan Pesakit Luar (OOPD)

- Klinik Ortopedik Umum – Memberi rawatan susulan bagi kes - kes discaj dari wad
- Menerima kes – kes rujukan daripada Jabatan Kecemasan, Jabatan Pesakit Luar, Pengamal Perubatan Swasta
- Menerima kes – kes rujukan daripada Hospital sekitar Pantai Timur Sabah, Hospital Lahad Datu, Hospital Beluran dan Klinik Kesihatan Telupid.
- Memberi perkhidmatan Klinik seperti – Plaster Of Paris (POP) splinting, bandaging, wound derssing, removal of K' wire, removal of External fixator.

Jadual Perkhidmatan Klinik Ortopedik

- 8 AM – 1PM
- Menerima dan merawat pesakit, rujukan, Lawatan Pakar dari hospital lain.
- Rawatan perkhidmatan diberi oleh pakar Ortopedik, Pegawai Perubatan dan Pegawai Perubatan Siswazah dibawa penyeliaan pakar.

2. Pesakit Dalam

Melakukan rondaan wad – Minor setiap hari

Grand round – dilakukan pada hari Selasa (Rondaan Pra Pembedahan), Rabu dan Jumaat (Rondaan Selepas Pembedahan)

Masa melawat di wad

Tengahari	12.30 PM – 2.00 PM
Petang	4.30 PM – 7.30 PM
HKA/cuti umum	2.00 PM – 7.30 PM

Memberi rawatan secara keseluruhan / holistik

Memberi rawatan yang spesifik. Contoh: Internal fixation

Menerima rujukan dan memberi rawatan kepada pesakit daripada Jabatan lain / disiplin.

Melakukan minor prosedur dalam wad. Contoh:

- i. Wound care
- ii. Wound debridement
- iii. CMR
- iv. Disloughing
- v. Skull Tong

Merujuk kes – kes tertentu / disiplin yang berkenaan.

Memberi perkhidmatan

- vi. Rehabilitasi
- vii. Fisioterapi
- viii. Occupational Therapy
- ix. Kaunselling / Social Welfare
- x. Nasihat pemakanan (Rujukan Dietitian)

3. Dewan Bedah

Prosedur pembedahan dilakukan:

- Internal fixation of fractures dan dislocation
- External fixation of fractures
- Surgical management of soft tissue injuries
- Surgical management of traumatic injury to hand / digits
- Joint replacement (Hip & Knee)
- Spinal surgery
- Hand surgery
- Limb lengthening
- Wound care
- Pain management
- Diabetic foot care
- Spinal care

Jadual Pembedahan

Jenis	Masa
Pembedahan kecemasan	Beroperasi 24 jam
Hari Pembedahan	Isnin (8 – 5 PM) Rabu (8 – 5 PM) Jumaat (9 - 5 PM)

Laporan perubatan

Berkerjasama dengan Jabatan Rekod dan Dokumentasi bagi menyediakan laporan perubatan bagi pesakit – pesakit berkaitan masalah Ortopedik.

PERKESO


Berkerjasama dengan pihak PERKESO untuk membuat penilaian tuntutan bayaran faedah kemalangan pesakit.

Latihan

1. Menerima Pelatih Pegawai Perubatan Siswazah, Kolej Sains Kesihatan Bersekutu KKM dan Kolej – kolej Swasta menjalankan latihan amali di Jabatan Ortopedik.
2. Menerima penempatan klinikal pelatih Perawatan pos Basik Ortopedik KKM dan dari Hospital-hospital swasta bekerjasama dengan Kolej Kejururawatan Sandakan.

4. Sumber Manusia

Carta Organisasi Jabatan Ortopedik



Bilangan Katil Wad Ortopedik

HDOK mempunyai 34 buah katil ortopedik keseluruhannya

Wad Ortopedik lelaki 26 buah katil

Wad Ortopedik perempuan 8 buah katil

Wad Ortopedik menempatkan kanak-kanak mengikut jantina, iaitu pesakit kanak-kanak perempuan dimasukkan dalam wad ortopedik perempuan dan sebaliknya.

Skop Perkhidmatan

- Perkhidmatan Pesakit Dalam (Wad)
- Perkhidmatan Pesakit Luar (Klinik)
- Dewan Bedah
- Perkhidmatan kasting (POP) dan Dressing
- Lawatan Pakar Luar Daerah
- Penyediaan Laporan Perubatan

Merujuk kes ke lain-lain hospital

Jawatan	Gred	Jumlah Penjawat
Pakar Ortopedik	UD 53/52	2
Pegawai Perubatan	UD 48	2
Pegawai Perubatan	UD 44	4
Pen. Pegawai Perubatan	U 36	1
Pen. Pegawai Perubatan	U 32	1
Pen. Pegawai Perubatan	U 29	1

Pakar Ortopedik UD52 Dr. Chua Wei Siong telah melaporkan diri untuk bertugas di Jabatan Ortopedik Hospital Duchess of Kent pada

5. Beban Kerja

1. Wad

- Jumlah kes ortopedik masuk wad 1,217
- Jumlah discaj setahun 1,219
- Kadar Penggunaan katil (%) 56.37
- Purata Jangkamasa tinggal 5.75 hari
- Jumlah kematian setahun 15

2. Dewan Bedah Ortopedik

- Pembedahan elektif 191
- Pembedahan kecemasan 2229
- Jumlah **2,420**

3. Klinik Pakar Ortopedik	
• Jumlah Pesakit baru	1,756
• Jumlah pesakit ulangan	11,963
• Jumlah Keseluruhan	13,719
4. Laporan Perubatan	231
5. Rawatan Spesifik	
• Removal and application of POP	3,035
• pelbagai	250
• Dressing	3,879
Jumlah:	7,161

Aktiviti

(i) Aktiviti Peningkatan Kualiti

Pemantauan objektif Kualiti (NIA/KPI). Semua aktiviti kualiti pemantauan KPI dapat dicapai. Masa pemantauan bermula dari bulan Januari sehingga December 2016

(ii) Aktiviti Jabatan

1. Kursus Pop Workshop 2016

Jabatan Ortopedik Hospital Duchess of Kent, telah Berjaya menganjur POP Workshop kali kedua pada 1 hingga 2 Desember 2016, seramai 35 orang peserta telah mengikuti kursus ini. Peserta terdiri daripada Pegawai Perubatan, Penolong Pegawai Perubatan sekitar daerah Sandakan. Pelatih-Pelatih Post Basik Perawatan Ortopedik dari Kolej Kejururawatan Sandakan dan Pegawai Perubatan Siswazah dari Hospital Duchess of Kent.

Objektif bengkel ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan peserta tentang cara mengenalpasti dan mengetahui rawatan terkini kepatahan dan mempelajari teknik pemasangan POP yang betul. Kursus ini telah dirasmikan oleh Pengarah hospital Duchess of Kent Sandakan iaitu Dr. Francis

Tenaga pengajar terdiri daripada Pakar dan Penolong Pegawai Perubatan Ortopedik iaitu Dr. Yasser Abdel Kader Pakar Ortopedik UD 53 dan Dr. Chua Wei Siong Pakar Ortopedik UD 52, Pegawai Perubatan Ortopedik dan Penolong Pegawai Perubatan Ortopedik iaitu PPP Majirik Oswald Nuing U 36, PPP Haji Darwis Karamudin U 32 dan PPP Willie Endrie U29

**LAPORAN TAHUNAN
JABATAN
OTORINOLARINGOLOGI**

JABATAN OTORINOLARINGOLOGI

Pengenalan

Jabatan Otorinolaringologi merupakan salah satu komponen perkhidmatan pakar yang disediakan di Hospital Duchess Of Kent Sandakan. Perkhidmatan Pakar Otorinolaringologi di HDOK Sandakan dimulakan pada tahun 1990 yang dikendalikan oleh seorang doktor pakar dari negara Myanmar, iaitu Dr. Win Tin. Pada masa tersebut beliau hanya dibantu oleh seorang Penolong Jururawat Terlatih. Untuk Pesakit Dalam, Jabatan ini diperuntukkan 4 katil di Male Ortho Ward dan 4 katil di Female Surgical Ward. Terkini, bermula Januari 2017 pesakit dalam ORL di tempatkan di Wad Eye/ ENT dan diperuntukkan sebanyak 6 buah katil sahaja.

Visi

Jabatan Otorinolaringologi Hospital Duchess of Kent, Sandakan akan menjadi Pusat Perkhidmatan Pakar yang berkualiti dan komprehensif di Pantai Timur Sabah yang dikendalikan oleh anggota yang profesional, cekap dan terlatih.

Misi

- Jabatan Otorinolaringologi Hospital Duchess of Kent, Sandakan akan menjadi Pusat Rujukan dan Pembelajaran di Pantai Timur Sabah.
- Memberikan pelbagai jenis perkhidmatan merangkumi pesakit dalam dan pesakit luar Klinik Pakar, Kecemasan dan masalah pendengaran dengan penekanan terhadap pencegahan, penyembuhan dan pemulihan.
- Menyediakan anggota yang terlatih, cekap dan berdedikasi melalui pendidikan berterusan.

Objektif

- Memberi perkhidmatan Otorinolaringologi yang sesuai dan berkualiti.
- Meningkatkan taraf kesihatan dan kesedaran terhadap penjagaan telinga, hidung dan tekak di kalangan masyarakat.

Sumber Manusia

Jabatan ini terletak di Aras 3, Bangunan Klinik Pakar HDOK Sandakan dan mempunyai anggota seramai 20 orang seperti berikut:

- | | |
|-----------------------------------|-----------|
| 1. Ketua Jabatan & Pakar ENT UD54 | - 1 orang |
| 2. Pegawai Pakar ENT UD52 | - 1 orang |

3. Pegawai Pakar ENT UD53(kontrak)	- 1 orang
4. Pegawai Perubatan UD51 (kontrak)	- 1 orang
5. Pegawai Perubatan UD48	- 1 orang
6. Pegawai Perubatan UD44	- 1 orang
7. Pegawai Pemulihan Perubatan (Pendengaran) U41	- 2 orang
8. Pegawai Pemulihan Perubatan (Pertuturan) U41	- 1 orang
9. Penolong Pegawai Perubatan U32	- 1 orang
10. Penolong Pegawai Perubatan U29	- 1 orang
11. Jururawat Terlatih U29	- 4 orang
12. Jururawat Masyarakat U19	- 3 orang
13. Penolong Jururawat Terlatih U11	- 1 orang
14. Pembantu Perawatan Kesihatan	- 1 orang

Skop Perkhidmatan

- Menyediakan rawatan **pesakit luar** di klinik pakar.
- Menyediakan rawatan **pesakit dalam**.
- Memeriksa dan merawat kes-kes **rujukan baru**.
- Menyediakan rawatan bagi **semua kes kecemasan** yang melibatkan masalah telinga, hidung & tekak.
- Menyediakan perkhidmatan rawatan/ konsultasi “**Sleep Apnea Study**” dan “**CPAP Trial**”.
- Menyediakan **pemeriksaan/ujian pendengaran termasuk dan rehabilitasi** oleh Pegawai Audiologi.
- Menyediakan **perkhidmatan terapi pertuturan** oleh Pegawai Pemulihan Pertuturan.
- Menyediakan **rawatan konsultasi** dan menyelaraskan perkhidmatan Otorinolaringologi.
- Menyediakan perkhidmatan **pembedahan** ke atas kes-kes elektif dan kecemasan yang memerlukan pembedahan.
- Menyediakan **perkhidmatan rawatan harian** kepada pesakit yang memerlukan seperti:
 - Penukaran tiub Trakeostomi.
 - Penyucian luka (dressing).
 - Suture to open.
 - Incision & drainage.
 - Pengeluaran benda asing dari telinga, hidung & tekak.
 - Nasopharyngeal Biopsy.
 - Oropharyngeal Biopsy.
 - FNAC.

1. Memberi **pendidikan kesihatan** kepada pesakit.
- Menjalankan perkhidmatan rawatan Pakar Otorinolaringologi atas **lawatan ke hospital-hospital daerah sekitar Sandakan.**

Bil	Aktiviti	2014	2015	2016
1	Hearig screening (Universal / High Risk)	442	327	340
2	Pesakit Menjalani Ujian "Sleep Study-PSG"	40	37	42
3	Bilangan Kes Baru " CPAP Machine"	7	9	12
4	Bilangan Kes Baru " Hearing Aid"	97	120	61

hospital daerah sekitar Sandakan.

- Perkhidmatan pemeriksaan kesihatan - pendengaran (**Medical Check-Up**).
- Perkhidmatan pemeriksaan kesihatan - pendengaran & pertuturan (**Kebajikan/ OKU**).
- Penyediaan **Laporan Perubatan**.
- Menyediakan **perkhidmatan latihan kepada Pelatih Paramedik**.

Jumlah Pesakit Mengikut Aktiviti/ Program Khas Jabatan Orl Hdok Sandakan 2014-2016

Aktiviti-Aktiviti Anjuran Jabatan Otorinolaringologi Tahun 2016

AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
Kursus Neonatal Hearing Screening 2016	22/1/2016	HDOK SANDAKAN
Tracheostomy Care Workshop For Paramedics 2016	23/2/2016	HDOK SANDAKAN
Jemputan Mini Karnival Kesihatan Telupid 2016	23/4/2016	TELUPID
Pameran & Saringan Kanser Pangkal Hidung Sempena Hari Terbuka Hdok Sandakan	8/10/2016	HDOK SANDAKAN
Pameran & Saringan Osa Sempena Hari Terbuka Hdok Sandakan	8/10/2016	HDOK SANDAKAN
Pameran & Saringan Pendengaran Sempena Hari Terbuka Hdok Sandakan	8/10/2016	HDOK SANDAKAN
Kursus Emergencies In Ear,Nose & Throat	21/10/2016	HDOK SANDAKAN
Jamuan Perpisahan Pakar Otorinolaringologi Dr. Sanwar Mal Pareek	28/10/2016	English Tea House& Restaurant Sandakan
CME Jabatan	Diadakan Sekali Dalam Sebulan	
Mesyuarat Jabatan ENT	Diadakan Sekali Dalam Sebulan	

Gambar-Gambar Aktiviti

1. Kursus Neonatal Hearing Screening 2016 (22/1/2016)

Tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk memberi pengetahuan dan kesedaran kepada paramedic tentang pentingnya pengesanan awal masalah pendengaran di kalangan kanak-kanak. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk memberi tunjuk ajar bagaimana menggunakan beberapa mesin di unit Audiologi. Seramai 45 orang peserta yang telah mengikuti kursus yang di anjurkan oleh Jabatan Otorinolaringologi Hdok Sandakan.



Gambar AJK Neonatal Hearing Screening 2016

Hari Terbuka Hospital Duchess of Kent, Sandakan 2016 (8/10/2016)

Tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk member pengetahuan dan kesedaran kepada masyarakat tentang penyakit-penyakit yang berkaitan dengan telinga hidung dan tekak. Seramai 61 orang pelanggan yang telah mendapatkan khidmat saringan yang disediakan di Klinik Pakar ENT pada hari tersebut.



Kursus Emergencies In Ear, Nose & Throat (ENT) – 21/10/2016

Tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam menangani pesakit-pesakit ENT, meningkatkan kesedaran mengenai pelbagai penyakit ENT dan menangani masalah kes-kes kecemasan ENT dan mempromosikan Continuous Medical Education di ENT. Seramai 62 orang peserta telah mengikuti kursus yang di anjurkan oleh Jabatan Otorinolaringologi yang melibatkan staf dari dalam hospital dan juga staf luar daripada hospital pada bulan oktober.

Jabatan ORL, Hospital Duchess of Kent, Sandakan



Jamuan Perpisahan Pakar Otorinolaringologi (28/10/2016)

Jamuan perpisahan adalah untuk memberi sekalung penghargaan kepada Dr. Sanwar Mal Pareek sepanjang perkhidmatan beliau di Jabatan Otorinolaringologi dari tahun 2014 hingga 2016.



JUMLAH KEDATANGAN PESAKIT JABATAN OTORINOLARINGOLOGI 2014-2016

KEDATANGAN PESAKIT LUAR JABATAN ORL	KLINIK	JENIS	2014	2015	2016	
	KLINIK ORL	BARU		1760	1650	1841
		ULANGAN		6617	5637	6331
		JUMLAH		8377	7287	8172
	KLINIK AUDIOLOGI	BARU		1234	1331	1420
		ULANGAN		1323	1431	1545
		JUMLAH		2557	2762	2965
	KLINIK PERTUTURAN	BARU		423	443	396
		ULANGAN		775	622	561
		JUMLAH		1198	1065	957
JUMLAH KESELURUHAN KLINIK (ORL + AUDIO + PERTUTURAN)			12,092	11,114	12,094	

Jumlah Kes Pembedahan Otorinolaringologi 2014 – 2016

Jumlah Kes Pembedahan	2014	2015	2016
ENT	241	234	217 PEMBEDAHAN ELEKTIF + LOCUM OT = 173 PEMBEDAHAN KECEMASAN = 44

LAPORAN JUMLAH PESAKIT DALAM (IN-PATIENT) BAGI JABATAN ORL HDOK SANDAKAN

Bil	Petunjuk	2014	2015	2016
1	Bilangan Kemasukan	423	406	429
2	Purata Harian Bilangan Kemasukan	1.16	1.11	1.17
3	Bilangan Keluar Hospital	424	403	432
4	Bil Kematian	2	8	7
5	Kadar Penggunaan Katil (BOR)	47.59%	48.85%	51.98%
7	Bilangan Katil	7	7	8
8	Pindah Ke Hospital Lain	1	1	3
9	Pindah Masuk Dari Hospital Lain	0	0	0
10	AOR	1	7	4

Petunjuk Prestasi / Performance Indicator	Sasaran/ Target	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	T	Peratusan (%)	Note
Percentage of patients with waiting time of ≤ 90 minutes to see the doctor at Otorhinolaryngology Clinic. (Standard: $\geq 90\%$) (monthly)	12	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	12	100.00%	ENT
(2) Percentage of patients with waiting time of less than 3 months for elective surgery. (Standard: $\geq 90\%$) (monthly)	12	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	12	100.00%	ENT
(3) Incidence of post-tonsillectomy haemorrhage. (Standard: $< 5\%$) (monthly)	12	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	12	100.00%	ENT
(4.2) Percentage of complication of any one of the following surgery: 2. FESS: Eye Injury/CSF Leak (Standard: $< 10\%$) (6-monthly)	2						1						1	2	100.00%	ENT
(5.1) Success rate of surgery 1. Myringoplasty: Closure of perforation (Standard: $\geq 70\%$) (6-monthly)	2						1						1	2	100.00%	ENT

PENCAPAIAN NIA KPI JABATAN OTORINOLARINGOLOGI HDOK SANDAKAN JANUARI-DISEMBER TAHUN 2016

Laporan Pencapaian Objektif Kualiti Ms –Iso 9001-2000 Tahun 2016 Bagi Jabatan Otorinolarologi Hdok Sandakan

A). Objektif Kualiti :				
<ul style="list-style-type: none"> 90% Of Patient With Awaiting Time Of \leq 90 Minutes To See Doctor In The Specialist Clinic. 				
B). Metodologi :				
<ul style="list-style-type: none"> Pengumpulan Data Melalui: <ul style="list-style-type: none"> Laporan Qms Dari Unit Ict 				
C). Sampling :				
<ul style="list-style-type: none"> Pesakit Yang Datang Ke Klinik Orl Semasa Sesi Klinik. 				
Bulan	Jumlah Sampel	Jumlah Pesakit Dirawat Dalam Tempoh 90 Minit	Peratus Pencapaian	Catatan
Januari	672	615	91.5 %	Objektif Kualiti Yang Ditetapkan Tercapai.
Februari	697	632	90.6%	Objektif Kualiti Yang Ditetapkan Tercapai.
Mac	773	653	85%	Objektif Kualiti Yang Ditetapkan Tercapai.
April	697	669	96 %	Objektif Kualiti Yang Ditetapkan Tercapai.
Mei	554	439	79%	Objektif Kualiti Yang Ditetapkan Tidak Tercapai.
Jun	744	799	93.1%	Objektif Kualiti Yang Ditetapkan Tercapai.
Julai	520	549	94.7%	Objektif Kualiti Yang Ditetapkan Tercapai.
Ogos	683	795	85%	Objektif Kualiti Yang Ditetapkan Tidak Tercapai.
September	655	619	95 %	Objektif Kualiti Yang Ditetapkan Tercapai.
Oktober	692	671	96.9 %	Objektif Kualiti Yang Ditetapkan Tercapai.
November	787	701	89%	Objektif Kualiti Yang Ditetapkan Tidak Tercapai.
Disember	579	532	91.8%	Objektif Kualiti Yang Ditetapkan Tercapai.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Memerlukan penempatan baru bagi Jabatan Otorinolarologi yang selesa dan sempurna bagi anggota dan semua pelanggan Hospital Duchess Of Kent Sandakan.

Dengan penambahan bilangan anggota dan perancangan memperluaskan skop perkhidmatan sedia ada, Jabatan Otorinolarologi mengalami isu kesesakan dan kekurangan ruangan/ bilik bagi menyelaraskan perkhidmatan sedia ada, disamping memperluaskan penyampaian perkhidmatan yang ingin diberi.

LAPORAN TAHUNAN JABATAN OFTALMOLOGI

JABATAN OFTALMOLOGI

Pengenalan

Jabatan oftalmologi mula beroperasi pada tahun 1992. Perkhidmatan yang diberikan meliputi rawatan penyakit mata, pembedahan dan rawatan segera untuk kes-kes kecemasan dan susulan untuk semua penduduk disekitar kawasan Sandakan termasuk dari daerah Beluran, Kinabatangan dan Telupid. Ia juga berfungsi sebagai rujukan bagi lain-lain Unit di HDOK, Klinik Kesihatan dan Klinik Swasta. Jabatan Oftalmologi mempunyai wad untuk pesakit yang memerlukan kemasukan ke wad. Wad tersebut terletak di aras 1 bangunan lama Hospital Duchess of Kent Sandakan, mula beroperasi pada 3 April 2008. Wad ini menempatkan pesakit yang hanya mempunyai masalah mata. Kategori umur pesakit yang dirawat di wad ini adalah berumur 1 tahun keatas. Wad mata dibahagi kepada 2 bahagian iaitu, bahagian lelaki dan bahagian perempuan. Jumlah katil di wad mata adalah 14 buah (7 lelaki : 7 perempuan).

Visi

Menjadikan Jabatan Oftalmologi HDOK satu jabatan yang dipercayai dan diyakini oleh masyarakat dengan taraf perkhidmatan yang cemerlang.

Misi

Memberikan perkhidmatan dalam bidang Oftalmologi pada tahap yang cemerlang dengan dianggotai oleh pakar dan kakitangan paramedik yang terlatih dan mahir serta cekap dan bertanggungjawab dalam memberi perkhidmatan dalam Oftalmologi.

Piagam Pelanggan Jabatan Oftalmologi (Wad Mata)

1. Setiap pelanggan akan dilayan dengan baik, mesra, bertimbang rasa, hormat dan bersopan santun, jujur dan ikhlas.
2. Pesakit dan keluarga akan diberi maklumat mengenai peraturan kemasukan ke Wad.
3. Setiap pesakit akan ditempatkan di katil dalam tempoh 15 minit.
4. Setiap pesakit akan diperiksa oleh pegawai perubatan dalam tempoh 20 minit.
5. Setiap pesakit diberi jaminan bahawa kehormatannya akan terpelihara semasa menerima rawatan, segala maklumat mengenai penyakit dan rawatan akan

dirahsiakan dan hanya boleh diberitahu kepada pihak tertentu dengan keizinannya tertakluk kepada undang-undang.

6. Setiap pesakit akan diberi penerangan yang jelas mengenai prosedur dan rawatan yang dicadangkan termasuklah risiko dan keperluan yang lain.

1. Objektif

Menentukan diagnosa ,memberi perkhidmatan perawatan dan rehabilitatif yang sempurna, berkesan dan memenuhi kehendak klien yang memerlukan rawatan kepakaran serta penjagaan susulan.

2. Perjawatan

Pada pertengahan tahun 2016, erdapat perubahan perjawatan kakitangan Jabatan oftalmologi, ini disebabkan oleh perpindahan keluar ke Unit dan ke Hospital lain. Kakitangan yang terlibat adalah: Dr Lim Zi Di Gred U44 telah berpindah ke Hospital Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Jururawat Terlatih Sahria Daraup Gred U29 telah berpindah keluar ke Jabatan Aneasthesia HDOK dan PPK Dayang Jameil bersara wajib. Walaubagaimanapun, Jabatan Oftalmologi telah menerima beberapa kakitangan baru bagi menggantikan kakitangan yang telah berpindah keluar, iaitu, Dr Mohd Nazri Nordin, Pegawai Perubatan Gred U42, Penyelia Jururawat Nor Aini bin Ab Mulok U36 daripada HQE 2 dan Jururawat Terlatih Rose Hubung Gred U29 dari FSW HDOK.

Jadual 1 : Perjawatan Jabatan Oftalmologi

Bil	Jawatan	Gred	Unit	
			Wad	Klinik
1.	Pakar Oftalmologi	UD54	1	
4.	Pegawai Perubatan(Kontrak)	UD51	1	
5.	Pegawai Perubatan (Kontrak)	UD47	1	
6.	Pegawai Perubatan	UD44	2	
9.	Pegawai Optometri	U41	0	2
10.	Penolong Pegawai Perubatan Kanan	U32	0	1
11.	Ketua Jururawat	U32	1	1
12.	Penolong Pegawai Perubatan	U29	0	2
13.	Jururawat Terlatih	U29	9	4
14.	Jururawat Masyarakat	U19	6	4
16.	Pembantu Perawatan Kesihatan	U12	0	1
17.	Pembantu Perawatan Kesihatan	U11	4	1

3. Perkhidmatan/Rawatan yang diberi:

Wad Mata

Wad Mata beroperasi selama 24 jam dengan 3 pertukaran shift :-

- a) Shift pagi (7.00 am -2.00pm)
- b) Shift petang (2.00pm-9.00mlm)
- c) Shift malam (9.00mlm-7.00am)

- Perkhidmatan/Rawatan yang diberi : Pembedahan Mata (major/minor) kecuali corneal transplant, vitrectomy, squint surgery, dan retinal detachment.
- Rawatan Harian untuk kes-kes pembedahan mata seperti katarak dan kes- kes minor.
- Pembedahan Elektif dijalankan pada hari Isnin, Rabu dan Sabtu termasuklah pembedahan rawatan harian.

Klinik Mata

- Melakukan rawatan Laser (Argon / Yag)
- Mengadakan klinik kanak-kanak termasuk ROP screening
- Melakukan pemeriksaan perubatan keatas pemohon yang dirujuk oleh pihak – pihak yang berkenaan.

Lain- lain Perkhidmatan dan Rawatan

- Memberikan rawatan kecemasan pada setiap masa (24 jam)
- Membuat Lawatan Kepakaran mata di hospital Beluran, Kinabatangan dan Lahad-Datu
- Menganjurkan kursus mata, CME, kem kesihatan dan bengkel secara berterusan
- Sebagai pusat pembelajaran memberi latihan kepada pelatih-pelatih kolej kejururawatan Sandakan dan kolej kejururawatan swasta.

Jadual 2: Jadual Rawatan Jabatan Oftalmologi

HARI/MASA	8.00 - 1.00	1.00 - 2.00	2.00 - 5.00
Isnin	Temujanji/ Baru&Ulangan		Temujanji Baru & Ulangan kecemasan

LAPORAN TAHUNAN 2016

Selasa	Temujanji Baru,Ulangan, Rop Screening	Preop Assisment	Temujanji Baru & Ulangan kecemasan
Rabu	Temujanji/Baru&Ulangan/ Pembedahan mata Elektif di Dewan Bedah	Pembedahan mata Elektif di dewan bedah	Temujanji/Baru&Ulangan/ Pembedahan mata Elektif di dewan Bedah
Khamis	Temujanji/Baru&Ulangan/ kecem-asaan/post op		Temujanji/Baru&Ulangan Post Op
Jumaat	Prosedurminor/Temujanji Baru/Kecemasan,Ropscree ning di wad rawatan bayi		Temujanji baru/ulangan/kecemasan
Sabtu minggu 1dan ke3	1.00-6.00 Pembedahan mata elektif di dewan bedah		

4. Aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan

a) CME/CNE IN HOUSE Jabatan Oftalmologi

Jadual 3: Jadual CME /CNE

Bil.	Tarikh	Tajuk	Penceramah
1.	08/01/2016	Optic-disc and VF changes of Glaucoma	Dr.Lim Zi Di
2.	22/01/2016	Anti-glaucoma medication	Dr.Viona Lai
3.	19/02/2016	Aqueous humor production and drainage	Dr.Fayyaz Ahmad
4.	26/02/2016	Journey of my life Part 1:AMO	Amo Linjabat Mandasah
5.	04/03/2016	Challenging Cases Part 1:Rubeotic Glaucoma	Dr.Fayyaz Ahmad
6.	29.03.2016	Types of Glaucoma and management	JT Jelsie@ Wina zennylin
7.	29.03.2016	Pain as 5 th vital sign	JM Fannysberry Eliseus
8.	18/04/2016	Challenging Cases Part 2:Juvenile Glaucoma	Dr.Omar Hefni
9.	22/04/2016	Lens transparency	Dr.Nazrin Mohd.Nordin
10.	26.04.2017	Penjagaan Mata selepas pembedahan Katarak	Jm Zuraina Zulkifli
11.	29/04/2016	Cataract Formation	Dr.Viona Lai
12.	20/05/2016	Cataract Surgery	Dr.Lim Zi Di
13.	27/05/2016	Journey of my life Part 2:Nurses	Kj.Nursiah Gipong
14.	17/06/2016	Challenging Cases Part 3:PXF with Cataract	Dr.Fayyaz Ahmad
15.	24/06/2016	Challenging Cases Part 4:Traumatic Cataract	Dr.Omar Hefni

LAPORAN TAHUNAN 2016

16.	22/07/2016	Society of blindness in Malaysia	Optometris Iqbal Basri
14.	29/07/2016	Low Vision Aid	Optometris Creastiani Laisin
15.	19/08/2016	Post basic in Ophthalmology	Jt.Fatimah Norbee
16.	26/08/2016	Retina	Dr.Nazrin Mohd.Nordin
17.	01.09.2016	Visual Acuity	JT Sapnah@Ajrah Abd Latif
18.	01.09.2016	Strabismus	JT Noradilah Adam
19	01.09.2016	Silver Alert	Kj Sasni Wasty Awang
19.	23/09/2016	Retina degeneration and detachment	Dr.Omar Hefni
20.	30/09/2016	Macula Hole	Dr.Fayyaz Ahmad
21.	14.10.1716	Administration of oral medication	JT Cynthia Emilitta
22.	28/10/2016	IPCV	Dr.Viona Lai
23.	28/10/2016	Fundus photo in Diabetic Retinopathy	AMO.Jacqueline Sinti
24.	18/11/2016	Journey of my life Part 3:DOCTOR	Dr.Fayyaz Ahmad
25.	25/11/2016	VA and amblyopia in Children	Optometris Iqbal Basri
26.	09/12/2016	Malingering Test	Optometris Creastiani Laisin
27.	16/12/2016	My Research	Jt.Jelsie Minar

b) Kursus

Jadual 3 : Aktiviti Kursus 2016

Bil	Aktiviti	Tarikh	Objektif / kumpulan Sasaran
1	Bengkel Saringan Ujian Penglihatan 2016 Anjuran Unit Optometri di Dewan Selingan Aras 1 Bangunan Klinik Pakar HDOK.	02.04.16	<p>Objektif :</p> <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan kesedaran guru-guru mengenai masalah penglihatan, ralat refraksi dan ambliopia di kalangan pelajar pra sekolah. Melatih guru-guru mengambil akuiti visual dan mengenal pasti pelajar yang mempunyai masalah penglihatan dan seterusnya merujuk pelajar tersebut ke klinik mata. <p>Kumpulan Sasaran :</p> <ul style="list-style-type: none"> Guru-guru KEMAS Tadika sekitar Sandakan (45 orang) Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Daerah Sandakan.

2	Kursus Diabetik Retinopati Dan Credentialing Anjuran usahasama Pejabat Kesihatan Sandakan dan Jabatan Oftalmologi HDOK di Dewan Selingan Aras 1 Bangunan Klinik Pakar HDOK.	15.05.16	<p>Objektif Umum:</p> <ul style="list-style-type: none"> Membantu Pegawai Perubatan meningkatkan pengetahuan mengenai saringan mata dikalangan pesakit diabetis supaya memantapkan perkhidmatan saringan retinopati di daerah Sandakan. <p>Objektif Khusus</p> <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan pengetahuan pegawai perubatan mengenai penyakit diabetik retinopati dan sebagai Mengadakan latihan ulangkaji bagi meningkatkan kemahiran saringan diabetic retinopati Menilai tahap pengetahuan peserta untuk dianugerahkan “Credentialing certificate” bagi peserta yang lulus Mempertingkatkan perkhidmatan saringan mata dikalangan pesakit diabetis <p>Kumpulan Sasaran :</p> <ul style="list-style-type: none"> Pegawai perubatan,HO, Penolong Pegawai Perubatan diklinik kesihatan diseluruh daerah Sandakan seramai 33 orang.
---	---	----------	---

c) Aktiviti luaran Jabatan.

Jadual 4: Aktiviti Luaran Jabatan

BIL	Aktiviti	Tarikh	Jumlah Penglibatan
1	Program saringan pemeriksaan mata untuk orang awam anjuran bersama Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) cawangan daerah Sandakan di Dewan SM Yu Yuan, Batu 4 Sandakan	24.04.16	Jumlah orang yang diperiksa 126 orang
2	Kem Perubatan Kg.Masaum ,Tongod anjuran Hdok Menjalankan aktiviti saringan ujian penglihatan untuk orang kampung di Sk Kg.Massaum ,Tongod	20.05.16-22.05.16	Jumlah penduduk kampung yang dibuat saringan penglihatan seramai 49 orang
3	Program NBOS(National Blue Ocean Strategy) anjuran bersama Hospital Kinabatangan Saringan pemeriksaan mata orang awam di Lobi pejabat kesihatan Hospital Kinabatangan	23.07.16	Jumlah orang yang diperiksa seramai 57 orang
4	Saringan pemeriksaan orang awam untuk penyakit glaukoma sempena Hari Terbuka HDOK 2016 di Dewan Selingan Aras 1,Bangunan Klinik Pakar,HDOK Sandakan	08.10.16	Jumlah orang yang diperiksa 29 orang
5	Program Katarak 1 Malaysia(KK1M) anjuran bersama Jabatan Oftalmologi Hdok Sandakan,Hospital Tawau dan Hospital Lahad Datu di Dewan Bedah Hospital Lahad Datu	05.08.16-06.08.16. 02.12.16-03.12.16.	Jumlah pesakit mata yang dibuat pembedahan seramai 45 orang. Jumlah pesakit mata yang dibuat pembedahan seramai 47 orang

d) Aktiviti Nilai-nilai Murni**Jadual 5: Aktiviti nilai-nilai murni Jabatan**

Bil	Aktiviti	Tarikh	Objektif
1	Program lawatan ke Rumah Warga Tua Sri Harapan, Sandakan sempena Hari Raya Aidil Fitri 2016	31.07.16	<p>Tema :Riang-Ria Aidil Fitri</p> <p>Objektif:</p> <ul style="list-style-type: none"> Menjalin dan memperkukuhkan hubungan kemasyarakatan antara warga Hdok dan penduduk setempat Berkongsi kegembiraan lebaran bersama golongan yang memerlukan Menerap budaya menyayangi serta menghargai warga emas. <p>Aktiviti yang dijalankan:</p> <ul style="list-style-type: none"> Jamuan makan bersama warga Sri Harapan tajaan dari Jabatan Oftalmologi Penyerahan Hamper Raya kepada seramai 44 orang penghuni Majlis suaikenal dan Karoke bersama warga Sri Harapan.

e) Hari Keluarga Jabatan Oftalmologi HDOK**Jadual 6: Aktiviti Hari keluarga Jabatan**

Aktiviti	Tarikh	Objektif
Hari keluarga Jabatan Oftalmologi di Dewan Selingan Aras 1,Bangunan Klinik Pakar,HDOK	31/08/2016	<p>Tema:</p> <ul style="list-style-type: none"> 'Forever Young" <p>Objektif:</p> <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan semangat motivasi baru,berfikir akan potensi diri serta pendedahan sesama anggota dalam usaha sama-sama menjayakan program ini Memberi dan penambahbaikan serta menyemai semangat setiakawan,bekerjasama dalam merapatkan silaturahim dalam kalangan anggota dan persekitaran

f) Lain-lain aktiviti**Jadual 7: Lain-lain aktiviti Jabatan**

<i>Aktiviti</i>	<i>Tarikh</i>
Menyambut tahun baru 2016	6.1.2017
Membuat aktiviti gotong-royang wad	5 (Eksa di wad)
Menerima Sumbangan kanta daripada persatuan Lion	2

Menyambut fairwell untuk kakitangan yang telah bersara	1
Mesyuarat wad dan klinik	6
Menyambut Hari Jururawat bahagian Wad Mata	1

5. Pencapaian

a) Statistik Jabatan

Jadual 8: Statistik kemasukan dan % BOR (Wad Mata)

Tahun	Kemasukan pesakit	% BOR	Jumlah pembedahan
2014	761	33.3	518
2015	845	46	484
2016	685	36	445

Jadual 9: Beban kerja Tahun 2016 (Klinik Mata)

JUMLAH KEDATANGAN PESAKIT LUAR	
BARU	2,351
ULANGAN	10,782
JUMLAH KESELURUHAN	13,133

PESAKIT DALAM	
KEMASUKAN ELEKTIF	555
KEMASUKAN KECEMASAN	129
JUMLAH	685

RUJUKAN KE LAIN-LAIN HOSPITAL :1

PEMBEDAHAN MAJOR	
Jenis Pembedahan	Jumlah

PHACO+IOL	393
ECCE+IOL	47
PLAIN ECCE	1
SECONDARY IOL IMPLANT	10
TRABECULECTOMY	8
ENTROPION CORRECTION	2
SQUINT CORRECTION	1
LAIN-LAIN	42
JUMLAH	507

PEMBEDAHAN MINOR	
Jenis Pembedahan	Jumlah
PTERIGIUM EXCISION	72
I&C	7
CFB REMOVAL	85
LAIN-LAIN	13
JUMLAH	177

a) Pencapaian latihan unit

- i. CNE in house – Kakitangan Jabatan Ophthalmologi telah membuat CNE in house setiap bulan untuk staf Wad mata berkaitan dengan penyakit dan rawatan yang berkaitan dengan mata.
- ii. CME in house - Jabatan Optalmologi Wad dan klinik mengadakan CME setiap hari jumaat pada setiap minggu.
- iii. Konferen- 3 pegawai perubatan dan 1 ketua jururawat dan 1 Pembantu Prgawai Perubatan, diketuai oleh Dr Pakar Optalmologi wad mata telah mengikuti Malaysia-Singapore Joint apthalmic congress 2016 pada 4.3.16 yang telah diadakan di Kuching, Sarawak.
- iv. Kursus dalaman- 100% Jururawat, Pembantu Perubatan dan Pembantu Perawatan kesihatan daripada wad mata dan klinik telah mengikuti 2-3x kursus dalaman yang dianjurkan oleh unit / jabatan lain.

- v. Lawatan – Dr Chiang Wai Seng (Pakar Optalmologi, Dr Nazrin Nordin dan JT Jelsie minar telah mengikuti lawatan klinik katarak 1 malaysia di Lahad Datu pada 2-4 disember anjuran bersama Hospital Lahad Datu.
- vi. CNE unit kejururawatan – JT Nursyuhadah Indara dan JM Yapp Mei Ece telah memberi ceramah bertajuk corneal ulcer dan JT Liste Jasni dan JM Halimah Liew memberi ceramah berkaitan dengan Eye Injury bagi mewakili Jabatan Ofthalmologi.
- vii. *Kursus PSL – 4 orang Jururawat Masyarakat Jabatan Oftalmologi sedang menduduki kursus PSL yang bertempat di Kolej Kejururawatan Tawau yang bermula dari 01.7.2015 hingga 30.06.2016.*

b) Pencapaian Kualiti (Wad Mata)

Objektif kualiti Wad mata

Peratusan kemasukan semula pesakit ke wad mata dalam tempoh (\leq) 24 jam selepas discaj dari wad \leq 2%.

Pencapaian Objektif Kualiti Wad mata tercapai 100% daripada Januari- Disember 2016, iaitu 0% (tiada kemasukan semula pesakit dalam tempoh 24jam selepas discaj daripada wad).

6. Cadangan penambahbaikan.

Wad Mata

Keperluan	Justifikasi
<p><i>2 buah penghawa dingin di bilik-bilik rawatan. Bilik rawatan mata dan bilik rawatan THT.</i></p> <p><i>Peralatan perubatan seperti</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Syringe Pump</i> 2. <i>Cardia monitor</i> 3. <i>Katil berpagar</i> 4. <i>Katil pesakit</i> 5. <i>Mesin suction</i> 	<p><i>Memastikan peralatan seperti slip lamp tidak mengalami kerosakan disebabkan keadaan yang panas.</i></p> <p><i>Memberi keselesaan kepada pesakit dan menjaga semasa rawatan pemeriksaan dijalankan.</i></p> <ul style="list-style-type: none"> - <i>Wad mata tidak mempunyai syringe pump dan cardiac monitor untuk digunakan oleh pesakit (telah BER)</i> - <i>Katil berpagar penting disebabkan pesakit yang masuk mengalami masalah penglihatan dan juga untuk pesakit kanak-kanak.</i> - <i>Katil yang terdapat di wad mata adalah katil lama yang dipindah masuk daripada FMW (2008).</i>

Klinik Mata

- Masalah ruang yang sesak dan sempit kerana Jabatan Oftalmologi dan Jabatan ENT berkongsi dibangunan yang sama sejak tahun 2000 jumlah pesakit kedua-dua klinik ini semakin meningkat.
- Jumlah petugas yang kurang berbanding penambahan jumlah kedatangan pesakit ,ruang yang sempit, keadaan yang panas kerana penghawa dingin tidak mencukupi juga aduan masalah sempit, panas,sesak dan lambat menunggu dari pesakit menjadi masalah utama jabatan ini
- Jabatan ini merancang untuk membesarkan lagi ruang untuk menampung pertambahan kedatangan pesakit yang semakin meningkat.

7. Penutupan

Jabatan Oftalmologi memberi rawatan pesakit dalam dan rawatan harian. Diketuai oleh seorang pakar oftalmologi dan mempunyai 6 orang pegawai perubatan. Sepanjang tahun 2016, wad mata telah memberi perkhidmatan yang cemerlang untuk mencapai visi, misi dan objektif serta berjaya mencapai objektif kualiti wad mata. Beberapa aktiviti telah berjaya dilaksanakan yang membabitkan pesakit dan juga kakitangan wad. Walaubagaimanapun wad mata dan Klinik Mata masih memerlukan beberapa perubahan dari segi persekitaran wad dan klinik yang kondusif dan juga peralatan perubatan dan peralatan bukan perubatan bagi membantu meningkatkan lagi mutu perkhidmatan yang sedia ada.

Juga diharapkan penambahan peluang kursus Post basik perawatan mata kepada paramedik ditambah untuk memantapkan lagi mutu dan kualiti perkhidmatan di Jabatan Optalmologi seiring dengan keperluan dan permintaan pelanggan yang memerlukan perawatan mata yang semakin meningkat.



Bengkel Saringan Ujian Penglihatan 2016 Anjuran Unit Optometri



Kursus Diabetik Retinopati Dan Credentialing Anjuran usahasama Pejabat Kesihatan Sandakan dan Jabatan Oftalmologi HDOK.



Program saringan pemeriksaan mata untuk orang awam anjuran bersama Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) cawangan daerah Sandakan.



Kem Perubatan Kg.Masaum, Tongod anjuran Hdok





Program Katarak 1Malaysia (KK1M) anjuran bersama Jabatan Oftalmologi Hdok Sandakan, Hospital Tawau dan Hospital Lahad Datu.



Hari keluarga Jabatan Oftalmologi

**LAPORAN TAHUNAN
JABATAN ANESTESIOLOGI DAN
RAWATAN RAPI**

JABATAN ANESTESIOLOGI DAN RAWATAN RAPI, Pengenalan

Jabatan Anestesiologi dan Rawatan Rapi bertanggungjawab memberi rawatan pembiusan kepada pesakit yang menjalani pembedahan, samada secara elektif atau kecemasan di dewan bedah, serta mengendalikan perkhidmatan 24 jam untuk kes-kes kritikal di Unit Rawatan Rapi, dan juga membekal rawatan kesakitan akut & kronik kepada pesakit-pesakit di Hospital Duchess of Kent, Sandakan. Selaras dengan perkembangan dalam bidang pembedahan dan peningkatan kes-kes penyakit kritikal, jabatan ini juga turut berkembang bagi memenuhi permintaan perkhidmatan tersebut. Bidang tugas meliputi Hospital Beluran serta Hospital Kinabatangan.

Objektif

- Menyediakan perkhidmatan yang cekap, selamat, professional dan berkesan dalam suasana yang selesa kepada pesakit yang akan menjalani pembedahan elektif mahupun secara kecemasan.
- Memberi perkhidmatan rawatan rapi dan rawatan koronari yang berkualiti kepada pesakit yang kritikal dan kes-kes yang mempunyai masalah pernafasan.
- Mengurangkan penderitaan pesakit di mana keselesaan pesakit diutamakan.
- Memastikan pesakit pulih dengan segera.
- Mengurangkan kes-kes yang ditunda
- Mendukung nilai kerja berpasukan secara berkerjasama dengan perkhidmatan klinikal lain untuk memberi rawatan yang berkualiti kepada pesakit di dewan bedah dan di unit rawatan rapi.

Perkhidmatan Yang Disediakan

Jabatan ini menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan seperti di bawah.

1. Anestesia

- a. Memberi segala bentuk dan teknik pengubatan anestesia kepada pesakit yang menjalani pembedahan elektif dan kecemasan
- b. Klinik Anestesia menyediakan rundingan dan membuat penilaian bagi menyediakan tahap kesihatan pesakit yang optimum sebelum pembedahan. Ia terdiri daripada satu bilik di klinik yang terletak di bangunan klinik pakar dan beroperasi pada waktu pejabat pada hari Isnin hingga Jumaat.

2. Rawatan Rapi

- a. Unit Rawatan Rapi menyediakan sebanyak 18 katil, di mana 14 katil untuk pesakit dewasa di bawah penyeliaan jabatan ini manakala 4 buah katil lagi diperuntukkan kepada ICU Pediatrik di bawah kelolaan jabatan Pediatrik.

- b. Merawati pesakit yang kritikal di Unit Rawatan Rapi dan di wad bagi kes yang dirujuk.
- c. Mengendalikan semua kes yang dirujuk, intra-hospital atau inter-hospital

3. Perkhidmatan Rawatan Kesakitan

- a. Rawatan kesakitan akut (*Acute Pain Service*) terutamanya kepada pesakit selepas menjalani pembedahan major, kes trauma dan kelahiran.
- b. Klinik Kesakitan Kronik (*Chronic Pain Clinic*) - menerima kes-kes rujukan dari pelbagai disiplin untuk rawatan kesakitan yang disebabkan oleh penyakit kanser, masalah saraf, trauma dan lain-lain. Ia terdiri daripada sebuah klinik yang terletak di ICU yang beroperasi setiap hari Isnin hingga Jumaat pada waktu pejabat.

4. Memberi Perkhidmatan Resusitasi

- a. Mengendalikan resusitasi di sektor yang memerlukan, khususnya di Jabatan Kecemasan, Dewan Bersalin dan wad-wad.

5. Menjalankan Aktiviti Kualiti dan CME

- a. Mengadakan pembentangan serta perbincangan di peringkat jabatan dan hospital.
- b. Menjalankan kajian penyelidikan di dalam aspek anesthesiologi, rawatan rapi dan bidang berkaitan.

6. Makmal Respiratori

- a. Menyediakan dan menyelenggarakan peralatan dan mesin bantuan pernafasan *ventilator* kepada pesakit di ICU, wad dan NICU.
- b. Unit ini juga menyediakan perkhidmatan "*Lung Function Test*" di Klinik Pakar.

PERKHIDMATAN & FASILITI BARU (DINAIK TARAF) 2016

1. Satu slot pembedahan elektif pada hari Sabtu telah dilaksanakan (dari jam 8 pagi hingga 1 tengahari) bagi menampung jumlah pesakit yang semakin ramai serta dapat mengurangkan masa menunggu para pesakit yang dijadualkan untuk pembedahan.
2. Jabatan Anestesia secara langsung bergiat aktif bersama-sama dengan Ahli jawatankuasa Hospital Bebas Kesakitan untuk merealisasikan konsep "Hospital Bebas Kesakitan". Sejalan dengan itu, perkhidmatan Rawatan Kesakitan Akut & Kronik telah dinaik taraf dengan pembelian lebih banyak peralatan serta ubat-ubatan.

3. Pembedahan harian (Day Care Surgery) sedang dirancang dan akan bermula fungsi pada tahun 2017

SUMBER MANUSIA

1. Pakar dan Pegawai Perubatan

JAWATAN	JUMLAH
Pakar Anestesiologi Khas C	0
Pakar Anestesiologi UD 52/54	4
Pakar Anestesiologi UD 48	2
Pegawai Perubatan UD 48	2
Pegawai Perubatan UD41/44	17

2. Paramedik dan kakitangan sokongan

JAWATAN	JUMLAH				
	DEWAN BEDAH		KLINIK/ APS/ RUANG PEMULIHAN	ICU	MAKMAL RESPI-RATORI
	ANESTESIA	BEDAH			
Pen. Pegawai Perubatan U42	0	0	0	0	0
Ketua Jururawat U32	1	4	0	3	0
Jururawat Terlatih KUP U32	1	5	1	11	0
Jururawat Terlatih U41	0	1	0	1	0
Jururawat Terlatih U29	0	42	8	55	0
Pen. Pegawai Perubatan U32	3	0	0	0	1
Pen Pegawai Perubatan U29	2	0	0	0	1
Jururawat Masyarakat U19	0	0	0	0	0
Pem Perawatan Kesihatan U14	0		0	0	0
Pem Perawatan Kesihatan U11/12	9		0	2	1
Pem Perawatan Kesihatan U3	0		0	4	1

3. Kedudukan Anggota Yang Telah Mengikuti Kursus Pos Basik

Jawatan	Jenis Pos Basik	Bilangan
Penyelia Jururawat U41	Perawatan Perioperatif	1
Ketua Jururawat U32	Perawatan Rapi	2
	Perawatan Jantung	1
	Perbidanan	5
	Anestesia	1
	Perawatan Perioperatif	4
Jururawat Terlatih KUP U32	Perawatan Rapi	7
	Perawatan Perioperatif	5

	Anestesia	1
	Perbidanan	2
Jururawat Terlatih U29	Perawatan Rapi	4
	Perawatan Jantung	0
	Anestesia	0
	Perbidanan	0
	Perawatan Perioperatif	4
Pen. Pegawai Perubatan U32	Anestesia	3
Pen. Pegawai Perubatan U29	Anestesia	1

Statistik Beban Kerja

Jadual 1: Jumlah Anestesia Mengikut Teknik Dari Tahun 2011-2016

Teknik Anestesia	2011	2012	2013	2014	2015	2016
General anaesthesia	2499	2836	2799	2659	2400	2029
Spinal anaesthesia (SA)	1789	2227	2334	2361	2084	2173
Epidural anaesthesia	33	96	9	25	5	9
Combined spinal and epidural (CSE)	6	8	20	25	28	49
Combined general and regional anaesthesia (CGRA)	18	11	17	28	59	96
Plexus block	44	68	68	109	17	6
Lain-lain	31	13	12	9	7	5
Jumlah	4444	5233	5259	5216	4600	4367

Jadual 2: Jumlah Anestesia Mengikut Jenis Pembedahan Dari Tahun 2011-2016

	2011	2012	2013	2014	2015	2016
Elective surgery	1680	1945	1861*	1812	1380	1152
Emergency surgery	2764	3288	3398	3404	3220	3215
Jumlah	4444	5233	5259	5216	4600	4367

*Kes Pembedahan Elektif berkurangan disebabkan penutupan Dewan Bedah untuk kerja-kerja penambahbaikan dari 15 Jun 2015.

Jadual 3: Jumlah Anestesia Untuk “LSCS” Dari Tahun 2011-2016

	2011	2012	2013	2014	2015	2016
Elective LSCS	216	376	373	329	189	240
Emergency LSCS	1011	1377	1469	1406	1587	1503
Jumlah	1227	1753	1842	1735	1776	1743

Jadual 4: Jumlah Pesakit di Unit Rawatan Rapi (ICU) Dari Tahun 2011-2016

	2011	2012	2013	2014	2015	2016
No. of admissions	551	963	1040	1052	997	868
Patient days	3849	5279	5789	4802	5217	5186
Bed occupancy rate *	87.87	90.39	99.12	82.22	79.22	78.70
Jumlah katil	12	16	16	16	16	18

* BOR based on through put

Jadual 5: Pesakit Dewasa Dengan Bantuan Pernafasan Di Wad-Wad Dari Tahun 2011-2016

	2011	2012	2013	2014	2015	2016
Jumlah pesakit	247	224	379	314	397	444

Jadual 6: Jumlah Pesakit Klinik Anestesia Dari Tahun 2011-2016

	2011	2012	2013	2014	2015	2016
Jumlah pesakit	64	576	991	797	687	876

Jadual 7: Jumlah “Acute Pain Service (APS)” Mengikut Teknik Dari Tahun 2011-2016

Teknik APS	2011	2012	2013	2014	2015	2016
-------------------	-------------	-------------	-------------	-------------	-------------	-------------

PCA	216	347	379	271	357	283
Epidural analgesia	36	91	88	117	93	99
Intra-thecal opioid	-	63	313	641	1579	1520
Nerve/plexus infusion	-	-	89	129	46	30
S/C morphine	-	154	9	1	138	175
Lain-lain	27	8	39	6	23	42
Jumlah	279	663	917	1165	2236	2149

Jadual 8: Jumlah Pesakit Menerima Rawatan Kesakitan Kronik di Wad dan Klinik

	2013	2014	2015	2016
Pesakit di klinik	17	17	72	74
Pesakit di wad	15	21	75	39
Pesakit baru	14	15	34	22

A. PENCAPAIAN

NO	KPI	Standard	Numerator	Denominator	Rate
1	Percentage of Major Elective Surgery patients who receive Acute Pain Service (APS)	≥ 60%	383	439	87.24%
2	Ventilator Care Bundle (VCB) compliance rate	≥ 90%	1407	1407	100%
3	Percentage of elective surgical cancellation after pre-operative assessment in the Anaesthetic clinic	≤ 5%	2	876	0.23%
4	Percentage of Re-Intubation in the Operation Room (OR) or Recovery Room (RR) (General)	≤ 0.3%	0	4367	0%

5	Percentage of Acute Pain Service patient (APS) with pain score of ≤ 4 within the first 24 hrs after surgery (General)	$\geq 75\%$	2149	2149	100%
6	Percentage of cases with Accidental Dural Puncture (General)	$\leq 3\%$	0	101	0%
9	Incidence of Catheter-related blood stream infection (ICU) < 5 per 1000 catheter days (0.005 in 1 cath day = 0.15 in a month) (Jan-Apr 2015)	< 5	0	578	0
10	Incidence of ventilator associated pneumonia (VAP)(ICU) < 10 per 1000 Catheter days (0.01 in 1 vent day = 0.3 in a Month) (Jan-Apr 2015)	< 10	0	931	0

Sepanjang tahun 2016, kesemua KPI jabatan tercapai mengikut standard yang ditetapkan.

AKTIVITI JABATAN

Sepanjang tahun 2016, Jabatan Anaesthesiologi telah menjalankan pelbagai bengkel, CPD dan kursus.

1. Kursus “Advanced Life Support (ALS)”

Kursus ALS telah dilaksanakan sebanyak 3 kali pada bulan Mac, Mei dan September 2016 yang dikendalikan oleh Pakar-Pakar dan Pegawai Perubatan dari Jabatan Anestesia dan Jabatan Kecemasan. Peserta kursus terdiri daripada Pegawai Perubatan Pegawai Perubatan Siswazah, Jururawat Terlatih dan Penolong Pegawai Perubatan dari Hospital Beluran, Kinabatangan dan Hospital Duchess of Kent yang bertugas di Jabatan Kecemasan, Anaesthesiologi, Pembedahan serta Obstetrik dan Ginekologi. Kursus yang diadakan selama dua hari ini bermula dengan pra-ujian, ceramah, sesi praktikal dan diakhiri dengan peperiksaan bertulis dan praktikal. Antara topik ceramah yang diberikan adalah *Airway Management*, *Drugs use in Resuscitation*, *Algorithm* dan juga sesi latihan praktikal; *i. Airway ii. Defibrillation iii. ECG Recognition iv. Megacode*. Jumlah peserta pada sepanjang tahun adalah 44 orang dan pecahan mengikut kategori bagi peserta yang menghadiri kursus adalah seperti berikut:

	16 & 17 Mac 2016	16 & 17 Mei 2016	19 & 20 September 2016
MO	6	4	5
HO	4	3	8
PPP	2	0	2
KJ/JT	5	3	2
Jumlah	17	10	17
Jumlah Keseluruhan Peserta: 44			

Pencapaian peratusan mengikut *Key Performance Indicators* (KPI) bagi Jabatan Anestesiologi dan Kecemasan adalah 77% pada Oktober 2016.



2. Bengkel “Airway Management”

Pengurusan saluran pernafasan adalah salah satu kemahiran yang perlu ada bagi setiap pegawai perubatan dan anggota sokongan. Kegagalan bagi memastikan saluran pernafasan lancar adalah amat serius kerana boleh menyebabkan kerosakan otak. Justeru itu, pengurusan saluran pernafasan yang baik bermula dari pengesanan awal, perancangan, pengenalan kepada alat-alat intubasi dan kemahiran menggunakan alat-alat tersebut. Jabatan Anestesiologi dan Unit Rawatan Rapi, Hospital Duchess of Kent (HDOK) telah mengadakan bengkel ‘*Airway Management*’ pada 4 Ogos 2016. Bengkel ini telah diadakan dari jam 7.30 pagi hingga 5 petang. Objektif bengkel adalah untuk memberi pendedahan asas berkenaan dengan pengurusan pernafasan di dalam hospital serta memberi peluang kepada peserta untuk latihan praktikal ‘*hands-on*’ semasa bengkel dijalankan. Seramai 32 peserta dari jabatan-jabatan HDOK dan dari daerah pantai

Timur Sabah (Beluran, Kinabatangan, Lahad Datu dan Telupid) telah menyertai bengkel ini. Peserta terdiri dari Pegawai Perubatan, Penolong Pegawai Perubatan dan Jururawat U29/U32. Bengkel bermula dengan ceramah mengenai pengurusan pernafasan dengan lebih lanjut pada waktu pagi dan disudahi dengan sesi perbincangan kes senario. Pada waktu petang, terdapat sesi 'hands-on' di mana peserta telah dibahagikan kepada 6 kumpulan. Terdapat 6 stesen yang memberi penerangan dan mengajar peserta mengenai alat-alat yang biasa digunakan dalam pengurusan pernafasan. Terdapat wakil-wakil dari Pall-Thai Medical Sdn Bhd dan Ummy Surgical yang turut serta dalam bengkel ini. Bengkel berakhir dengan sesi penyampaian sijil dan hadiah untuk pemenang sesi perbincangan kes senario.



3. Kursus “Acute Pain Service(APS)”

Bagi merealisasikan moto KKM, *Pain as 5th Vital Sign*, dan Hospital Duchess of Kent sebagai Hospital Bebas Kesakitan, kursus *Acute Pain Service* telah diadakan pada 29^{hb} September 2016. Peserta terdiri daripada pegawai perubatan, jururawat dan unit sokongan dari pelbagai jabatan HDOK. Seramai 40 peserta termasuk seorang pegawai perubatan dan 2 jururawat dari Hospital Sepitang, telah menghadiri kursus ini bagi mempelajari keperluan asas untuk memberikan perkhidmatan *Acute Pain Service* kepada pesakit. Peserta diberikan ujian pra-kursus sebelum kursus dimulakan dengan ceramah mengenai pengenalan APS, fisiologi, penilaian kesakitan, pemerhatian, farmakologi ubatan yang digunakan dan teknik *non pharmacological* bagi menangani kesakitan. Peserta juga dibahagikan kepada kumpulan untuk membuat perbincangan sebelum diberikan praktikal manual mengenai mesin *Patient Controlled Analgesia (PCA)*.



4. Kursus dalaman Unit Rawatan Rapi (ICU)

1. Memberi pendedahan mengenai perkhidmatan Acute Pain Service (APS) kepada kakitangan yang terlibat dalam memberi rawatan kepada pesakit yang berkenaan.
2. Memberi pendedahan teknik pemeriksaan jenis kesakitan, kadar kesakitan dan langkah yang perlu diambil untuk membantu pesakit samada oleh jururawat atau pegawai perubatan.
3. Memberi pendedahan teknik-teknik rawatan pesakit seper' epidural, pcam dan ubat-ubatan yang berkaitan.
4. Memberi pendedahan mengenai perkhidmatan Acute Pain Service (APS) kepada kakitangan yang terlibat dalam memberi rawatan kepada pesakit yang berkenaan.
5. Memberi pendedahan teknik pemeriksaan jenis kesakitan, kadar kesakitan dan langkah yang perlu diambil untuk membantu pesakit samada oleh jururawat atau pegawai perubatan.
6. Memberi pendedahan teknik-teknik rawatan pesakit seper' epidural, pcam dan ubat-ubatan yang berkaita.

i) Kursus “Early Mobility Therapy”

Telah diadakan pada 7hb September 2016 bertempat di bilik Seminar ICU yang disertai oleh 27 orang peserta. Penceramah terdiri dari pakar-pakar Anestesiologi HDOK dan sesi praktikal dijayakan oleh dua orang Pegawai Fisioterapi. Para

peserta terdiri dari Pegawai Perubatan Anestesiologi, Pegawai Perubatan Siswazah dan Jururawat ICU.



ii) Kursus SSKIN care bundle

Telah pertama kali diadakan pada 21hb September 2016 di bilik seminar ICU dan disertai oleh 38 orang peserta. Kursus ini diadakan bagi tujuan memberikan pendedahan mengenai kepentingan untuk mengesan pesakit yang berrisiko dan memberikan rawatan kepada pesakit yang mempunyai masalah tekanan ulser (*pressure ulcer*). Penjagaan tekanan ulser kini dijadikan sebagai salah satu ICU *bundles* dalam penjagaan pesakit di ICU.



5. CME, CPD dan CNE

Jabatan Anestesiologi dan Rawatan Rapi turut mengadakan CME untuk semua warga kerja Hospital Duchess Of Kent sebanyak 3-4 kali setahun. Lain-lain Continuous Professional Development telah diadakan di peringkat Jabatan secara berterusan pada setiap Rabu jam 7.30 pagi hingga 9 pagi. Kakitangan kejururawatan pula mengadakan CNE seminggu sekali untuk tajuk-tajuk terpilih.

6. Lain-lain Aktiviti Jabatan

i) Sambutan Hari Anestesia Sedunia 2016

Sempena Hari Anestesia Sedunia yang telah ditetapkan pada 16hb Okt setiap tahun, Jabatan Anestesia dan Rawatan Rapi HDOK telah menganjurkan sambutan peristiwa tersebut pertama kalinya selama 2 hari bermula pada 14hb Oktober 2016. Sambutan Hari Anestesia Sedunia diadakan bagi memperingati demonstrasi pembiusan am yang pertama dengan menggunakan gas ether pada 16hb Oktober 1846 di Amerika Syarikat. Sambutan tersebut membawa tema-tema yang tersendiri setiap tahun sebagaimana yang ditetapkan oleh *Malaysian Society of Anaesthesia*. Sambutan tahun ini bertemakan “*Safe Anesthesia For Everybody Today (SAFE-T)*” bertujuan meningkatkan tahap kesedaran berkenaan pembiusan dan pembedahan yang selamat, terutamanya di kalangan negara-negara berpendapatan rendah. Sambutan kali pertama di hospital ini telah diadakan di dewan Selingan, aras 1 bangunan klinik pakar, dimulakan dengan ceramah *History of Anaesthesia* dan SAFE-T. Acara diteruskan kemudian dengan ucapan ketua Jabatan Anestesia dan Rawatan Rapi Dr. Yap Huey Ling diikuti ucapan serta upacara perasmian oleh Timbalan Pengarah hospital Dr. Paul Chan Hoong Kit. Antara aktiviti-aktiviti yang diadakan pada hari tersebut termasuklah:

- Pameran anesthesia, sejarah anesthesia, SAFE-T, rawatan kesakitan dan *pain-free hospital*
- Pameran “*Patient Journey of Anaesthesia*” yang ditaja oleh Abvie
- *Organ donation drive* oleh TOP team HDOK
- *Blood donation drive* oleh Blood Bank HDOK
- Pemeriksaan kesihatan percuma
- Kaunselling dan “games” pemakanan kesihatan oleh Nestle
- Ceramah Pain management oleh MSD
- Pertandingan CPR Challenge
- Pertandingan Kuiz Pendermaan Organ

Sambutan kali ini berjaya menarik ramai pengunjung yang kebanyakannya terdiri daripada orang-orang awam. Pengunjung-pengunjung telah dimanfaatkan dengan informasi-informasi berkaitan dengan anesthesia, rawatan rapi, pendermaan organ, *pain-free hospital*, rawatan kesakitan dan sebagainya. Pengunjung juga mendapat pelbagai


Untuk tahun 2016, secara keseluruhan terdapat sedikit penurunan kes iaitu 41,570 kes berbanding 41,699 pada 2015 iaitu penurunan sebanyak 129 kes iaitu 0.3%. Ini adalah disebabkan oleh pelaksanaan fi baru untuk warga asing yang terkandung di dalam perintah Fi perubatan (Kos perkhidmatan) 2014. Dengan fi ini, pembayaran adalah meningkat bergantung kepada setiap jenis pemeriksaan yang dipohon dan warga asing perlu menjelaskan bayaran tersebut sebelum pemeriksaan dijalankan kecuali didalam keadaan yang tertentu. Ini juga selaras dengan hasrat kementerian kesihatan dalam mengurangkan siasatan yang tidak relevan dengan penyakit pesakit.

Untuk kes-kes khas seperti *CT scan* dan *USG*, terdapat penurunan bilangan kes dimana jumlah kes *CT scan* adalah 3204 iaitu penurunan sebanyak 1.17% dan 4.38% iaitu perbezaan sebanyak 38 dan 153 kes.

Tahun	2011	2012	2013	2014	2015	2016	Beza	Keterangan
Xray	31222	36270	39087	39673	34839	34848	+9	+0.02%
CT scan	1867	2294	3008	2810	3242	3204	-38	-1.17%
USG	1858	2876	3502	3418	3491	3338	-153	-4.38%
IVU	41	42	61	76	33	25	-8	-24.2%
II	101	95	81	77	74	155	81	+109.4%
JUMLAH	35388	41969	45742	46055	41699	41570	-129	-0.3%

<i>Prosedur</i>	Bil. Kes 2011	Bil Kes 2012	Bil Kes 2013	Bil Kes 2014	Bil Kes 2015	Bil Kes 2016
<i>USG guided biopsy/ drainage</i>	32	49	34	61	59	64
<i>CT guided biopsy/ drainage</i>	2	10	8	7	14	5
JUMLAH	34	59	42	68	73	69

Jumlah bilangan prosedur yang telah dijalankan di Jabatan adalah sebanyak 69 kes iaitu berkurang sebanyak 4 kes. Terdapat penurunan kes-kes yang telah dihantar untuk laporan @ reporting. Sebanyak 750 kes pemeriksaan am telah dilakukan laporan (*reporting*). Walaubagaimanapun kebanyakan kes-kes tersebut adalah dari Jabatan Pesakit Luar KK Sandakan. Pada tahun ini, tiada laporan dari jabatan kecemasan telah dilakukan secara berkala, dimana laporan hanya disediakan apabila diperlukan sahaja.

Telekonsultasi	Bil kes 2013	Bil. Kes 2014	Bil. Kes 2015	Bil. Kes 2016
Dari Hosp. Beluran	21	73	38	58
Dari H.Tawau	-	98	-	-
Ke HQE	29	nil	3	1

Untuk telekonsultasi pula, pihak Jabatan telah menerima sebanyak 58 kes untuk dilaporkan dari Hospital Beluran, peningkatan sebanyak 20 kes @ 52.6% walaupun terdapat masalah penghantaran dan penerimaan filem di awal tahun sehingga Jun 2016. Kes Tc pertama yang diterima pada tahun ini adalah pada penghujung Jun 2016 iaitu sebanyak 4 kes. Pihak Jabatan tidak menyediakan perkhidmatan telekonsultasi dari Hospital Tawau untuk 2016 namun menerima beberapa kes dari Hospital Ranau. Pada tahun ini, pihak Jabatan telah menghantar 1 kes ke HQE untuk laporan semasa ketiadaan Pakar Radiologi.

Walaupun ketiadaan mesin seperti MRI dan Fluoroskopi, pihak Jabatan tetap membantu pelanggan untuk mengambil temujanji di hospital yang berada di Kota Kinabalu seperti HQE dan Hospital Wanita dan Kanak-kanak. Sebanyak 133 kes temujanji untuk MRI telah dibuat pada tahun 2015 (peningkatan 8 kes) manakala 20

kes untuk fluoroskopi seperti kes HSG, *distal loopogram*, *barium enema*, MCUG dan lain-lain. Terdapat juga 1 kes untuk temujanji *dexa scan* dan 2 kes mamografi. Jabatan juga telah menghantar seramai 11 kes untuk *CT angiogram* dimana kes-kes ini memerlukan *multislice CT scan* untuk pengimejan yang maksimum. Pada tahun 2016, Jabatan telah menerima peruntukkan sebanyak RM121000.

AKTIVITI SEPANJANG TAHUN

1. Program berterusan gotong royong EKSA di peringkat Jabatan.
 - a. Tarikh: 08.01.2016: Jabatan x-ray bangunan lama
 - b. Tarikh: 14.11.2016: Jabatan x-ray Klinik Pakar
2. Jamuan tahunan beserta jamuan perpisahan untuk Dr.Komalah yang berpindah ke Hospital Selayang dan SN Roslinah yang berpindah wad pada 14.5.2016 di Sabah Hotel.
3. Pertandingan boling sempena kursus anjuran Jabatan pada 8.4.2016 dan 22.4.2016 di Champ Bowl.
4. Kempen kesedaran kanser payu dara anjuran Jabatan Pembedahan HDOK bersama Pink Ribbon Sandakan sempena Pink Oktober 2016 di Dewan Refflesia, Kolej Kejururawatan Sandakan pada 15.10.2016 dengan menyediakan perkhidmatan saringan *Ultrasound* dan ceramah bertajuk breast imaging.
5. Sambutan World Radiography Day di peringkat Jabatan pada 9.11.2016

LATIHAN & PEMBELAJARAN

Sebanyak RM 10000 telah digunakan untuk menganjurkan Sabah State radiology workshop: for better patient care 2016. Kursus ini telah dibahagikan kepada 2 kumpulan iaitu kumpulan pertama pada 6-8.4.2016 diikuti oleh pegawai perubatan dan juru x-ray manakala kumpulan kedua pada 20-22.4.2016 telah dihadiri oleh juru x-ray, jururawat dan pembantu perawatan kesihatan.

Kursus-kursus luar kawasan yang dihadiri oleh staf adalah seperti:

1. Kursus emergency imaging anjuran Hospital Lahad Datu
2. Kursus radiology anjuran HQE
3. Kursus persediaan master di HKL.

Selain itu, sesi pembelajaran berterusan terus dijalankan di Jabatan dimana sebanyak 26 sesi CME telah diadakan dan kebanyakannya dibentangkan oleh staf Jabatan iaitu:

1. Taklimat SKT oleh Dr Norhaizam Md Nor pada 15.1.2016
2. *Digital mammography* oleh kumpulan TOSHIBA pada 29.1.2016
3. Perintah Am BAB C: pengurusan cuti oleh JXR Muhammad pada 12.2.2016

4. Perintah Am BAB G: waktu bekerja dan lebih masa oleh SN Roslinah pada 26.2.2016
5. Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 dan peraturan-peraturan perundangan sinaran oleh JXR Ervee pada 18.3.2016
6. Etika & Integriti salam perkhidmatan Awam oleh JXR Eferlan pada 29.4.2016
7. Zika Virus oleh JXR Juanita pada 20.5.2016
8. *Types of plastics* oleh JXR Amir pada 20.5.2016
9. *CT SCAN* oleh kumpulan TOSHIBA pada 20.5.2016
10. Strok haba oleh JXR Betty pada 27.5.2016
11. Bahaya penyakit *Leptospirosis* oleh JXR Raszelah pada 27.5.2016
12. Taklimat Keselamatan oleh JXR Lee pada 17.6.2016
13. 13 fakta tentang kebaikan senyum oleh JXR siti pada 22.7.2016
14. Kejadian artifak *CT scan* oleh JXR Flora pada 29.7.2016
15. Perintah Am BAB B oleh JXR Jonathan pada 9.9.2016
16. TLD oleh JXR Aldie pada 23.9.2016
17. Jadual pelupusan rekod perubatan oleh JXR Lee pada 30.9.2016
18. Gaya Hidup Sihat oleh JXR Arfah pada 14.10.2016
19. Taklimat tuntutan elaun perjalanan dan elaun lebih maa dengan aplikasi HRMIS oleh JXR Rosfaeza pada 14.10.2016
20. *Scammer* kesihatan oleh JXR Razmin pada 28.10.2016
21. Taklimat MSISO: Prosedur penurusan risiko oleh JXR Flora pada 28.10.2016
22. Etika penggunaan media sosial oleh penjawat awam (KKM) oleh JXR Izzah pada 2.12.2016
23. *Dengue preventive* oleh JXR Alden pada 9.12.2016
24. Normal CXR oleh Dr Izyan pada 9.12.2016
25. *Mammogram machine: Amulet* oleh kumpulan Fujifilm pada 19.12.2016
26. PACS: *Synapse* oleh Kumpulan Fujifilm pada 20.12.2016

Pihak Jabatan hanya membentangkan 1x hospital CME iaitu:

1. *There is more than meet the eye* oleh Dr Komalah pada 1.4.2016


Ketua Jabatan juga telah membentangkan ceramah bertajuk "*Breast Imaging*" pada 15.10.2016 bersempena Kempen kesedaran kanser payu dara anjuran Jabatan Pembedahan HDOK bersama Pink Ribbon Sandakan sempena Pink Oktober 2016.

PERANCANGAN

Perancangan pembangunan 2016 iaitu mengubahsuai @ membaik pulih Jabatan radiologi akan dilaksanakan beserta penggantian mesin seperti MSCT, mammografi dan fluoroskopi dapat diterima dengan segera.



Gambar 1: Peserta kursus Sabah State Radiology workshop: for better patient care 2016 bergambar bersama Ketua Penolong Pengarah Perubatan JKNS.



Gambar 2: Sambutan World Radiography Day di peringkat Jabatan pada 9.11.2016

LAPORAN TAHUNAN JABATAN FARMASI

JABATAN FARMASI

PENGENALAN

Jabatan Farmasi terdiri daripada Pengurusan Farmasi, Farmasi Logistik, Farmasi Klinik Pakar & Farmasi Kecemasan, MTAC (Warfarin, Diabetes dan Asma), Farmasi Satelit 1&2, Farmasi Wad, Farmasi Perkhidmatan Maklumat Ubat (DIS), Farmasi Pengeluaran (Galenikal), Farmasi Farmakokinetik (TDM) dan Farmasi Rekonstitusi Ubat Sitotoksik (CDR).

OBJEKTIF

Memberikan perkhidmatan '*Pharmaceutical Care*' yang berkualiti kepada setiap pelanggan.

Tujuan Jabatan Farmasi:

- Memberi perkhidmatan Farmasi yang cekap, tepat dan berkesan kepada pelanggan di hospital
- Meningkatkan perkhidmatan Farmasi Klinikal untuk meningkatkan kualiti rawatan pesakit
- Mengukuhkan Sistem Perolehan dan Bekalan supaya dapat memenuhi keperluan ubat-ubatan dan alat perubatan di peringkat hospital

Berdasarkan konsep ke arah memberikan '*Perkhidmatan Pharmaceutical Care*' yang optima kepada setiap individu pesakit, Jabatan Farmasi HDOK Sandakan menumpukan perhatian kepada amalan farmasi klinikal. Namun demikian, fungsi perolehan dan pembekalan ubat-ubatan dan alat-alat perubatan diteruskan kerana penggunaan ubat-ubatan dengan rasional dan berkesan hanya dapat diamalkan dengan adanya sistem pengurusan ubat-ubatan yang cekap dan kukuh.

PERJAWATAN

Sumber tenaga manusia di Jabatan Farmasi HDOK, Sandakan sehingga 31 Disember 2016:

JAWATAN	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN
Pegawai Farmasi UF52	61	2	5
Pegawai Farmasi UF48		5	
Pegawai Farmasi UF44		19	
Pegawai Farmasi UF41		17	
Pegawai Farmasi Provisional (PRP) UF41		13	
Pegawai Farmasi Provisional (Kontrak) UF41	-	5	-
Penolong Pegawai Farmasi U36	2	2	0
Penolong Pegawai Farmasi U32	4	4	0
Penolong Pegawai Farmasi U29	17	16	1
Penolong Pegawai Tadbir N32	1	0	1

Penolong Pegawai Tadbir N29	1	1	0
Pembantu Tadbir N22/ N22(KUP)	2	2 + 1(KUP)	0
Pembantu Tadbir N19	3	3	0
Pembantu Perawatan Kesihatan U12(KUP)	1	1 + 1(pinjaman)	0
Pekerja Awam H11 (R4)	2	1	1
Pekerja Awam H11 (R1)	8	8	0
Jumlah:	102	101	8

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

Pengurusan Farmasi

- i. Mengurus semua aspek berkaitan dengan perkhidmatan farmasi.
- ii. Menyelaras aktiviti-aktiviti kualiti, latihan dan pendidikan.

Farmasi Logistik

- i. Menjalankan aktiviti perolehan, penerimaan, perekodan, penstoran, pengeluaran, pengiraan dan pelupusan.
- ii. Membekalkan ubat-ubatan, alat perubatan, vaksin, reagen dan gas perubatan kepada unit pengguna hospital.
- iii. Membekalkan ubat-ubatan dan alat perubatan kepada klinik-klinik kesihatan di sekitar daerah Sandakan.

Secara keseluruhannya Unit Farmasi Logistik menjalankan proses perolehan melalui beberapa cara mengikut Arahan Perbendaharaan dan Tatacara Perolehan yang sedang berkuat kuasa. Proses perolehan tersebut adalah melalui;

- a) Syarikat Konsesi Pharmaniaga Logistik Sdn.Bhd
- b) Bekalan dari Cawangan Farmasi Logistik Negeri
- c) Kontrak Pusat Kementerian Kesihatan Malaysia
- d) Sebutharga
- e) Pembelian terus

Aktiviti perolehan yang di jalankan pada tahun 2016 adalah untuk item berikut;

- a) Ubat-ubatan
- b) Alat perubatan
- c) Gas Perubatan
- d) Reagen untuk unit TDM Farmasi
- e) Vaksin

Unit Farmasi Logistik di bahagikan kepada beberapa seksyen utama iaitu;

- a) Bahagian Pentadbiran
- b) Bahagian Ubat – 8 unit pesanan
- c) Bahagian Alat perubatan – 52 unit pesanan
- d) Bahagian Ubat SRQ, IV drip dan Gas Perubatan – 52 unit pesanan

Ambulatori

- a) **Farmasi Klinik Pakar (FKP)** beroperasi dari jam 7.00 pagi hingga 5.30 petang pada hari bekerja
 - i. Membekalkan dan mendispensan ubat kepada pesakit Klinik Pakar Perubatan, Klinik Ortopedik, Klinik Pembedahan, Klinik Sakit Puan, Klinik Psikiatri, Klinik Oftamologi, Klinik Paediatrik, Klinik Telinga, Hidung dan Tekak, Klinik Bedah Mulut, Unit Hemodialisis, Jabatan Kecemasan & Trauma dan Pusat Jagaan Harian, Hospital Duchess of Kent Sandakan.
 - ii. Menerima preskripsi dari fasiliti-fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia yang berdekatan seperti Klinik Kesihatan Sandakan, Klinik 1 Malaysia.
 - iii. Dan hospital-hospital dalam daerah Sandakan.
 - iv. Memberikan kaunseling ubat-ubatan kepada pesakit.
 - v. Menawarkan beberapa jenis Perkhidmatan Tambah Nilai (Value-Added Services, VAS) untuk memberikan keselesaan kepada pesakit, menjimatkan masa menunggu pesakit dan mengurangkan kesesakan di kaunter terutama pada masa puncak.
 - Sistem Pembekalan Ubat Bersepadu (SPUB) – Perkhidmatan ini menawarkan kemudahan kepada pesakit untuk mengambil ubat di fasiliti KKM yang berdekatan dengan tempat tinggal pesakit.
 - SMS & Ambil – Perkhidmatan ini menawarkan kemudahan kepada pesakit untuk memberi notifikasi awal tarikh pengambilan ubat kepada farmasi melalui sms.
 - Ubat Melalui Poslaju 1 Malaysia (UMP 1Malaysia) - Perkhidmatan dimulakan pada tahun 2010, menawarkan perkhidmatan pembekalan ubat sehingga ke pintu rumah pesakit.
 - Kad Temujanji – Perkhidmatan pembekalan ubat melalui Kad Temujanji dimulakan pada 8 April 2013 dimana pesakit boleh mengambil ubat dengan lebih cepat kerana ubat telah disediakan sebelum pesakit datang.
 - Letak & Ambil – Perkhidmatan dimulakan pada Oktober 2014 dimana pesakit boleh meninggalkan preskripsi di FKP untuk diproses dan datang semula pada masa pengambilan yang dipersetujui untuk mengambil ubat.
 - Farmasi Pandu Lalu – Perkhidmatan ditawarkan kepada pesakit pada Februari 2015. Pesakit hanya perlu memandu kereta ke kaunter Farmasi Pandu Lalu dan mendapatkan ubat daripada Pegawai Farmasi bertugas.
 - WhatsApp & Ambil / Telegram & Ambil – Perkhidmatan dimulakan pada 14 Ogos 2015. Perkhidmatan ini memberikan kesenangan kepada pesakit untuk menetapkan tarikh pengambilan ubat mereka

mengikut kesesuaian masa masing-masing melalui notifikasi awal menggunakan program WhatsApp & Ambil / Telegram & Ambil.

- b) **Farmasi Kecemasan** mulai beroperasi pada Januari 2013. Waktu operasi dari jam 5.00 petang sehingga 7.00 pagi pada hari Isnin hingga Jumaat dan 24 jam pada hari Sabtu, Ahad dan cuti Umum.
 - i. Perkhidmatan ini merupakan satu usaha untuk meningkatkan mutu kesihatan yang ditawarkan dengan menyediakan perkhidmatan farmasi 24 jam bagi menggantikan perkhidmatan atas panggilan (*passive oncall*).
 - ii. Membekalkan dan mendispensan ubat melalui preskripsi kepada pesakit yang discaj dari Jabatan Kecemasan & Trauma selepas waktu pejabat.
 - iii. Membekalkan ubat melalui *floor* stok, carta pengubatan dan preskripsi discaj selepas waktu pejabat.

Medication Therapy Adherence Clinic (MTAC)

- i. Mengendalikan perkhidmatan ambulatori di Bilik 3 & 4 (bilik yang bergabung), Klinik Pakar Perubatan & Kanak-kanak – MTAC Warfarin, MTAC Diabetes dan MTAC Asma.
- ii. Memberi latihan sangkutan WMTAC dan DMTAC kepada pegawai-pegawai farmasi *in-house* atau pegawai-pegawai zon timur Negeri Sabah.
- iii. MTAC Warfarin (WMTAC)
 - a. Memberi kaunseling dan memantau INR untuk semua pesakit yang mengambil Tab. Warfarin.
 - b. Melakukan perubahan dos warfarin dan memberi intervensi kepada doctor jika perlu.
 - c. Mengurangkan komplikasi seperti pendarahan akibat warfarin dengan memantau INR dengan ketara.
- iv. MTAC Diabetes (DMTAC) – 88.89% pesakit mencapai skor MMAS > 6 pada lawatan ke-4.
 - a. Memberi kaunseling merangkumi cara penggunaan ubat-ubatan diabetes, meningkatkan 'compliance', mengurangkan kesan buruk ubat-ubatan dan komplikasi penyakit diabetes, memberi pendidikan diabetes serta cara mengamalkan 'self monitoring blood glucose (SMBG)' kepada pesakit diabetes yang tidak terkawal sama ada dalam lawatan pertama di klinik pakar perubatan atau lawatan susulan di farmasi klinik pakar.
 - b. Membantu doktor dalam memberi rawatan kepada pesakit diabetes dengan mengesan dan mengurangkan 'medication-related problems' serta memberi intervensi dalam perubahan dos dan regim.
- v. MTAC Asma (AMTAC)

- a. Memberi kaunseling kepada pesakit tentang penggunaan ubat-ubatan asthma dan inhaler, serta meningkatkan 'compliance'.
- b. Membantu doktor dalam memberi rawatan kepada pesakit asthma dengan mengesan dan mengurangkan 'medication-related problems' serta memberi intervensi dalam perubahan dos dan regim.

Farmasi Satelit 1 & 2

- i. Farmasi Satelit 1 (bangunan blok lama) membekalkan ubat-ubatan kepada wad-wad Perubatan, Obstetrik & Ginekologi, Antenatal, Postnatal, Nurseri, Mata, Bersalin, Penjagaan Paliatif dan Pediatrik dan unit-unit lain seperti Hemodialisis, CAPD, Jabatan Kecemasan dan Trauma, Endoskopi, Kardiologi, Penjagaan Harian, Pengimejan & Diagnostik, Tabung Darah, Klinik ENT, Klinik Oftalmologi, Klinik Perubatan & Pediatrik, Klinik Obstetrik & Ginekologi, Klinik Psikiatrik dan Klinik Surgikal & Ortopedik.
- ii. Farmasi Satelit 2 (bangunan wad 3-6 tingkat) membekalkan ubat-ubatan kepada wad-wad Pembedahan, Ortopedik, Anestatik, Psikiatrik dan Pediatrik.
- iii. Melakukan kaunseling *bedside*, kaunseling discaj, pemeriksaan wad, memberikan maklumat ubat kepada anggota kesihatan, membekalkan ubat ke wad/unit melalui sistem *Unit of Use/Unit Dos / Indent Floorstock*, menjalankan penyaringan carta perubatan / preskripsi / buku pesanan wad dan membuat intervensi jika terdapat sebarang keraguan terhadap ubat yang dipreskrib.

Farmasi Wad (Klinikal)

- i. Menjalankan perkhidmatan farmasi wad (klinikal) di Wad Perubatan Lelaki, Wad Perubatan Wanita, Wad Pediatrik, Unit Penjagaan Rapi (ICU), Wad Pembedahan, Wad Orthopedik, Onkologi dan secara separa di Unit Rawatan Rapi Neonatal (NICU).
- ii. Melakukan rondaan wad bersama pakar / pegawai perubatan.
- iii. Melakukan pemantauan terapi pengubatan pesakit-pesakit dalam wad.
- iv. Memberi perkhidmatan kaunseling kepada pesakit semasa di dalam wad dan discaj.
- v. Menerima rujukan untuk kes-kes yang mempunyai masalah terapeutik.
- vi. Menemubual pesakit untuk mendapatkan informasi tentang sejarah perubatan pesakit.
- vii. Menjalankan aktiviti "*medication reconciliation*".
- viii. Memantau penggunaan ubat-ubat pesakit.

Perkhidmatan Maklumat Ubat (DIS)

- i. Memberi Perkhidmatan Maklumat Ubat secara tepat dan bersesuaian kepada anggota kesihatan, pesakit dan orang awam.
- ii. Memonitor Kesan Advers Ubat-ubatan.

- iii. Mengendalikan Permohonan Ubat yang memerlukan kelulusan KPK / Ubat SRQ.
- iv. Memantau Penyelidikan dan Pembangunan (R & D).
- v. Mengendalikan dan memantau pelaksanaan latihan melalui CPD/CME/Kelab Journal Jabatan Farmasi.
- vi. Mengendalikan Penerbitan Buletin /Drug Info Farmasi.
- vii. Mengemaskinikan Formulari Hospital dan senarai SRQ.
- viii. Memantau Medication Error.
- ix. Melapor Aduan Produk Berdaftar.
- x. Sebagai setiausaha Mesyuarat Jawatankuasa Ubat dan Terapeutik (JKUT) dan Mesyuarat pre-JKUT.

Farmasi Pengeluaran (Galenikal)

- i. Membuat persediaan dan pembekalan bukan steril internal (sirap, eliksir), eksternal (krim, losyen) dan ektemporanus ke Unit Farmasi Klinik Pakar / wad / unit Hospital Duchess of Kent, Sandakan.
- ii. Menjalankan aktiviti prabungkusan dan pelabelan ubat-ubatan (4 ubat cecair/*semisolid* internal, 39 ubat cecair/*semisolid* eksternal) untuk Farmasi Klinik Pakar & Farmasi Kecemasan dan Jabatan Kecemasan & Trauma (selepas waktu pejabat).
- iii. Menghantar sediaan internal/eksternal ke Makmal Farmaseutikal Cawangan Logistik Farmasi Negeri Sabah bagi tujuan ujian kawalan mutu.
- iv. Menghantar sediaan ke Makmal Farmaseutikal Cawangan Logistik Farmasi Negeri Sabah bagi tujuan kajian tarikh luput. Jenis sediaan tersebut adalah Sodium citrate 0.3mmol/mL mixture, polycitra syrup, Omeprazole 2mg/ml suspension, sodium dihydrogenase phosphate 10mmol/ml mixture.
- v. Menghantar sediaan untuk tujuan ujian kualiti bagi sediaan baru untuk ditambah ke dalam senarai sediaan hospital. Jenis sediaan yang dihantar adalah sulphur 6% ointment.

Farmasi Farmakokinetik (TDM)

- i. Menganalisa paras kepekatan serum ubat yang mempunyai julat terapeutik yang kecil (**10** jenis ubat dianalisa oleh HDOK, **3** jenis ubat dianalisa oleh fasiliti lain).
- ii. Memberi interpretasi serta cadangan pengubahsuaian dos berdasarkan paras kepekatan ubat bagi tujuan mengurangkan risiko ketoksikan ubat di samping mengoptimumkan efikasi ubat.
- iii. Terima sampel darah dari fasiliti-fasiliti lain yang berdekatan untuk dianalisis seperti Hospital Beluran, Hospital Kinabatangan, dan Klinik Kesihatan Sandakan.
- iv. Mulai tahun 2016, sebarang kes disyaki toksik bagi ubat pantauan TDM dipastikan diberikan interpretasi keputusan dalam masa 2 jam selepas

sampel darah diterima oleh makmal. Sebelum ini, ketetapan ini tertumpu kepada kes paracetamol disyaki toksik sahaja.

Jenis-jenis ubat yang dianalisa:

Tempat Analisa	Ubat
HDOK	Acetaminophen, Amikacin, Carbamazepine, Digoxin, Gentamicin, Phenobarbitone, Phenytoin, Theophylline, Valproic Acid, Vancomycin
Fasiliti lain (HQE)	Cyclosporine, Salicylate, Tacrolimus

Farmasi Rekonstitusi Ubat Sitotoksik (CDR)

- i. Menjalankan perkhidmatan rekonstitusi ubat-ubatan sitotoksik dalam keadaan aseptik dengan menggunakan 'Closed System Transfer Device' PhaSeal, Personal Protective Equipment (PPE) dan teknik pengendalian yang selamat untuk memastikan keselamatan penyedia ubat-ubatan sitotoksik.
- ii. Memberi perkhidmatan kaunseling berkenaan dengan regime/protokol kemoterapi yang dipilih, kesan sampingan ubat-ubatan sitotoksik yang digunakan dan cara-cara untuk mengatasi masalah yang berkaitan, perubahan cara hidup termasuk diet, aktiviti senaman, dan perubahan aktiviti harian serta kaunseling berkaitan interaksi ubat-ubatan sitotoksik dengan ubat-ubatan lain, herba dan suplemen kesihatan.
- iii. Melakukan perkhidmatan pemantauan klinikal pesakit yang menerima ubat-ubatan sitotoksik.
- iv. Memberi perkhidmatan maklumat ubat-ubatan sitotoksik dan maklumat berkaitan dengan keselamatan pengendalian.
- v. Melakukan intervensi jika perlu.

Jenis-jenis ubat yang direkonstitusi di HDOK:

Ubat-Ubatan Sitotoksik / berkaitan dengan kemoterapi (penambahan 2 jenis berbanding dengan tahun 2015)	Actinomycin-D, Arsenic Trioxide, Bortezomib, Bleomycin, Cisplatin, Carboplatin, Cytarabine, Cyclophosphamide, Doxorubicin, Dacarbazine, Docetaxel, Epirubicin, Etoposide, 5-Fluorouracil, Gemcitabine, Ifosfamide, Irinotecan, Mesna, Methotrexate, Oxaliplatin, Paclitaxel, Vincristine, Vinblastine, Vinorelbine, Rituximab,
Wad-Wad yang menggunakan servis unit CDR	FSW/FOW, MSW, EYE, MMW, FMW, GYNAE, CMW

Latihan Pegawai Farmasi Provisional

Seramai 16 orang Pegawai Farmasi Provisional telah menjalankan latihan selama satu tahun di Jabatan Farmasi, Hospital Duchess of Kent, Sandakan pada tahun 2016.

- | | | |
|-------------------------|---|-----------|
| i. Farmasi Klinik Pakar | - | 12 minggu |
| ii. MTAC | - | 5 minggu |
| iii. Farmasi Satelit 1 | - | 4 minggu |

iv.	Farmasi Satelit 2	-	4 minggu
v.	Farmasi Galenikal	-	2 minggu
vi.	Farmasi Wad	-	8 minggu
vii.	Perkhidmatan Maklumat Ubat -		4 minggu
viii.	Farmakokinetik (TDM)	-	4 minggu
ix.	Onkologi	-	4 minggu
x.	Farmasi Logistik	-	4 minggu
xi.	Pengurusan Farmasi	-	1 minggu

AKTIVITI YANG DIJALANKAN

- i. Mengendalikan sebanyak 85 sesi CPD/CME sepanjang tahun 2016.
- ii. Menerbitkan Bulletin/Drug Info Farmasi sebanyak 6 terbitan sepanjang tahun 2016.
- iii. Mengadakan Perjumpaan Kelab Jurnal sebanyak 9 kali dan 9 artikel telah dinilai.
- iv. **2** projek penyelidikan selesai dijalankan pada tahun 2016.
- v. Kajian Menggunakan Nama Generik
- vi. Kajian Kepuasan Pelanggan
- vii. Kajian Piagam Pelanggan
- viii. Kajian Masa Menunggu
- ix. Mengadakan aktiviti-aktiviti Program Kenali Ubat Anda / Keselamatan Pengubatan (*Medication Safety*) sebanyak 17 kali:
 - Ceramah *Medication Safety* pada 25 Januari 2016 di Dewan Selingan, HDOK Sandakan.
 - Ceramah *Medication Safety* pada 21 Mac 2016 di Dewan Selingan, HDOK Sandakan.
 - Ceramah Kenali Ubat Anda pada 01 April 2016 di Dewan Selingan, HDOK Sandakan.
 - Pameran dan ceramah Kenali Ubat Anda sempena Hari Kerjaya pada 21 April 2016 di SMK Tiong Hwa Sandakan.
 - Taklimat *Medication Safety for Medical Officers* pada 26 Mei 2016 di Dewan Selingan, HDOK Sandakan.
 - Taklimat *Medication Error Reporting* pada 26 Mei 2016 di Dewan Selingan, HDOK Sandakan.
 - Ceramah *Improving Medication Safety* pada 02 Jun 2016 di Dewan Selingan, HDOK Sandakan.
 - Pameran Kenali Ubat Anda pada 02 Jun 2016 di Lobi, Aras 1, Blok Klinik Pakar, HDOK Sandakan.
 - Ceramah *Medication Safety* pada 07 Jun 2016 di Dewan Selingan, HDOK Sandakan.
 - Ceramah *Medication Safety* pada 08 Ogos 2016 di Dewan Selingan, HDOK Sandakan.
 - Taklimat *Medication Error Reporting* pada 23 Ogos 2016 di Dewan Selingan, HDOK Sandakan.

- Ceramah Kenali Ubat Anda pada 30 September 2016 di Dewan Selingan, HDOK Sandakan.
 - Pameran sempena Hari Farmasi Sedunia (*Celebration of World Pharmacist Day*) pada 30 September 2016 di Lobi, Aras 1, Blok Klinik Pakar, HDOK Sandakan.
 - Ceramah Kenali Ubat Anda dan pameran sempena Minggu Kesedaran Kesihatan SK Muhibbah pada 25 Oktober 2016 di Sekolah Kebangsaan Muhibbah Sandakan.
 - Ceramah Alahan Ubat sempena sambutan Bulan Keselamatan Pengubatan pada 28 Oktober 2016 di Dewan Selingan, HDOK Sandakan.
 - Taklimat *Medication Safety for Medical Officers* pada 02 November 2016 di Dewan Selingan, HDOK Sandakan.
 - Taklimat *Medication Safety for Medical Officers* pada 20 Disember 2016 di Dewan Selingan, HDOK Sandakan.
- x. Mengadakan Hari Bersama Pelanggan Farmasi Pesakit Dalam dari 4 – 6 Mei 2016.
 - xi. Mengadakan Hari Bersama Pelanggan Farmasi Klinik Pakar pada 30 September 2016 sempena Hari Ahli Farmasi Sedunia pada 25 September 2016.
 - xii. Mengadakan pameran Jabatan Farmasi pada 8 Oktober 2016 sempena Hari Terbuka Hospital Duchess of Kent Sandakan.
 - xiii. Memulakan Sistem Unit Dos (UD) di *Wad Post Natal* dan diamalkan sepenuhnya di *Wad Perubatan Perempuan*.
 - xiv. Pewujudan Substor Farmasi Pesakit Dalam pada bulan Julai 2016.
 - xv. Mengemaskini Formulari Hospital dan Formulari Ubat-ubatan SRQ.
 - xvi. Melaksanakan *Pharmacy Information System (PhIS)* pada 31 Oktober 2016.
 - xvii. Memulakan perkhidmatan Kad Temujanji kepada pesakit susulan MTAC DM yang menemui kriteria yang telah ditetapkan.
 - xviii. Mengemaskini *Masterlist* Ubat-ubatan di stor drug dan *Masterlist* Bekalan Perubatan stor surgikal 2016.
 - xix. Menganjurkan Bengkel Pemantapan Perkhidmatan Farmasi 2016 pada 16 April 2016 di Dewan Selingan, Aras 1, Blok Klinik Pakar, Hospital Duchess of Kent Sandakan.
 - xx. Memulakan proses mengemaskini protokol-protokol kemoterapi mengikut kesesuaian keadaan hospital dengan rujukan dari Hospital Likas, Hospital Queen Elizabeth 1, Hospital Ampang dan rujukan-rujukan lain.
 - xxi. Dalam proses untuk menghasilkan kompilasi maklumat-maklumat berkaitan kaunseling kemoterapi mengikut jenis ubat bagi kegunaan pegawai farmasi semasa membuat kaunseling dan menghasilkan risalah maklumat berkenaan regimen kemoterapi yang diterima oleh pesakit.

GAMBAR AKTIVITI



Gambar 1: Kakitangan Jabatan Farmasi yang menjayakan Hari Bersama Pelanggan Farmasi Klinik Pakar



Gambar 2: Pn Nurul Alina memberi penerangan kepada orang awam yang mengunjung ke kaunter pameran Hari Bersama Pelanggan Farmasi Klinik Pakar



Gambar 3: Pegawai Farmasi, En. Aizuddin memberi penerangan ubat berdaftar dan tidak berdaftar kepada kakitangan yang mengunjung ke kaunter pameran Hari Bersama Pelanggan Klinik Pakar



Gambar 4: Para petugas kaunter pameran Jabatan Farmasi bersama Ketua Pegawai Farmasi, Pn. Masturah Abd. Rajik semasa Hari Terbuka Hospital



Gambar 5: Para petugas kaunter pameran Jabatan Farmasi untuk sesi pertama semasa Hari Terbuka Hospital



Gambar 6: Penolong Pegawai Farmasi, Pn Jenny Chin memberi penerangan berkenaan permainan matematik teka bilangan ubat semasa Hari Terbuka Hospital



Gambar 7: Pegawai Farmasi, Pn. Nurul Alina Azim menerangkan jenis-jenis Perkhidmatan Tambah Nilai yang ditawarkan di Farmasi Klinik Pakar semasa Hari Terbuka Hospital



Gambar 8: Pegawai Farmasi, Cik Leong Chui Yee memberi penerangan kepada pelawat yang berminat menggunakan Perkhidmatan Tambah Nilai semasa Hari Terbuka Hospital

PENCAPAIAN


Aktiviti Kualiti

- i. Projek penyelidikan (R&D)
 - *Cancer Patients' Experience and Perception On Chemotherapy in HDOK: A Qualitative Exploration* telah dibentangkan semasa Sabah Research Day 2016 pada 20 Oktober 2016 di Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu oleh Pegawai Farmasi Cik Wong Wei Wei telah menerima Anugerah **TEMPAT PERTAMA**.
 - *Pharmacist-based Interventions in Improving Safety-related Knowledge, Attitude and Practices of Nurses in Handling Cytotoxic Anticancer Drugs In HDOK* telah diterbitkan dalam Journal of Health Management, Vol. 13, No 1-2016. (Wong Wei Wei, Ooi Beng Wong & Chiar Yi Syian)
 - *Safety-related Knowledge, Attitude and Practices of Nurses in Handling Cytotoxic Anticancer Drugs In HDOK* telah dibentangkan di *The 9th National Pharmacy R&D Conference 2016* pada 8-10 Ogos 2016 di Everly Hotel Putrajaya oleh Pegawai Farmasi Cik Wong Wei Wei dan telah menerima Anugerah *The Best Presenter*.
 - *Use of Complementary and Alternative Medicines Among Cancer Patients in HDOK* telah selesai.
- ii. Unit Farmasi Klinik Pakar, Jabatan Farmasi HDOK Sandakan telah menerima Anugerah **JOHAN** dalam Pertandingan **ANUGERAH**


PERKHIDMATAN KAUNTER FARMASI TERBAIK 2015 anjuran Bhg. Perkhidmatan Farmasi, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (diumumkan pada tahun 2016)

Statistik


Graf 1:Jumlah Nilai Perolehan dan Pembekalan Farmasi Logistik (2012-2016)




Graf 2:Jumlah Bilangan Preskripsi Diterima dan Bilangan Item Didispen Farmasi Klinik Pakar (2012-2016)




Graf 3:Jumlah Bilangan Preskripsi Diterima dan Bilangan Item Didispens Farmasi Kecemasan (2012-2016) [Luar Waktu Pejabat]




Graf 4: Jumlah Kaunseling MTAC dan Farmasi Klinik Pakar (2012-2016)




Graf 5: Jumlah Preskripsi Susulan Farmasi Klinik Pakar yang menggunakan Perkhidmatan Tambah Nilai (2013-2016) [VAS]




Graf 6:Jumlah Item Dibekal oleh Farmasi Pesakit Dalam (2012-2016) [UD, UOU & Floor Stock]




Graf 7: Bedside Kaunseling dan Discaj Kaunseling oleh Farmasi Wad (2012-2016)




Graf 8:Jumlah CP1, CP2 dan Bilangan *Review* oleh Farmasi Wad (2013-2016)




Graf 9: Jumlah Prabungkusan Sediaan Internal, Sediaan Eksternal dan Tablet (2012-2016)




Graf 10: Perkhidmatan Maklumat Ubat (2012-2016)




Graf 11: Jumlah Intervensi (2012-2016)




Graf 12: Jumlah ADR dan Alahan Ubat (2012-2016)




Graf 13: Jumlah Sediaan Internal dan Sediaan Eksternal (2012-2016)




Graf 14: Jumlah Sediaan Ekstemporanus (2012-2016)



Graf 15: Bilangan Assay dan Bilangan Kes Keracunan Paracetamol Farmasi Farmakokinetik (2012-2016)



Graf 16: Bilangan Pesakit dan Bilangan Rekonstitusi Ubat Sitotoksik (2014-2016)



16.7 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN (PERANCANGAN 2017)

- Meluaskan perkhidmatan Unit Dose System (UDS) ke wad-wad yang masih mengamalkan system UOU.
- Memulakan perkhidmatan Penyediaan Ubat Titis Mata terutamanya bagi pesakit-pesakit Wad Mata.
- Melaksanakan Sistem 'Patient's Own Medicine' di wad-wad lain selain Wad Perubatan Perempuan (sekurang-kurangnya 25% daripada keseluruhan jumlah wad yang ada). Sistem ini diharapkan dapat mengurangkan pembaziran ubat di kalangan pesakit dan juga sebagai pelan penggunaan ubat-ubatan secara berhemah.
- Menambahbaik sistem keselamatan untuk stor Utama Farmasi Logistik dan substor FKP dan FPD dengan permohonan untuk pemasangan 'access magnetic door system' dan pemasangan CCTV.
- Melaksanakan pelan penjimatan ubat-ubatan seperti yang telah dibentangkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Ubat & Terapeutik bil 1/2016 dan bil 1/2017 agar dapat menampung keperluan pesakit sepanjang tahun.

16.8 PENUTUP

Tahun 2016 adalah merupakan satu tahun yang penuh dengan cabaran bagi Jabatan Farmasi HDOK Sandakan. Sepanjang tahun 2016, Jabatan Farmasi telah menerima 5 lawatan audit. Antaranya ialah Audit Khas Penguatkuasa Farmasi KKM, Audit Dalam Amalan Farmasi (ADAF) JKNS, Audit Dalam Amalan Farmasi Pusat KKM, Audit MS ISO dan Audit EKSA.

Pada tahun yang akan datang, Jabatan Farmasi HDOK akan berusaha berterusan supaya objektif Jabatan Farmasi HDOK sentiasa tercapai.

**LAPORAN TAHUNAN
JABATAN PATOLOGI DAN
TRANSFUSI DARAH**

JABATAN PATOLOGI DAN TRANSFUSI DARAH

Pendahuluan

Jabatan Patologi, Hospital Duchess of Kent Sandakan memberikan perkhidmatan ujian diagnostik, saringan dan pemantauan serta transfusi perubatan. Jabatan ini menyediakan perkhidmatan diagnostik merangkumi semua permintaan ujian peringkat '*secondary care with extended specialty services*' serta menjadi pusat rujukan makmal kepada Hospital Beluran, Hospital Kota Kinabatangan, pusat-pusat kesihatan daerah Sandakan, Beluran dan Telupid. Jabatan ini diketuai oleh Mr Logeswaran A/L Muniandi, Pegawai Sains Kimiahayat Gred C48 dan dibantu oleh Pegawai Perubatan, Pegawai Sains (Kimiahayat), Pegawai Sains (Mikrobiologi) dan Juruteknologi Makmal Perubatan Kanan.

VISI

Menyediakan perkhidmatan patologi yang cekap, tepat dan berinovasi berlandaskan sistem kualiti yang memenuhi kepuasan pelanggan.

MISI

Perkhidmatan patologi akan menjadi satu perkhidmatan yang cemerlang menggunakan teknologi yang sesuai, terkini dengan anggota yang berilmu, berjiwa murni, peka terhadap keperluan pelanggan berteraskan budaya kualiti dan kerja berpasukan serta profesionalisma demi kecemerlangan rawatan pesakit.

OBJEKTIF KUALITI

Kadar penolakan permohonan ujian makmal adalah $\leq 2.5\%$.

SKOP PERKHIDMATAN

Memastikan perkhidmatan makmal patologi dilaksanakan secara professional dan berkualiti dengan mengutamakan pelanggan sejajar dengan perkembangan klinikal untuk perawatan pesakit.

- Kaunter Utama (Preanalitikal) – Penerimaan spesimen dan permintaan ujian
- Makmal Pendiagnosan
 - Makmal Patologi Kimia
 - Makmal Hematologi
 - Makmal Mikrobiologi
 - Makmal Serologi/Virologi

- Makmal Cytology & Histopathology
- Makmal *Drug Of Abuse Screening and Confirmation* (ATS, Morphine/Codeine, Cannabis)
- Perkhidmatan Transfusi Perubatan – Menyediakan bekalan darah dan komponen darah yang mencukupi, bebas daripada penyakit berjangkit dan selamat untuk kegunaan pesakit.
- Menyediakan keputusan-keputusan ujian yang berkualiti melalui program-program kawalan mutu dalaman dan *proficiency testing* melalui kawalan mutu luaran.
- Memberi perkhidmatan patologi dan perkhidmatan rundingcara kepada makmal kesihatan awam, Hospital Daerah Beluran dan Kota Kinabatangan melalui pemantauan dan lawatan penyeliaan.
- Mengurus dan mengendali program latihan pelajar dari Institusi Pengajian tinggi Awam dan Swasta.
- Menganjurkan bengkel, kursus, seminar dan konferen dalam bidang berkaitan.
- Menyediakan perkhidmatan diagnostik, saringan dan pemantauan, termasuk pemantauan bagi perkhidmatan Point of care Testing (POCT).
- Menjalankan projek QAP dan langkah-langkah penambahbaikan perkhidmatan.
- Membuat perancangan untuk polisi, skop perkhidmatan, sumber manusia, peralatan dan kemudahan fasiliti bagi aktiviti di Jabatan Patologi.
- Menggalakkan penglibatan dalam kajian serta penyelidikan dalam bidang patologi mengikut keperluan demi peningkatan kualiti perkhidmatan.

SUMBER MANUSIA

BIL	JAWATAN	GRED	JUMLAH SEDIA ADA
1	Pegawai Pakar Patologi	UD54	0
2	Pentadbir/Klinikal, Pegawai Perubatan	UD54	1
3	Pegawai Sains (Kimiahayat)	C48	1
4	Pentadbir/Klinikal, Pegawai Perubatan	UD43/44	2
5	Pegawai Sains (Kimiahayat)	C44	1
6	Pegawai Sains (Mikrobiologi)	C44	1
7	Pegawai Sains (Kimiahayat)	C41/44	2
8	Pegawai Sains (Mikrobiologi)	C41/44	3
9	Juruteknologi Makmal Perubatan	U38	1
10	Juruteknologi Makmal Perubatan	U36	3
11	Juruteknologi Makmal Perubatan	U32	7
12	Juruteknologi Makmal Perubatan (TBK 13Tahun)	U29/32	37
13	Penolong Pegawai Perubatan	U32	1
14	Penolong Pegawai Perubatan (TBK 13Tahun)	U29/32	1
15	Jururawat	U32	1
16	Jururawat (TBK 13Tahun)	U29/32	2

17	Jururawat Masyarakat	U24	1
18	Jururawat Masyarakat (TBK 13Tahun)	U19/24	1
19	Pembantu Tadbir (Perkeranian /Operasi)	N17/N22	0
20	Pembantu Perawatan Kesehatan	U14	0
21	Pembantu Perawatan Kesehatan	U11/U14	2
22	Pekerja Awam,Pembantu Awam (TBK 13Tahun)	H11/H14	1

STATISTIK

1. Jabatan Patologi

UNIT	2014		2015		2016	
	Spesimen	Ujian	Spesimen	Ujian	Spesimen	Ujian
Hematologi	213,441	339,611	249,122	376,542	213,675	299,786
Patologi Kimia	327,882	1,103,148	386,441	1,190,909	372,522	1,034,982
Mikrobiologi	123,544	165,352	120,737	157,404	103,759	124,758
Histopatologi	3,038	-	2,832	-	3,328	-
Cytology	4,361	5,130	4,668	6,571	2,686	3,824
JUMLAH	672,266	1,613,241	763,800	1,731,426	695,970	1,463,350

2. Transfusi Perubatan

TRANSFUSI PERUBATAN	2014	2015	2015
Bilangan Penderma Darah	10,634	9,679	9,556
Jumlah Beban Kerja / Ujian	431,425	370,140	415,305

2. Statistik Kadar Penolakan Specimen

A. Jabatan Patologi

UNIT	JUMLAH SPESIMEN DITERIMA 2016	JUMLAH SPECIMEN DITOLAK 2016	PERATUS PENOLAKAN %
KAUNTER MAKMAL	696,060	626	0.08 %
PATOLOGI KIMIA	180,554	3,445	1.90 %
HEMATOLOGI	197,629	2,369	1.19 %
BACTERIOLOGI	42,163	485	1.15 %
SEROLOGI/VIROLOGI	22,618	169	0.74 %
HISTOPATOLOGI	1,904	0	0 %
CYTOLOGY	2,917	23	0.78 %
JUMLAH	1,143,845	7,117	0.62 %

B. Transfusi Perubatan

JUMLAH SPESIMEN DITERIMA 2016	JUMLAH SPECIMEN DITOLAK 2016	PERATUS PENOLAKAN %
75,948	1,591	2.09 %

Kewangan**Perolehan Reagent (27403) Jabatan Patologi**

Aktiviti	Peruntukan Reagen (yang telah di Lock in)	Perbelanjaan
032199 (27403)	2,634,000.00	2,633,943.23
020600 (27403) Program Saringan Hypothyroidsm	205,000.00	204,979.50
032199 (27403) Program HIV	0.00	0.00
030100 (27403)	150,000.00	149,992.50

Perolehan Stok Bukan Ubat (27499), Jabatan Patologi

Aktiviti	Peruntukan Reagen (yang telah di Lock in)	Perbelanjaan
032199 (27499)	188,000.00	187,999.98

Perolehan Reagent (27403) Unit Transfusi Perubatan

Aktiviti	Peruntukan Reagen (yang telah di Lock in)	Perbelanjaan
032900 (27403)	210,000.00	209,930.40

Perolehan Stok Bukan Ubat (27499), Unit Transfusi Perubatan

Aktiviti	Peruntukan Reagen (yang telah di Lock in)	Perbelanjaan
032900 (27499)	300,000.00	299,974.10

AKTIVITI

1. Aktiviti peningkatan kualiti

- ◆ Kesemua unit telah mengambil bahagian yang aktif dalam usaha menjayakan MS ISO 9001:2008 dan program EKSA.
- ◆ Semua unit di Jabatan Patologi menyertai Program Kepastian Kualiti (QAP) luaran (peringkat kebangsaan dan antarabangsa) dan dalaman (internal QAP) serta berusaha ke arah meneruskan sistem kualiti dalam ujian-ujian diagnostik yang dijalankan di Jabatan Patologi.
- ◆ Untuk meningkatkan dan memantapkan kualiti perkhidmatan Patologi, Jawatankuasa pengurusan kualiti telah diaktifkan dan diketuai oleh Pegawai Sains (Kimiahayat), Pegawai Perubatan, Pegawai Sains (Mikrobiologi) dan Juruteknologi Makmal Perubatan Kanan. Jawatankuasa patologi yang dibentuk adalah:
 1. Pengurusan Sumber manusia
 2. Pengurusan Latihan Anggota
 3. Pengurusan Harta Modal dan Inventori
 4. Pengurusan Kewangan Dan Perolehan
 5. Pengurusan Stok
 6. Infrastruktur Jabatan Validasi Dan Koordinasi
 7. Statistik
 8. Kajian Kepuasan Pelanggan
 9. POCT (*Point of Care Testing*)
 10. Indikator kualiti – QAP / NIA / HPIA / KPI / Objektif Kualiti
 11. Kawalan Kualiti Dalaman (IQC) Patologi Kimia, Hematologi, Mikrobiologi.
 12. Kawalan Kualiti Transfusi Perubatan (*Good Manufacturing Products*).
 13. Kawalan Kualiti Luaran (EQAP).
 14. Akreditasi / MS ISO / Penyimpanan Dokumen
 15. EKSA
 16. Inovasi/Kreativiti (KIK)
 17. Keselamatan Dan Kebakaran (JKKP)
 18. Bencana Alam
 19. Kawalan Infeksi.
- ◆ Penambahbaikan penghantaran keputusan ujian ABG telah dilaksanakan mulai bulan Julai 2016 melalui implementasi SMP (Sistem maklumat patologi) dengan kerjasama Unit ICT, Hospital Duchess of Kent.
- ◆ Program Kepastian Kualiti
Bagi memastikan perkhidmatan yang berkualiti, mematuhi standard piawai dan jaminan keputusan ujian yang dikeluarkan adalah tepat, Jabatan

Patologi telah mengambil bahagian dalam pelbagai program kawalan mutu termasuklah:

- i. 'Critical limits' keputusan ujian melibatkan Patologi Kimia, Hematologi dan Mikrobiologi telah dilaksanakan.
- ii. Performance indicator for Chemical Pathology (EQAS– IMR)
- iii. Program Kawalan Mutu Dadah kebangsaan (NDQCP) –IMR.
- iv. Performance in Anti Nuclear Antibody (ANA) Testing using EIA/F (IMR)
- v. Program kawalan mutu kebangsaan Mikrobiologi - (IMR)
- vi. National External Quality Assurance Scheme in HIV Antibody Testing – IMR
- vii. National External Quality Assurance Scheme in Hepatitis B & C Testing-IMR.
- viii. Royal College of Pathologists of Australia (RCPA) External Quality Assurance Programmes: Blood Morphology, Total White Differential Count (TWDC) and Haemostasis.
- ix. Randox International Quality Assessment Scheme (RIQAS), UK – Full Blood Count (Haemology).
- x. Royal College of Pathologists of Australia (RCPA) External Quality Assurance Programmes: Microbiology and Immunology
- xi. Laboratory diagnosis of Tuberculosis (RCPA) - Makmal Kesihatan Awam

Kebangsaan, Sg. Buloh, Selangor.

Tabung Darah

- Objektif kualiti: Tiada insiden pemindahan darah disebabkan oleh kesilapan makmal
- National External Quality Assurance Programme in Blood Banking (NEQAP) oleh Pusat Darah Negara, Kuala Lumpur.
- QAP/Laboratory NIA indicator: Pengukuran tahap prestasi terhadap Crossmatch Transfusion (C:T ratio), Expiry rate red cell, Transfusion error rate, Rate of laboratory error in Hepatitis B & C setiap bulan.
- Program internal QC untuk darah dan komponen darah.

2. Latihan dan program pendidikan berterusan.

- Meneruskan aktiviti pembelajaran melalui CME, CLE dan keselamatan tempat kerja. Anggota jabatan patologi juga telah dihantar untuk menghadiri berbagai persidangan, seminar, kursus, bengkel dan ceramah bagi meningkatkan lagi mutu kerjaya.
- Menganjurkan kursus dalaman untuk kakitangan Jabatan patologi
 - i. Architect i2000SR User Training, 11 – 12 Januari 2016, Unit Serologi.

- ii. *'Safety awareness on Laminar flow, biological safety cabinet and fume Hood'*, 3 Mac 2017, Unit Mikrobiologi, Jabatan Patologi.
- iii. Evening Health Seminar bertemakan *'Current updates of Dengue and Leptospirosis Diseases'* anjuran Malaysian Society Of Medical Laboratory Technologist – Sabah Chapter (Sandakan) telah diadakan pada 25 April 2016 bertempat di Grand Ballroom Hotel Borneo Cove Sandakan dan dirasmikan oleh Pengarah Hospital Duchess Of Kent, Sandakan Dr Francis Paul. Seminar ini telah dihadiri oleh 200 orang Pegawai dan kakitangan Hospital Duchess of Kent Sandakan, Hospital Beluran, Hospital Kinabatangan serta kakitangan Kesihatan dan Pusat Kesihatan. Topik dan ceramah seminar ini adalah seperti berikut:
 - a. *Clinical management of Dengue* - Dr. Ng Wan Jun (Pegawai Pakar Perubatan, Hospital Duchess of Kent).
 - b. *Clinical management of Leptospirosis* - Dr. Kok Huey Tean (Pegawai Pakar Perubatan, Hospital Duchess of Kent).
 - c. *The use of Dengue antigen and antibody combo test in endemic country* – Mr. Tan Yew Wern (Global Science).
 - d. *New Leptospirosis diagnosis with dual cutoff* - Mr. Tan Yew Wern (Global Science).
 - e. Penyiasatan dan kawalan penyakit Denggi – Mr. Ketey Ginsos (Jabatan Kesihatan Kawasan Sandakan).
 - f. Penyiasatan dan kawalan kes Leptospirosis – Mr. Sandra @ Syukur B. Sahlih (Jabatan Kesihatan Kawasan Sandakan).
- iv. Beckman Coulter DxH800 user training, 13 – 15 April 2016, Unit Hematologi.
- v. Pembentangan poster dalam konferen Patologi Kebangsaan di Hotel Tabung Haji Kota Kinabalu pada 29 – 30 Ogos 2016 bertajuk *'An Evaluation of G6PD Test Kit (Dialab) by using Colorimetric method via visualiation'* oleh Mr. Logeswaran A/L Muniandi.
- vi. Kursus Internal Quality Control, 22 Oktober 2016 anjuran Unit Biokimia, Jabatan Patologi.
- vii. Bengkel BSMP (Mikroskopi Malaria), 12 November 2016 anjuran Unit Mikrobiologi, Jabatan Patologi.
- viii. Kursus *Handling Quality control on Hematology and Hemostasis together with pipette verification and calibration*, 19 November 2016, anjuran Unit Hematologi.
- ix. Kursus *'ZIKA preparedness in transfusion service for blood procurement'* pada 15 Ogos 2016 dan dihadiri oleh 32 kakitangan Hospital Duchess Of Kent pelbagai kategori seperti Pegawai

Perubatan, Juruteknologi Makmal Perubatan, Jururawat dan Penolong Pegawai Perubatan. Ceramah kursus ini dibentangkan oleh Dr. Shahnaz Irwani Sabri (Pegawai Pakar Transfusi Perubatan, Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu).

- x. Lawatan penyeliaan Jabatan Patologi, Hospital Duchess of Kent oleh Ketua Jabatan Dan Pakar Perunding Patologi Negeri Sabah, Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu Dr. Ahmad Toha Bin Samsudin pada 28 April 2016.
- xi. Melakukan lawatan penyeliaan makmal ke Unit Perkhidmatan Patologi Hospital Beluran dan Kinabatangan pada 20 Mei 2016.
- xii. Melakukan lawatan penyeliaan makmal ke Unit Perkhidmatan Patologi, Hospital Tuaran oleh Ketua Jabatan, Mr. Logeswaran A/L Muniandi pada 3 – 4 November 2016.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Penerapan konsep makmal integrasi bagi mengoptimalkan penyampaian perkhidmatan, pengurusan modal insan dan infrastruktur serta perkhidmatan makmal berkonsepkan teknologi IT merangkumi pengurusan data pesakit dan keputusan ujian perlu dilaksanakan. Permohonan tender patologi yang melibatkan *'instrument placement and reagent rental'* bagi ujian rutin Chemistry, Electrolytes, Immunoassay, Serology, Fully Automated Haematology Analyzer dan Automated Coagulation Testing System bagi tempoh 4 tahun, rujukan tawaran JKNS/C/2016/36 telah dikemukakan kepada pihak atasan untuk kelulusan.

PENUTUP

Secara keseluruhannya, Jabatan Patologi dan Transfusi Darah telah menunjukkan peningkatan prestasi secara konsisten dan berjaya mencapai standard yang telah ditetapkan.

**EVENING HEALTH SEMINAR 'CURRENT UPDATES OF DENGUE AND
LEPTOSPIROSIS DISEASES' 25 APRIL 2016**

KURSUS INTERNAL QUALITY CONTROL, JABATAN PATOLOGI

22 OKTOBER 2017

LAPORAN TAHUNAN JABATAN DIETETIK DAN SAJIAN

JABATAN DIETETIK DAN SAJIAN

PENGENALAN

Jabatan Dietetik dan Sajian yang terletak di tingkat bawah bangunan lama dua tingkat HDOK telah wujud sejak tahun 1952 lagi sejajar dengan penubuhan hospital untuk menampung keperluan diet kira-kira purata harian 350 pesakit, doktor serta paramedik yang bertugas.

Objektif Jabatan

Menyediakan perkhidmatan sajian dan dietetik klinikal yang berkesan dan spesifik sebagai terapi rawatan pemakanan yang melengkapinya rawatan perubatan pelanggan

Misi Jabatan

Memberi perkhidmatan dietetik yang berkesan dan perkhidmatan sajian yang bersih, selamat serta mematuhi keperluan pemakanan pelanggan melalui sumber tenaga yang profesional, penyayang dan kerja berpasukan.

Visi Jabatan

Jabatan Dietetik dan Sajian HDOK akan menjadi pusat kecemerlangan dalam perkhidmatan sajian dan dietetik klinikal yang berkesan sebagai pencegahan, pemulihan dan paliatif.

PERKHIDMATAN

Perkhidmatan Jabatan Dietetik dan Sajian terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

1) Perkhidmatan Dietetik

Perkhidmatan *Medical Nutrition Therapy* (MNT) kepada pesakit yang dirujuk oleh Pegawai Perubatan dan Sains Kesihatan yang lain. Selain itu, perkhidmatan lain yang dijalankan adalah seperti berikut :

- Perkhidmatan hakiki Pesakit dalam dan pesakit luar di HDOK
- Lawatan Bulanan Pegawai Dietetik (*Visiting Dietitian*) Ke Hospital Beluran dan Hospital Kinabatangan
- Menerima rujukan pesakit luar dari Klinik Kesihatan sekitar Sandakan
- Program Pendidikan Bulanan Pesakit Diabetes dan Hypertension Klinik Kesihatan Sandakan

- Pendidikan Pesakit Luar MOPD secara bulanan
- Terlibat dalam program pendidikan dalam bidang dietetik dan pemakanan untuk masyarakat awam contohnya sekolah, syarikat persendirian dan rumah kebajikan

Bermula Januari 2016, satu lagi cabang perkhidmatan dietetik disediakan iaitu perkhidmatan *dietetic domisiliari* dibawah Pasukan Domisiliari Jabatan Pesakit Luar, Klinik Kesihatan Sandakan. Lawatan ke rumah pesakit diadakan sekali sebulan iaitu setiap hari Rabu minggu ketiga.


2) Perkhidmatan Sajian

Perkhidmatan yang diberi meliputi penyediaan diet normal dan terapiutik pesakit dalam wad, pesakit Hemodialisis, Pusat Jagaan Harian, doktor *On-Call* dan diet doktor serta paramedic dewan bedah. Perkhidmatan yang diberikan adalah mengikuti garis panduan Manual Diet Hospital dan Manual GMP.


SUMBER MANUSIA

JAWATAN	JUMLAH	DIDISI	KOSONG
Pegawai Dietetik U48	1	0	1
Pegawai Dietetik U44	1	1	0
Pegawai Dietetik U41	2	2	0
Penolong Pegawai Penyediaan Makanan (PPPM C27)	2	1	1
Pembantu Tadbir N17	1	1	0
Pembantu Penyediaan Makanan N17	12	12	0
JUMLAH	19	17	2

4) STATISTIK JABATAN/UNIT



Jumlah kes baru dan kes susulan yang dilihat mengalami penurunan berbanding tahun sebelumnya kerana kekurangan seorang Pegawai Dietetik yang mengambil cuti rehat tanpa gaji selama enam bulan. Kekangan sumber manusia ini menjejaskan kuantiti pesakit yang dapat dilihat.



Penyediaan diet pesakit untuk kelas 1, 2, dan kelas 3 secara umumnya tidak banyak berbeza dari tahun sebelumnya. Diet khas yang terdiri daripada *nourishing fluid*, diet Wad kanak-kanak dan Diet ibu menemani anak (*Mother Accompanying Child, MAC*) menunjukkan peningkatan ketara berbanding tahun sebelumnya kerana peningkatan pesakit dari kategori tersebut.

Diet doktor dan paramedic meningkat pada tahun 2015 apabila makanan mula diberikan kepada doktor yang bertugas di dewan bedah. Pada tahun 2016, berlaku sedikit peningkatan kerana JDS telah mula menyediakan makanan kepada Doktor atas talian (*On Call*) yang sebelum ini menggunakan system kupon di cafeteria.

5) PENCAPAIAN JABATAN/UNIT (PENC. KPI/ ANUGERAH DLL)

- **Persijilan *Good Manufacturing Practice (GMP)***

Jabatan ini telah menerima penarafan GMP pada tarikh 25 Mac 2015 dan sah sehingga 24 Mac 2018. Penarafan ini merupakan satu pengiktirafan bahawa makanan yang dibekalkan adalah berkualiti dan memenuhi piawaian kebangsaan.

Audit Surveillance yang telah dijalankan pada 15 April 2016 mengesahkan persijilan masih sah sehingga 2018.

6) AKTIVITI

- Pembelajaran Dietetik/Katering Berterusan (*Continuous Dietetik/Catering Education, CCDE*) dijalankan di peringkat jabatan secara aktif 2 kali sebulan sepanjang 2016
- Kajian Kepuasan Pelanggan yang dijalankan setiap bulan sebagai pemantauan berterusan kualiti makanan yang dibekalkan. Pencapaian adalah konsisten 83%- 90% sepanjang tahun 2016. Pencapaian melebihi 80% adalah dikira baik dalam kajian ini.
- Gotong Royong Perdana Jabatan telah dijalankan sebanyak 4 kali sepanjang tahun
- Majlis Berbuka Puasa dan Sambutan Hari Raya peringkat Jabatan.
- Makan malam penghargaan untuk kakitangan.

7) PERANCANGAN MASA HADAPAN

- Usaha sedang giat dijalankan untuk mencapai penarafan HACCP
- Memperluaskan perkhidmatan Dietetik ke unit Heamodialisis HDOK

Mengerakkan usaha dan kerjasama dengan bahagian pengurusan dan Unit Kesihatan Awam untuk mendapatkan penarafan BESS (Bersih, Sihat, Selamat) untuk cafeteria.⁵

LAPORAN TAHUNAN JABATAN REHABILITASI

- **UNIT FISIOTERAPI**
- **UNIT PEMULIHAN CARAKERJA (UPCK)**

JABATAN REHABILITASI

Pengenalan

Perubatan Rehabilitasi adalah suatu bidang kepakaran perubatan yang menguruskan keadaan ketidakupayaan pesakit akibat komplikasi kesihatan di mana pengurusan pesakit adalah secara menyeluruh serta menggunakan pendekatan secara kepelbagaian kepakaran atau *“interdisciplinary model of care”*.

1.0 OBJEKTIF JABATAN

Menyediakan perkhidmatan perubatan rehabilitasi bagi pesakit kelainan upaya melalui perkhidmatan pesakit dalam dan pesakit luar yang berkualiti dan cekap bagi membolehkan mereka mencapai tahap kualiti kehidupan dan kefungsiian yang optimum.

2.0 AHLI DAN PERANAN UTAMA PASUKAN INTERDISPLINARI

2.1 Pakar dan Pegawai Perubatan

Menyediakan kepakaran klinikal bagi rawatan khusus seperti *spasticity, impending contractures, neuropathic pain, neurogenic bladder, neurogenic bowel, wound care*.

2.2 Jururawat Rehabilitasi

Mengendalikan dan memberi pendidikan penjagaan luka, *“skin care”*, *continence care program* kepada pesakit dan penjaga.

2.3 Jurupulih Perubatan (Fisioterapi)

Menyediakan perkhidmatan pemeriksaan, perawatan mengurangkan kesakitan, senaman, pemulihan serta khidmat nasihat bagi mengembalikan pergerakan dan fungsi.

2.4 Jurupulih Carakerja (*Occupational Therapy*)

Menyediakan latihan kefungsiian dan alat - alat bantuan / modifikasi kepada pesakit bagi membolehkan pesakit untuk mencapai kefungsiian yang optimum bagi melakukan ADL, pekerjaan dan aktiviti riadah secara berdikari.

3.0 PERJAWATAN

BIL	JAWATAN	JUMLAH ANGGOTA	CATATAN
1	Pakar Perubatan Rehabilitasi	1	Lawatan Pakar 4 Kali Setahun
2	Jururawat Rehabilitasi	1	
3	Jurupulih Perubatan (Fisioterapi)	14	
4	Jurupulih Carakerja (Occupational Therapy)	17	

UNIT FISIOTERAPI

1. PENGENALAN

Unit Fisioterapi terletak di Bangunan Klinik Pakar Aras 1. Unit ini telah memulakan perkhidmatan di Hospital Duchess of Kent, Sandakan sejak tahun 1987. Unit Fisioterapi merupakan salah satu unit di bawah Jabatan Rehabilitasi.

1.1 Visi Unit

Mewujudkan Unit Fisioterapi sebagai pusat rujukan dan pendidikan dalam pemulihan, memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan berkesan serta menerapkan nilai-nilai budaya korporat

1.2 Misi Unit

Memberi perkhidmatan perawatan dan pemulihan kepada masyarakat yang memerlukan pemulihan awal, maksimum dan optimum untuk meningkatkan kualiti kehidupan harian

1.3 Piagam Pelanggan

- i. Setiap pelanggan akan dilayan dengan baik, mesra, bertanggungjawab, hormat, bersopan santun, jujur, ikhlas dan professional
- ii. Proses pendaftaran akan dijalankan dalam tempoh 15 minit
- iii. Tempoh masa menunggu untuk menerima rawatan adalah 30 minit dari masa yang ditetapkan di dalam kad temujanji
- iv. Sesi rawatan mengambil masa selama 30 minit hingga 1 jam bergantung kepada kondisi rujukan
- v. Bagi Rujukan Baru Pesakit Luar, temujanji rawatan akan diberikan dalam tempoh 10 hari bekerja
- vi. Bagi Rujukan Baru Pesakit Dalam, rawatan akan diberikan dalam tempoh 24 jam waktu bekerja dari tarikh/masa rujukan diterima
- vii. Di akhir sesi rawatan, pesakit akan:
 - a. Faham segala nasihat atau senaman yang diberikan
 - b. Mempunyai kad temujanji dan tarikh rawatan susulan

2. OBJEKTIF

- Menyediakan fasiliti, peralatan, tenaga kerja dan sistem bekerja yang sesuai dan mencukupi

- Memberikan perkhidmatan perawatan dan pemulihan kepada pesakit yang memerlukan pemulihan awal dan optimum untuk meningkatkan kualiti kehidupan harian
- Menggalakkan pembabitan pesakit, keluarga atau waris dalam proses rawatannya melalui pendidikan kesihatan
- Meningkatkan kesedaran dan pengetahuan anggota hospital dan masyarakat tentang peranan Unit Fisioterapi
- Meningkatkan kerjasama di antara Unit Fisioterapi dengan unit-unit lain di dalam dan di luar hospital bagi meningkatkan tahap perkhidmatan perawatan, pengetahuan dan pemulihan yang berkesan
- Menyemai sikap positif, cekap, berinisiatif dan bertanggungjawab dalam memberikan perkhidmatan perawatan dan pemulihan

3. PERJAWATAN

JAWATAN	GED	JAWATAN SEDIA ADA	DIISI	KOSONG
Pegawai Pemulihan Perubatan (Fisioterapi)	U44	1	1	0
Pegawai Pemulihan Perubatan (Fisioterapi)	U41	1	1	0
Jurupulih Perubatan (Fisioterapi)	U32	3	2	1
Jurupulih Perubatan (Fisioterapi)	U29	10	10	0
Pembantu Perawatan Kesihatan	U12	2	2	0
JUMLAH		17	16	1

4. PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

Fungsi utama Unit Fisioterapi adalah menjalankan penilaian dan memberikan rawatan kepada Pesakit Luar dan Pesakit Dalam yang dirujuk oleh Pegawai Perubatan atau Pakar:

PESAKIT LUAR	PESAKIT DALAM
<p>Rujukan dari :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Wad (Pesakit discaj dan meneruskan rawatan susulan) • Jabatan Kecemasan & Trauma HDOK • Klinik Pakar HDOK • Klinik Kesihatan • Hospital Kerajaan • Klinik / Hospital Swasta 	<p>Rujukan dari:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Wad Hospital Duchess of Kent

Perkhidmatan Unit Fisioterapi:

- Perawatan Muskuloskeletal
- Perawatan Neurologi (Dewasa)
- Perawatan Neurologi (Pediatrik)
- Perawatan Respiratori
- Perawatan Urinari Inkontinen & Lymphedema
- Perawatan Kecederaan Sukan
- Perawatan Vestibular
- Perawatan Kecederaan Saraf Tunjang
- Chronic Pain Management

Skop Perkhidmatan merangkumi:

i. Perkhidmatan Rawatan Pesakit Luar

Perkhidmatan rawatan yang diberikan kepada Pesakit Luar bergantung kepada kondisi/rujukan pesakit itu seperti :

- Bilik Rawatan 1 : Rawatan Tangan & Pediatrik
- Bilik Rawatan 2 : Rawatan Respiratori, Kesihatan Wanita & Pemulihan Vestibular
- Bilik Rawatan 3 : Elektroterapi
- Bilik Rawatan 4 : Gymnasium

ii. Perkhidmatan Rawatan Pesakit Dalam

Perkhidmatan Rawatan Pesakit Dalam termasuk rawatan *Chest Physiotherapy*, rawatan awal pemulihan & senaman anggota atas/ bawah.

iii. Perkhidmatan Lain

Di antara perkhidmatan lain yang diberikan oleh unit ini ialah Promosi Pendidikan Kesihatan Pesakit (Kelas Pendidikan Kesihatan Pesakit Diabetes & Darah Tinggi) dan Kelas Senaman Berkumpulan (Kelas senaman Strok, Kelas Senaman dan Penjagaan Tulang Belakang, kelas senaman OA/TKR).

5. AKTIVITI- AKTIVITI UNIT

i. Kelas Senaman Osteoarthritis / Total Knee Replacement & Sakit Tulang Belakang

Aktiviti ini dibawah seliaan Jurupulih Perubatan (Fisioterapi) U32, Puan Noraziah Latif@Suning dan dikendalikan oleh Jurupulih Perubatan (Fisioterapi)

U29. Aktiviti ini merupakan senaman berkumpulan yang diadakan dua kali sebulan mengikut jadual yang telah ditetapkan.



i. Kelas Senaman Berkumpulan Strok

Aktiviti ini dibawah seliaan Jurupulih Perubatan (Fisioterapi) U32, Encik Samy James dan dikendalikan oleh Jurupulih Perubatan (Fisioterapi) U29 yang bertugas di Gimnasium. Aktiviti ini diadakan empat bulan sekali untuk pesakit strok.

ii. CME Peringkat Unit

CME peringkat unit melibatkan pembentangan individu setiap kakitangan Unit Fisioterapi mengikut jadual yang ditetapkan. Aktiviti ini merupakan satu sesi pembelajaran dan perbincangan antara kakitangan bagi memantapkan lagi ilmu pengetahuan.

iii. Kelas Pendidikan Kesehatan Pesakit Diabetes dan Darah Tinggi

Memberikan ceramah pendidikan kepada pesakit Diabetes dan Darah Tinggi tentang “Gaya Hidup Sihat.” Ceramah pendidikan diberikan setiap bulan di Klinik Pakar MOPD mengikut jadual yang telah ditetapkan.

iv. Kursus “In-house Training CPR”

Unit Fisioterapi telah menganjurkan Kursus “In-house Training CPR” untuk semua kakitangan Unit Fisioterapi pada 6 September 2016. Tujuan Kursus ini adalah untuk memberikan pendedahan dan pembelajaran kepada semua kakitangan Fisioterapi tentang teknik-teknik CPR.



v. Hari Terbuka Hospital Duchess of Kent

Unit Fisioterapi turut terlibat pada Hari Terbuka Hospital Duchess of Kent yang diadakan pada 8 Oktober 2016. Aktiviti yang diadakan adalah Pameran Perkhidmatan Fisioterapi, soal selidik dan pendidikan pesakit tentang masalah Inkontinen dan Sakit Tulang Belakang serta Ujian Kecergasan.




vi. **Jamuan Raya Aidilfitri Jabatan Rehabilitasi**

Unit Fisioterapi bersama-sama dengan Unit Pemulihan Carakerja telah mengadakan Jamuan Raya Aidilfitri Jabatan Rehabilitasi pada 1 Ogos 2016



6. PENCAPAIAN

1.1 Perbandingan Bilangan Pesakit dan Rawatan bagi tempoh Tiga Tahun (2014 – 2016)



6.2 Bilangan Rujukan Kes Baru (Pesakit Dalam dan Luar) mengikut bulan bagi 2016


JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
301	266	296	259	296	337	271	325	319	326	285	272
JUMLAH – 3,553											

6.3 Bilangan Pesakit Dalam dan Pesakit Luar mengikut bulan bagi 2016

BULAN	BILANGAN PESAKIT		
	PESAKIT DALAM	PESAKIT LUAR	JUMLAH
Januari	1,167	1,421	2,588
Februari	1,057	1,253	2,310
Mac	1,304	1,300	2,604
April	1,143	1,366	2,509
Mei	1,174	1,115	2,289
Jun	1,377	1,294	2,671
Julai	1,398	1,032	2,430
Ogos	1,218	1,521	2,739
September	1,448	1,506	2,954
Oktober	1,346	1,549	2,895
November	1,148	1,678	2,826
Disember	1,399	1,374	2,773
JUMLAH	15,179	16,409	31,588

- i. Purata pesakit yang dirawat sebulan bagi Pesakit Dalam : **1,265 orang**
- ii. Purata pesakit yang dirawat sebulan bagi Pesakit Luar : **1,367 orang**

6.4 Bilangan Rawatan bagi Pesakit Dalam dan Pesakit Luar 2016



6.5 KPI / NIA 2016

INDIKATOR	NUMERATOR	DENOMINATOR	PENCAPAIAN
<i>Timely response (within 10 days) by physiotherapist to outpatient referrals</i>	1,127	1,127	100%
<i>Timely response (within 24 hours) to in-patients referrals by physiotherapist</i>	2,316	2,316	100%
<i>Percentage of patients with waiting time of ≤30 minutes to see physiotherapist at the physiotherapy clinic</i>	16,409	16,409	100%
<i>Incidence of burns sustained during delivery of electrotherapeutic modalities or thermal agents</i>	0		<i>No case of burn</i>
<i>Percentage of patients with backache who achieved the highest level of function within 24 visits (or 6 months period) in a single continuous episode of care</i>	10	10	100%

7. CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Permohonan penambahan Ruang Rawatan Pediatrik Neurologi telah dihantar kepada pihak atasan hospital dan menunggu untuk kelulusan. Penambahan ruang rawatan ini amat penting bagi menampung bilangan pesakit pediatrik yang semakin bertambah yang memerlukan rawatan sekurang-kurangnya dua minggu sekali.

Di samping itu, Unit Fisioterapi juga bercadang untuk menghantar beberapa kakitangan Fisioterapi untuk melakukan Latihan Sangkutan bagi beberapa Sub-Kepakaran seperti *Woman's Health*, *Vestibular Rehabilitation*, *Cardiac Rehabilitation* dan *Pulmonary Rehabilitation*. Tujuan Latihan Sangkutan ini adalah untuk meningkatkan tahap kompetensi kakitangan dalam memberikan rawatan dalam bidang sub-kepakaran yang berkaitan dan mengembangkan perkhidmatan yang diberikan di Unit Fisioterapi, Hospital Duchess of Kent.

8. PENUTUP

Unit Fisioterapi berpuashati dengan aktiviti/pencapaian yang telah tercapai dan dilaksanakan bagi tahun 2016. Unit ini akan sentiasa berusaha dalam memberikan perkhidmatan rawatan dan pemulihan kepada pesakit walaupun terdapat beberapa kekangan yang dihadapi dari segi kewangan, ruang rawatan dan mesin rawatan.

UNIT PEMULIHAN CARAKERJA (UPCK)

1. PENGENALAN

Unit Pemulihan Carakerja memulakan perkhidmatan di hospital ini sejak 1hb Februari tahun 1991 bertujuan memberi rawatan pemulihan bagi membantu pelanggan mencapai kefungsiannya yang optima, berdikari di dalam melaksanakan aktiviti seharian (*ADL*), Kerja (*Work*) dan aktiviti riadah (*Leisure*), mencegah kecacatan (*deformity*) melalui intervensi awal dan memberikan pendidikan kepada pelanggan dan keluarga/ penjaga bagi meneruskan aktiviti pemulihan dirumah.

Unit Pemulihan Carakerja diketuai oleh Pegawai Pemulihan Perubatan Carakerja, dengan jumlah anggota seramai 18 orang (termasuk Pegawai Pemulihan Perubatan (Carakerja), Jurupulih Perubatan Carakerja dan Pembantu Perawatan Kesihatan).

2. OBJEKTIF

Membentuk, meningkatkan atau mengekalkan kebolehan yang diperlukan semaksima yang boleh dalam menguruskan aktiviti hariannya, pekerjaan melaksanakan aktiviti riadah dan meningkatkan kefungisian melalui cadangan penggunaan alat- alat bantuan dan modifikasi peralatan dan persekitaran.

3. PERJAWATAN

BIL	JAWATAN	JUMLAH JAWATAN SEDIA ADA	JAWATAN DI ISI	JAWATAN KOSONG
1	Pegawai Pemulihan Perubatan Carakerja U44	1	1	0
2	Pegawai Pemulihan Perubatan Carakerja U41	2	1	1
3	Jurupulih Perubatan Carakerja U36	1	1	0
4	Jurupulih Perubatan Carakerja U32	3	3	0
5	Jurupulih Perubatan Carakerja U29	11	11	0
6	Pembantu Perawatan Kesihatan U11	1	1	0

4. PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

4.1 *Clinical Assessment* (Penilaian Klinikal)

- *Activities of Daily Living*
- *Hand Function & Upper Limb*
- *Cognitive & Perceptual Behaviour*
- *Domestic Assessment*
- *Child Developmental Assessment*
- *Pre – School Assessment*
- *Seating & Wheelchair Assessment*
- *Work Assessment*
- *Play & Leisure Assessment*
- *Sensory Profile Assessment*
- *Driving Assessment*

4.2 Intervention (Perawatan)

- *Activities of Daily Living Training*
- *Hand Function & Upper Limb Training*
- *Cognitive & Perceptual Training*
- *Behavioural Therapy*
- *Domestic Rehabilitation*
- *Early Intervention*
- *Patient & Carer Education*
- *Splinting*
- *Pressure Garment*
- *Compression Therapy*
- *Aid & Adaptation*
- *Work Rehabilitation*
- *Sensory Integration Training*
- *Relaxation*
- *Creative Therapy*
- *Social Skill Training*

5. AKTIVITI – AKTIVITI YANG DIJALANKAN

5.1 Kursus Pain Free Peringkat Jabatan Rehabilitasi

Nama Program : Peranan Jabatan Rehabilitasi Dalam Pain Free Hospital
 Tarikh : 23 Mac 2016
 Masa : 8.00am – 5.00pm
 Tempat : Unit Pemulihan Carakerja
 Jumlah Kehadiran : 21

GAMBAR AKTIVITI



Hari Terbuka HDOK

Nama Program : Hari Terbuka Hospital
 Tarikh : 8 Oktober 2016
 Masa : 8.00am – 2.00pm
 Tempat : Unit Pemulihan Carakerja
 Jumlah Kehadiran : 126

	
Pameran Peralatan Splinting dan Pakaian Tekanan	Minnesota Spatial Relation Test
	
Cognitive – Perceptual Games (Tower of Hanoi)	Pameran & Aktiviti Jualan Psikiatri

1. PENCAPAIAN


2016					
PESAKIT DALAM BARU	PESAKIT LUAR BARU	PESAKIT DALAM ULANGAN	PESAKIT LUAR ULANGAN	BIL RAWATAN	BIL ANGGOTA TAHUN SEMASA
1346	543	2464	4534	25 , 467	17

2015					
PESAKIT DALAM BARU	PESAKIT LUAR BARU	PESAKIT DALAM ULANGAN	PESAKIT LUAR ULANGAN	BIL RAWATAN	BIL ANGGOTA TAHUN SEMASA
1863	528	2248	4941	56,438	16
2014					
PESAKIT DALAM BARU	PESAKIT LUAR BARU	PESAKIT DALAM ULANGAN	PESAKIT LUAR ULANGAN	BIL RAWATAN	BIL ANGGOTA TAHUN SEMASA
2027	619	6249	6178	58,700	16

1.1 Perbandingan Jumlah Pesakit Baru dan Pesakit Dalam bagi Tahun 2014 – 2016


Gambarajah di atas adalah menunjukkan beban kerja di Unit Pemulihan Carakerja pada tahun 2014 – 2016. Purata setiap Jurupulih / Pegawai Pemulihan merawat 1,038 pesakit dan memberikan rawatan pemulihan 3,668 unit / modalities rawatan.

1.1 Jumlah Kehadiran Pesakit Luar Tahun 2016



Graf menunjukkan terdapat kehadiran pesakit luar ke Unit Pemulihan Carakerja pada tahun 2016. Purat kehadiran pesakit pada setiap bulan adalah 423 pesakit.

6.3 Jumlah Pesakit (Dalam & Luar) dan Perawatan Tahun 2016



Graf menunjukkan terdapat penurunan jumlah perawatan / modalities yang diberikan kepada pesakit pada bulan April – Disember 2016. Ini adalah berikutan modalities yang tidak dapat dibekalkan kepada pesakit dan terdapat peralatan rawatan yang rosak.


1.1 Pencapaian Latihan Unit

Berikut adalah program latihan yang telah diadakan di Unit Pemulihan Carakerja sebagai langkah untuk memberikan pendidikan secara berterusan kepada semua kakitangan dan sebagai cara untuk memenuhi keperluan untuk mencapai markah CPD melebihi markah 40 untuk tempoh tahun 2016

BIL	Latihan	Kekerapan / Tindakan
1	Mengalakkan kakitangan untuk menghadiri CME Peringkat Hospital	Pada Setiap Hari Jumaat Masa : 8am – 9am
2	Setiap kakitangan memberikan CME di Peringkat Unit	2 Kali untuk Setiap Therapist
3	Mengadakan CME Peringkat Unit	2 Kali Sebulan
4	Pendidikan Pesakit Diabetes (Penjagaan Kaki)	12 Kali Setahun
5	Melaksanakan Kursus Pain Free Hospital (Laporan adalah seperti berikut)	23. Mac. 2016

6.5 Pencapaian Kualiti

- Kajian Keuasan Pelanggan Perkhidmatan Pemulihan Carakerja , Hospital Duchess of Kent, Sandakan Bil 1 / 2016
- **Objektif Kajian :**
 - 1) Sebagai pengukur tahap keuasan pelanggan terhadap perkhidmatan dan persekitaran di Unit Pemulihan Carakerja
 - 2) Membantu di dalam meningkatkan mutu perkhidmatan yang diberikan kepada pesakit dan ahli keluarga
 - 3) Membantu di dalam mengenalpasti kelemahan dan penambahbaikan yang diperlukan untuk mengatasi kelemahan tersebut.



6. CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

- 6.1 Menaiktaraf perkhidmatan rawatan pemulihan di dalam bidang Pemulihan Jantung , *Return To Work* dan Penilaian Pra Memandu (*Driving Assessment*) di masa akan datang.
- 6.2 Menaiktaraf kemudahan dan infrastruktur bagi menyediakan persekitaran yang selesa semasa pesakit menjalani rawatan pemulihan.

7. PENUTUP

Semoga Unit Pemulihan Carakerja sentiasa cemerlang dalam menyampaikan perkhidmatan kepada pelanggan untuk memastikan setiap pelanggan mencapai kefungsiannya yang optimum dan mempunyai kualiti hidup.

LAPORAN TAHUNAN UNIT PUSAT JAGAAN HARIAN

PUSAT JAGAAN HARIAN (DCC)

PENGENALAN

Unit ini berfungsi memberi rawatan kepada pesakit yang tidak memerlukan kemasukan ke dalam wad. Pesakit yang dirawat adalah daripada pelbagai disiplin dan 90% pesakit yang dirawat ini terdiri daripada pesakit Thalassaemia. Unit ini beroperasi pada masa pejabat sahaja bermula pada jam 8 pagi sehingga jam 5 petang setiap hari berkerja.

OBJEKTIF

- Pusat jagaan harian memberi perkhidmatan mesra pelanggan dan efisien dalam suasana persekitaran yang kondusif.
- Mengurangkan kos perubatan dengan pengurusan pemasalahan kepada hospital.
- Mengurangkan kesesakan di wad pesakit dalam.
- Mengurangkan masa menunggu untuk sesuatu prosedur.
- Meminimakan gangguan cara hidup pesakit.
- Pesakit tidak akan meninggalkan masa kerja yang lama.
- Mengurangkan risiko mendapat infeksi nasokomial.

PERJAWATAN

DAY CARE CENTRE			
JAWATAN	GRED	BILANGAN	NAMA
KETUA JURURAWAT	U32	1 Orang	KJ FELICIA.THOMAS
	U32(KUP)	1 Orang	KJ ROSNI.JOHAN
JURURAWAT TERLATIH	U29	4 Orang	JT MARY ANTHONY JT DURUMAH MUJI JT MAZRINAH BASRI
JURURAWAT MASYARAKAT	U19	2 Orang	JM ARMIZAH MINEN JM DG.NORLIAH HASBOLLAH
PENOLONG JURURAWAT	U14	1 Orang	PJT RAHIMAH TIAI
PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN	U12	1 Orang	PPK YUDIA MALANI
Jumlah Keseluruhan = 12 Anggota			

PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN

BIL	DISPLIN	PERKHIDMATAN
1.	PERUBATAN	<p>Tranfusi darah untuk pesakit Thalassaemia/Anaemia/Leukaemia</p> <p>Pemberian Ubatan Melalui Intravena untuk pesakit Hemophilia.</p> <p>Pengambilan Spesimen darah untuk pesakit Thalassaemia/Anaemia/Leukaemia</p> <p>Mengendalikan Klinik untuk pesakit Thalassaemia setiap hari jumaat</p> <p>Memberi kaunseling kepada pesakit dan ibubapa thalassaemia.</p>
2.	PEDIATRIK	<p>Tranfusi darah untuk pesakit Thalassaemia</p> <p>Pemberian Ubat-ubatan melalui intravena</p> <p>Pemberian Ubatan Melalui Intravena untuk pesakit Hemophilia.</p> <p>Pengambilan Spesimen darah untuk pesakit Thalassaemia/Anaemia/Leukaemia</p> <p>Mengendalikan Klinik untuk pesakit Thalassaemia pada setiap hari isnin, rabu dan khamis.</p> <p>Memberi kaunseling kepada pesakit dan ibubapa thalassaemia.</p>
3.	SURGIKAL	<p>Pemberian Ubat-ubatan melalui intravena</p> <p>Trial Off CBD</p> <p>Pembedahan setempat pada hari rabu untuk unit surgical, orthopedic ENT dan ophthalmology.</p>
4.	ENT	Pemberian Ubat-ubatan Melalui Intravena

DISCAJ

1. Pesakit dibenarkan pulang 1 jam selepas transfusi darah selesai selewat-lewatnya jam 4 petang setelah di periksa oleh pegawai perubatan.
2. Pesakit akan dibekalkan:
 - Temujanji.
 - Preskripsi ubat jika perlu.
3. Pendidikan kesihatan akan diberi kepada setiap pesakit sebelum discaj.

AKTIVITI YANG DIJALANKAN

BIL	AKTIVITI	CATATAN
1.	Program Latihan	<p>Bilangan anggota yang menghadiri kursus/seminar 12 orang menghadiri kursus dalaman, 1 menghadiri conference Sarawak.</p> <p>Inhouse CNE diadakan sebanyak 2 kali sebulan</p> <p>Memberi Ceramah di radio FM Sandakan sekali setahun</p>
2.	Sukarelawan	<p>Persatuan Tzu Chi memberi bantuan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kewangan kepada sebilangan pesakit Thalassaemia yang tidak mampu. • Peralatan penapis darah <p>Persatuan Thalassaemia Sandakan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kewangan kepada sebilangan pesakit Thalassaemia yang tidak mampu. • Peralatan Penapis Darah
3.	Aktiviti Riadah	<ol style="list-style-type: none"> 1. Majlis Sambutan Hari Raya bersama pesakit thalasemia 2. AGM meeting & sambutan harijadi pesakit thalasemia 3. Aktiviti norvatis bersama pesakit thalassemia (iron hero) 2 kali setahun. 4. Christmas Children Party di HOSPICE Centre Sibuga Sandakan 5. Christmas caroling dan sumbangan hadiah staff HDOK 6. Christmas caroling dan sumbangan hadiah gereja st Micheal Sandakan dan gereja Basal. 7. Ren Ai Christmas gift untuk pesakit thalasemia 8. Exchange gift Dcc staff
4.	Sumbangan Persatuan Thalassaemia	Membantu membiayai kos air minuman untuk pesakit DCC

IRON HERO 2016



MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA BERSAMA STAFF HDOK



SAMBUTAN HARIJADI PESAKIT THALASSAEMIA



PENCAPAIAN

1. STATISTIK TAHUNAN

STATISTIK BEBAN TUGAS MENGIKUT DISPLIN PERBANDINGAN TAHUN 2014, 2015 DAN 2016.

UNIT	MEDIKAL			PEADIATRIK			SURGIKAL			ORTHO			OPHTHAL			ENT			JUMLAH			BOR		
	2014	2015	2016	2014	2015	2016	2014	2015	2016	2014	2015	2016	2014	2015	2016	2014	2015	2016	2014	2015	2016	2014	2015	2016
TAHUN	107	122	112	89	87	95	17	19	22	0	0	0	0	0	0	0	0	0	243	228	229	53.25%	57%	57.25%
JAN	112	92	132	73	75	145	22	17	29	0	0	0	0	0	0	0	0	0	205	184	295	51.25%	46%	73.75%
FEB	100	127	119	94	133	153	25	16	32	0	0	0	0	0	0	0	1	0	219	277	304	54.75%	62.95%	76%
APR	126	134	142	97	90	111	22	13	25	0	0	0	0	0	0	0	0	0	245	237	278	61.25%	59.25%	69.5%
MEI	123	124	115	83	108	100	20	16	22	0	0	0	0	0	0	0	0	0	219	248	237	54.75%	62%	59.25%
JUN	126	121	122	81	134	115	19	16	27	0	0	0	0	0	0	2	0	0	226	273	264	56.5%	68.25%	66%
JUL	95	118	125	81	93	107	22	19	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0	198	231	245	49.5%	57.75%	61.25%
OGS	128	118	104	93	83	71	14	13	22	0	0	0	0	0	0	0	0	0	217	215	201	54.25%	53.75%	50.25%
SEP	110	110	118	92	95	92	17	13	19	0	0	0	0	0	0	0	0	0	224	218	229	56%	54.5%	57.25%
OKT	123	111	136	82	90	99	16	20	20	0	0	0	0	0	0	0	0	0	221	221	255	55.25%	55.25%	63.75%
NOV	107	109	81	80	95	54	18	19	21	0	0	0	0	0	0	0	0	0	206	223	252	51.5%	55.75%	63%
DIS	120	102	119	91	154	69	0	28	11	0	0	0	0	0	0	0	0	0	241	284	199	52.75%	71.00%	49.75%

STATISTIK BEBAN TUGAS MENGIKUT PROSIDUR YANG DIJALANKAN DI UNIT DAY CARE CENTRE PERBANDINGAN TAHUN 2014 2015 DAN 2016.

PERKARA	Transfusi darah			Trial off CBD			Pengambilan specimen darah			Klinik thalassaemia						Pemberian ubatan melalui intravena		
	2014	2015	2016	2014	2015	2016	2014	2015	2016	2014		2015		2016		2014	2015	2016
										med	pead	med	pead	med	pead			
Jan	196	209	207	0	0	0	601	250	811	14	40	15	56	16	39	0	0	0
Feb	182	162	238	0	0	0	288	373	705	8	33	12	48	10	65	1	0	37
Mac	193	239	212	0	0	0	171	491	745	36	12	16	50	87	26	0	16	59
Apr	222	218	244	0	0	0	434	695	677	9	48	8	52	78	12	0	2	10
Mei	198	220	213	0	0	0	349	350	659	10	35	17	40	63	19	1	10	2
Jun	204	208	213	0	0	0	215	804	889	16	35	16	51	11	77	3	45	23
Jul	173	208	231	0	0	0	222	681	693	7	32	18	51	25	59	2	2	13
Qgs	217	198	178	0	0	0	503	632	767	8	40	12	44	15	55	3	3	1
Sep	197	202	210	0	0	0	296	534	658	9	34	12	40	20	62	4	2	0
Okt	204	198	235	0	0	0	509	628	676	13	38	17	46	38	44	1	3	0
Nov	183	193	230	0	0	0	390	621	645	14	50	22	51	21	55	4	10	22
Dis	210	186	186	0	0	0	2083	723	1006	8	35	18	50	11	68	2	67	2
Jum	2379	2441	2579	0	0	0	3980	6782		152	432	183	579	395	581	21	160	169

PENCAPAIAN

- Pesakit Thalassaemia merupakan bilangan pesakit yang paling banyak dirawat di unit ini maka kebanyakan aktiviti di unit ini adalah tertumpu kepada pesakit ini. Meskipun begitu pesakit dari disiplin yang lain tidak diabaikan terutama dari segi perawatan.

1. PENCAPAIAN OBJEKTIF KUALITI

DISIPLIN: MULTIDISIPLIN

OBJEKTIF KUALITI :	METHODOLOGI :	SAMPING :	JUMLAH PESAKIT YANG MENJALANI TRANSFUSI DARAH 2014	JUMLAH PESAKIT YANG MENJALANI TRANSFUSI DARAH 2015	JUMLAH PESAKIT YANG MENJALANI TRANSFUSI DARAH 2016
TIADA KESILAPAN DALAM PEMBERIAN TRANSFUSI DARAH.	MENGGUNAKAN CHECK LIST YANG TELAH DISEDIAKAN SEBELUM DAN SEMASA TRANSFUSI DARAH.	PESAKIT YANG DIMASUKKAN KE UNIT DCC UNTUK MENJALANI TRANSFUSI DARAH	2624	2458	2682
			PENCAPAIAN : 100%	PENCAPAIAN : 100%	PENCAPAIAN : 100%

2. PENCAPAIAN KPI (KEY PERFORMANCE INDICATOR)

• PELAPORAN DATA KEY PERFORMANCE INDECATOR (KPI) KLINIKAL

INDIKATOR	STANDARD	PENCAPAIAN SETIAP 3 BULAN 2014/ 2015/ 2016											
		JAN- MAC			APRIL-JUNE			JULY-SEPT			OCT-DEC		
PERCENTAGE OF TRANSFUSION DEPENDENT THALASEMIA (TDT) PATIENT ON IRON THERAPY	> 90%	2014	2015	2016	2014	2015	2016	2014	2015	2016	2014	2015	2016
		KPI OLD FORMAT	92.61%	97.54%	KPI OLD FORMAT	91.42%	92.60%	102.36%	97.80%	100 %	94.4%	97.64%	99.81%

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

- i. Memerlukan rak untuk penyimpanan nota pesakit yang di cadangkan oleh Dato dr Christina Rundi.
- ii. Memerlukan seorang ketua jabatan (HOD) yang menjaga unit rawatan harian selain daripada ketua jabatan yang menjaga disiplin masing- masing.
- iii. Menempatkan seorang pegawai farmasi untuk memberi penerangan dan tunjuk ajar cara pengambilan ubat-ubatan dengan betul.

PENUTUP

Unit Rawatan harian akan berusaha untuk memperbaiki perkhidmatan kepada pelanggan dari masa ke semasa dengan menfokuskan aktiviti memberi kepuasan kepada pelanggan serta memperbaiki taraf kesihatan masyarakat seperti:-

- i. Menitik beratkan pelaksanaan ISO dan Akreditasi di peringkat Jabatan.
- ii. Meningkatkan Program Kualiti dan Penambahbaikan pada prosidur.
- iii. Memupuk semangat kerjasama di kalangan anggota.
- iv. Pengurusan Perkhidmatan Kaunter yang lebih memuaskan.

**LAPORAN TAHUNAN
UNIT PERUBATAN TRADISIONAL
& KOMPLIMENTARI**

UNIT PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI

PENGENALAN

Unit Perubatan Tradisional dan Komplementari telah beroperasi selama 8 tahun di Hospital Duchess of Kent sejak 14 December 2009. Rujukan kes semakin hari semakin bertambah, ini merupakan kesedaran orang awam terhadap keselamatan dan keberkesanan penggunaan perubatan tradisional dan komplementari yang semakin baik dan terkawal.

OBJEKTIF JABATAN

1. Menyediakan, meningkatkan dan memperbaiki perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari bagi memastikan keselamatan dan keberkesanan terhadap pesakit.
2. Mengurangkan jumlah pesakit menguji ahli perubatan tradisional dan komplementari yang tidak terdaftar dibawah Kementerian Kesihatan Malaysia.
3. Membantu dan mempercepatkan pemulihan pesakit angin ahmar, sakit badan kronik dan selepas bersalin
4. Menggalakkan rujukan pesakit diluar bandar dan kawasan Sandakan melalui promosi perkhidmatan kepada masyarakat.

VISI

Kakitangan pengamal perubatan Tradisional dan Komplementari memberikan rawatan mengikut garis panduan yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia.

MISI

Semua pesakit yang mendapatkan rawatan Tradisional dan Komplementari di unit ini adalah selamat dan efektif.

PERKHIDMATAN

Skop perkhidmatan Unit Tradisional dan Komplementari, HDOK terbahagi kepada 3 bahagian:

1. Perkhidmatan pesakit temu janji

a. Urutan Melayu Tradisional

- Urutan akan memberi tumpuan kepada manipulasi otot dan/ atau tisu di sekitar kawasan urutan. Ini agar dapat merangsang sistem lain dalam seperti sistem limfa, sistem peredaran darah dan sistem saraf. Secara langsung dapat memberi kesan terapeutik seperti meningkatkan aliran darah; melegakan kesakitan dan kekejangan otot; dan pemulihan keseluruhan tubuh badan atau sebahagian daripadanya.
- Rawatanurut untuk pesakit-pesakit yang mengalami sakit otot yang kronik
- Rawatanurut kepada pesakit yang mengalami angin ahmar

b. Akupunktur

- Teknik mencucuk dan memanipulasi jarum filiform yang halus di titik tertentu pada bahagian badan (titik akupunktur) untuk mengurangkan kesakitan atau untuk tujuan terapeutik sama ada digandingkan dengan moksibusi atau tidak.
- Rawatan akupunktur kepada pesakit angin ahmar dan sakit otot kronik

c. Bekam

- Bekam melibatkan penggunaan cawan bekam yang mengandungi udara betekanan rendah (vakum) dan diletakkan pada kulit di bahagian tertentu badan. Vakum boleh dihasilkan dengan menggunakan kaedah pemanasan (api) atau peralatan dengan sedutan mekanikal. Udara pada kawasan kulit yang dilitupi oleh cawan bekam akan disedut secara perlahan-lahan.
- Bekam dipercayai dapat meningkatkan peredaran darah dan merangsang pemulihan.

d. Moksibusi

- Melibatkan pembakaran *mugwort* (*Artemesia vulgaris L.*) iaitu sejenis tumbuhan ubatan yang telah dikeringkan, untuk membantu dalam penyembuhan

e. Urutan Melayu selepas bersalin

- Rawatan urutan keseluruhan badan, bertungkuk dan berbarut kepada ibu-ibu lepas bersalin secara normal
- Merangkumi 2 jenis urutan iaitu
 - ❖ Urutan kesegaran dan penjagaan payudara
 - ❖ Urutan perbidanan

2. Lawatan pegamal “post natal care” ke wad NICU

Pegamal urutan “post natal care” mengadakan lawatan berjadual setiap Selasa dan Khamis jam 10-12 tengahari ke wad NICU untuk memberikan urutan kesegaran dan penjagaan payudara kepada ibu-ibu bayi.

3. Promosi perkhidmatan

Tujuan untuk menggalakan pesakit awam untuk menerima rawatan perubatan Tradisional dan Komplementari.

Unit Tradisional dan Komplementari di Hospital Duchess of Kent telah berjaya mengadakan 3 kali promosi perkhidmatan setiap tahun sejak 2013 hingga kini dan akan diteruskan setiap tahun mengikut keperluan.

Sumber Manusia/Organisasi unit

Jawatan dan Gred	Bilangan
Pegawai Perubatan UD54	1
Pegawai Perubatan UD48	1

JUMLAH KEHADIRAN PESAKIT BARU MENGIKUT JENIS-JENIS RAWATAN DI UNIT PERUBATAN TRADISIONAL & KOMPLIMENTARI, HDOK DARI TAHUN 2014 HINGGA 2016

		Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	July	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis
2014	U	37	26	48	55	49	65	34	47	57	48	61	58
	A	15	18	20	24	25	26	27	28	18	26	22	27
	P	41	55	54	53	16	7	12	6	4	11	4	3
2015	U	48	48	42	66	53	45	43	91	73	86	66	65
	A	21	14	27	18	13	22	31	21	33	16	25	21
	P	4	4	3	5	2	1	7	2	7	6	7	2
2016	U	80	49	66	76	56	51	51	61	56	58	54	35
	A	19	12	21	24	20	16	22	21	20	23	17	16
	P	5	3	1	6	2	1	16	24	41	15	30	10

* U- Urutan Melayu Tradisional

* A- Akupuntur

* P- *Postnatal Care*

JUMLAH KEHADIRAN PESAKIT ULANGAN MENGIKUT JENIS-JENIS RAWATAN DI UNIT PERUBATAN TRADISIONAL & KOMPLIMENTARI, HDOK DARI TAHUN 2014 HINGGA 2016

		Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	July	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis
2014	U	176	141	192	225	225	312	312	200	227	262	264	302
	A	207	139	164	216	184	228	237	233	231	210	229	244
	P	53	70	66	68	30	24	41	36	34	44	30	26
2015	U	228	205	268	294	277	269	247	311	336	365	346	354
	A	198	175	198	173	207	204	200	219	236	242	224	354
	P	15	12	20	22	18	7	18	15	25	31	25	23
2016	U	333	302	319	313	320	234	239	331	283	296	318	281
	A	170	132	173	223	199	171	119	192	186	173	290	139
	P	16	21	10	20	18	20	36	44	36	40	56	25

* U- Urutan Melayu Tradisional

* A- Akupuntur

* P- *Postnatal Care*

AKTIVITI-AKTIVITI / PENCAPAIAN JABATAN

TAHUN	Bil	AKTIVITI
2014	1	Bengkel Perubatan Tradisional & Komplimentari anjuran unit PT&K, HDOK
	2	In-house talk oleh pengamal dan kakitangan unit PT&K, HDOK setiap bulan
	3	Jerayawara Akta Perubatan Tradisional & Komplimentari anjuran Cawangan Perubatan Tradisional & Komplimentari, Jabatan Kementerian Kesihatan Negeri Sabah dihadiri oleh semua pengamal dan kakitangan unit PT&K, HDOK
	4	Hebahan perkenalkan perkhidmatan unit PT&K melalui segmen Radio Talk anjuran unit promosi, Jabatan Kesihatan Daerah Sandakan
	5	Aktiviti promosi unit PT&K, HDOK dan demonstrasi ke Jabatan Pesakit Luar, Sandakan
2015	1	Bengkel Perubatan Tradisional & Komplimentari anjuran unit PT&K, HDOK
	2	Aktiviti promosi unit PT&K, HDOK dan demonstrasi ke Tokong Chee Khor, Sandakan
	3	Hebahan perkenalkan perkhidmatan unit PT&K melalui segmen Radio Talk anjuran unit promosi, Jabatan Kesihatan Daerah Sandakan
	4	Lawatan pemantauan oleh Cawangan Perubatan Tradisional & Komplimentari, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
	5	Ketua Unit menghadiri Mesyuarat Ketua-Ketua Cawangan Perubatan Tradisional & Komplimentari Malaysia
	6	Membuat pameran dan demonstrasi rawatan perkhidmatan unit PT&K, HDOK dalam Hari Terbuka HDOK 2015
2016	1	Bengkel Perubatan Tradisional & Komplimentari anjuran unit PT&K, HDOK
	2	Mengambil bahagian dalam memberikan ceramah dalam sesi <i>continues nursing education</i> (CNE) oleh Jururawat Terlatih
	3	Seorang wakil dihantar dari unit PT&K, HDOK untuk menghadiri kursus 4 th Evidence Based Seminar on Tradisional & Complimentary bertempat di Kuala Lumpur
	4	Hebahan perkenalkan perkhidmatan unit PT&K melalui segmen Radio Talk anjuran unit promosi, Jabatan Kesihatan Daerah Sandakan
	5	Aktiviti promosi unit PT&K, HDOK dan demonstrasi di Dewan Yu Yuen
	6	Lawatan pemantauan oleh Cawangan Perubatan Tradisional & Komplimentari, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
	7	Terlibat dalam melaksanakan "Kajian Kepuasan Pelanggan Unit Perubatan Tradisional Dan Komplimentari" yang dibuat oleh Bahagian Perubatan Tradisional & Komplimentari, Kementerian Kesihatan Malaysia
	8	Membuat pameran dan demonstrasi rawatan perkhidmatan unit PT&K, HDOK dalam Hari Terbuka HDOK 2016
	9	Mendapat anugerah Subzone Terbaik dalam Pertandingan Eksa Hospital Duchess of Kent 2016.

LAPORAN TAHUNAN UNIT KEJURURAWATAN

UNIT KEJURURAWATAN

PENGENALAN

Perkhidmatan kejururawatan adalah amat penting dalam proses perawatan pesakit di hospital. Sumbangan tenaga kerja para jururawat sangat diperlukan kerana anggota jururawat terlibat dalam semua aktiviti hospital dan sebanyak 753 orang daripada bilangan pelbagai kategori anggota di hospital ini adalah terdiri dari warga jururawat. Unit Kejururawatan menyediakan penjagaan Kejururawatan yang berkualiti dan menyeluruh dari aspek pencegahan, pemulihan dan rehabilitatif agar pesakit dapat dipulih dengan cepat dan dapat mengekalkan tahap kebolehan yang optima.

Objektif Unit Kejururawatan

1. Mengambil langkah-langkah berkesan demi meningkatkan standard piawaian penjagaan kejururawatan kepada pesakit.
2. Melaksanakan tindakan kejururawatan yang efektif demi memulihkan pelanggan dari gangguan kesihatan fizikal dan mental.
3. Mendidik semua lapisan masyarakat untuk memastikan kesihatan sendiri dan mencapai tahap optima yang berupaya melakukan aktiviti harian.

Visi Unit Kejururawatan

Unit Kejururawatan akan mengekalkan dan meningkatkan prestasi profesion kejururawatan pada tahap yang unggul demi kecemerlangan perkhidmatan kejururawatan melalui pengamalan budaya korporat dan pembelajaran berterusan.

Misi Unit Kejururawatan

Menyediakan perkhidmatan kejururawatan yang cemerlang dem membantu pelanggan menikmati kehidupan yang berkualiti mengikut keupayaan masing-masing.

SKOP PERKHIDMATAN

1. Dalam melaksanakan tanggungjawab seharian, jururawat adalah tertakluk kepada Akta Jururawat 1950, Akta Bidan 1966, Code of Professional Conduct of Nursing, kualiti jagaan perawatan kesihatan.
2. Setiap jururawat mampu memberi perkhidmatan kepakaran kejururawatan menerusi amalan budaya penyayang, kerja berpasukan, efisien dan professional.
3. Perkhidmatan pengkhususan bagi jururawat meliputi bidang:
 - Kebidanan
 - Perawatan Pediatrik
 - Perawatan Neonat
 - Kecemasan dan Trauma
 - Perawatan Peri-Operatif
 - Perawatan Peri-Anestesia


- Kawalan Infeksi
- Rawatan Rapi
- Perawatan Oftalmologi
- Perawatan Psikiatri
- Orthorinolaringologi
- Geriatrik
- Gastrointestinal Endoskopi
- Perawatan Ortopedik
- Perawatan Onkologi
- Perawatan Koronori
- Pengurusan Diabetes
- Perawatan Renal
- Perawatan Rehabilitasi
- Penjagaan Kesihatan Primer.

SUMBER MANUSIA

Kedudukan anggota jururawat sehingga 31.12.2016 adalah seperti berikut:

Jawatan	Gred	Jawatan diisi
Penyelia Jururawat	U42	2
Penyelia Jururawat Klinikal	U41	5
Penyelia Jururawat	U36	7
Ketua Jururawat	U32	35
Ketua Jururawat (KUP)	U32	63
Jururawat Terlatih	U29	448
Jururawat Masyarakat	U24/22	4
Jururawat Masyarakat (KUP)	U24	8
Jururawat Masyarakat	U19	175
Penolong Jururawat	U14	0
Penolong Jururawat	U11	6
JUMLAH KESELURUHAN		753

CARTA ORGANISASI UNIT KEJURURAWATAN 2016



Pencapaian Kejururawatan

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Penyelia Jururawat U36	1 orang
Ketua Jururawat U32	6 orang
Ketua Jururawat (KUP) U32	8 orang
Jururawat Terlatih U29	25 orang
Jururawat Masyarakat U19	14 orang

Kenaikan Pangkat

Ketua Jururawat U36 kepada Penyelia Jururawat U42	1 orang
Jururawat Terlatih U29 kepada Ketua Jururawat U32	4 orang
Jururawat Terlatih U29 kepada Ketua Jururawat (KUP) U32	3 orang
Jururawat Jururawat U19 kepada Jururawat Terlatih U29	3 orang

Bil	Kursus Pos Basik	Penyelia Jururawat U42	Penyelia Jururawat U41	Penyelia Jururawat U36	Ketua Jururawat U32	Jururawat U32/U29	Jumlah
1	Kebidanan	2	2	7	26	35	72
2	ICU				2	12	14
3	CCU				2		2
4	Pediatrik	1			3	8	11
5	Kecemasan				2	7	9
6	Neonatologi			1		12	13
7	Orthopedik	1			2	13	16
8	Renal				1	10	11
9	Ofthalmologi				2	2	4
10	Pengurusan Personel Kesihatan	1			4	2	7
11	Psikiatri			1		5	6
12	Pengurusan Diabetes					6	6
13	Anestesiologi					1	1
14	Kaunseling			1	1		2
15	Perioperatif	1			4	10	15
16	Otorinolaryngologi			1		2	3
17	Endoskopi					6	6
18	Kawalan Infeksi				1	4	5
19	Rehabilitasi					1	1

**STATISTIK ANGGOTA JURURAWAT YANG MEMPUNYAI POS BASIK
SEHINGGA DISEMBER 2016
AKTIVITI KURSUS YANG DIJALANKAN SEPANJANG TAHUN 2016**

Bil	Tajuk Kursus dijalankan	Tarikh Kursus dijalankan	Jumlah peserta, AJK & penceramah	Perbelanjaan			Jumlah Keseluruhan Perbelanjaan	Peruntukan
				Minum pagi (RM)	Makan Tengahari (RM)	Minum petang (RM)		
1.	Bengkel Mentor Mentee	09.03.16-10.03.16	50	0	6.00	0	RM6.00x50=RM300x2 HARI= RM600	Pengurusan latihan
		21.07.16-22.07.16	50	0	6.00	0	RM6.00x50=RM300x2 HARI= RM600	Nursing fund
		07.09.16-08.09.16	50	0	6.00	0	RM6.00x50=RM300x2 HARI= RM600	Nursing fund
2.	Nursing Audit	11.02.16	50	3.00	7.00	0	RM10.00x50= RM500	Pengurusan latihan
		28.04.16	50	0	6.00	0	RM6.00x50= RM300	Pengurusan latihan
		11.08.16	50	0	6.00	0	RM6.00x50= RM300	Pengurusan latihan
3.	Medication Safety	25.01.16	50	3.00	7.00	0	RM10.00x50= RM500	Pengurusan latihan
		21.03.16	50	0	6.00	0	RM6.00x50= RM300	Pengurusan latihan
		08.08.16	50	0	6.00	0	RM6.00x50= RM300	Pengurusan latihan
4.	10 S in Nursing	14.01.16	50	3.00	7.00	0	RM10.00x50= RM500	Pengurusan latihan
		14.04.16	50	0	6.00	0	RM6.00x50= RM300	Pengurusan latihan
		22.09.16	50	0	6.00	0	RM6.00x50= RM300	Pengurusan latihan
5.	Nursing Documentation	02.02.16	50	3.00	7.00	0	RM10.00x50= RM500	Pengurusan latihan
		10.05.16	50	0	6.00	0	RM6.00x50= RM300	Pengurusan latihan
		09.08.16	50	0	6.00	0	RM6.00x50= RM300	Pengurusan latihan
		11.10.16	50	0	6.00	0	RM6.00x50= RM300	Pengurusan latihan
6.	Nursing Leadership	21.04.16	50	0	6.00	0	RM6.00x50= RM300	Pengurusan latihan
		05.09.16	50	0	6.00	0	RM6.00x50= RM300	Pengurusan latihan
7.	Nursing Research	11.05.16	50	0	6.00	0	RM6.00x50= RM300	Pengurusan latihan
		17.08.16	50	0	6.00	0	RM6.00x50= RM300	Pengurusan latihan
8.	Quality Initiatives	22.02.16	50	3.00	7.00	0	RM10.00x50= RM500	Pengurusan latihan
		18.07.16	50	0	6.00	0	RM6.00x50= RM300	Pengurusan latihan
		18.02.16	50	3.00	7.00	0	RM10.00x50= RM500	Pengurusan latihan

LAPORAN TAHUNAN 2016

10.	Kursus Pementapan JM	04.05.16	50	0	6.00	0	RM6.00x50= RM300	Pengurusan latihan
		24.08.16	50	0	6.00	0	RM6.00x50= RM300	Pengurusan latihan
11.	Kursus PPK	26.01.16	50	3.00	7.00	0	RM10.00x50= RM500	Pengurusan latihan
7. Memantau kepatuhan amalan-amalan kawalan infeksi dikalangan anggota kesihatan.
8. Rujukan segera, memberikhidmat nasihat, penyeliaan dan sokongan berkaitan isu-

isu kawalan infeksi kepada jururawat, bidan, pegawai-pegawai klinikal, pelawat kesihatan dan lain-lain ahli bukan klinikal serta agensi luar.

9. Membantu dalam pencegahan dan pengawalan jangkitan hospital yang boleh dicapai menerusi pelaksanaan polisi dan prosedur kawalan infeksi dengan memberi pendidikan kepada anggota kesihatan hospital dan anggota bukan hospital.


SUMBER MANUSIA

Jawatan	Gred	Jumlah sedia ada
Pakar Perubatan Y/M Kawalan Infeksi	UD 52	1
Ketua Jururawat Kawalan Infeksi	U 32	1
Jururawat Kawalan Infeksi (semua ada pos basik Kawalan infeksi)	U 29	3

PENCAPAIAN


Trend of MDRO Incidence by Type of Organisms Jan – Dec 2016

Table 1



Incidence by Type of Organisms Jan- Dec 2016


Table 2



Sepanjang tahun 2016 tidak ada kes VRE dan CRE dikesan


Nota: Survelans harian untuk alert organism dari bulan Januari sehingga Disember 2016 seperti Table 1 dan 2 menunjukkan kehadiran *Esbl-Klebsiella Pneumoniae* dan *MDRO Acinetobater Baumannii* akibat kerintangan mikro organisma terhadap antibiotik.

Table 3




Taburan MDRO mengikut jabatan menunjukkan kadar jangkitan yang tinggi adalah Medikal 18kes (41.9%) dan ICU 14 kes (32.6%) diikuti Orthopedik (6 kes) berbanding jabatan lain. Kebanyakan pesakit kes ICU dan Medikal ini adalah dalam keadaan yang tenat semasa kemasukan ke hospital.

Table 4



Jangkitan akibat kerintangan mikro organisma terhadap antibiotik dari Jun sehingga Disember 2016 berjumlah 43 kes (0.21%). Jenis jangkitan yang kerap berlaku adalah *HAP (Hospital Acquire Pneumonia)* 17 kes (39.5%), diikuti *Others* 10 kes (23.3%) dan *UTI* 6 kes (14.0%).


Table 5



Kadar Prevalens tertinggi pada hari ikajian tersebut mengikut jabatan adalah ICU diikuti dengan jabatan Orthopedik, surgical dan medikal.

**POINT PREVALENCE SURVEY BLOOD STREAM INFECTION (PPS BSI)
ON 1st – 30th APRIL AND 1st – 31st OCTOBER 2016**

Table 1



Kedua-dua kajian menunjukkan kadar BSI di Jabatan Perubatan. Ini disebabkan kebanyakan pesakit ini adalah pesakit lama yang menerima rawatan Hemodialisis secara berkala.

Table 2






Table 3



HAND HYGIENE COMPLIANCE AUDIT 2016



Nota: HDOK indicator = 80% (- - - -)

Kesemua jabatan mencapai kepatuhan >80% kecuali pada penggal 3 jabatan Orthopedik tidak mencapai. Kepatuhan peringkat hospital tercapai lebih dari 80% pada setiap penggal

Aktiviti-aktiviti kawalan infeksi

Bil.	Aktiviti	Tarikh/ kekerapan
1	Daily Laboratory Based Surveillance	Setiap hari
2	Program Survelan kebangsaan Alert Organisms	Setiap hari
3	Hand Hygiene Compliance Audit	Okt-Dis 2016
4	Point Prevalence Survey HCAI 1 & 2	4/10/2016
5	Point Prevalence Survey BSI 1& 2	1/10/2016 - 30/10/2016
6	Continuous Nursing Education	2 kali
7	Antibiotic Awareness Week	16/11/2016-20/11/2016
8	Hand Hygiene Day HDOK	13/5/2016
9	Mesyuarat Komiti Kawalan Infeksi	8/4/2016, 19/8/2016 & 26/12/2016
10	Mesyuarat Link Nurse Kawalan Infeksi	2 kali
11	Orientasi Pegawai Perubatan Siswazah	
12	Orientasi pegawai klinikal yang baru melapor diri	22/6/2016
13	Kusus Link Nurse Kawalan Infeksi	8/3/2016
14	Kursus Kawalan Infeksi	18/10/2016
15	Audit Kawalan Infeksi di Jabatan Kecemasan	July 2016

**LAPORAN TAHUNAN
JABATAN KERJA SOSIAL
PERUBATAN**

JABATAN KERJA SOSIAL PERUBATAN

1. PENGENALAN

Jabatan Kerja Sosial Perubatan (JKSP) merupakan salah satu daripada jabatan yang memberi perkhidmatan sokongan klinikal kepada pesakit. Tujuan utama penubuhan jabatan ini adalah untuk memberikan perkhidmatan biopsikososial yang komprehensif dan berterusan bagi memenuhi keperluan pelanggan mencapai kesihatan fizikal, mental dan spiritual.

2. OBJEKTIF

Membantu, menolong dan membimbing para pelanggan secara profesional dalam aspek biopsikososial dan spiritual agar mereka dapat kembali menjadi anggota keluarga dan masyarakat yang boleh berdikari serta produktif bersesuaian dengan batas kesihatan, keupayaan dan kemampuan mereka.

3. PERJAWATAN

Jadual 1: Perjawatan Di Jabatan Kerja Sosial Perubatan

Jawatan	Bil. Jawatan	Pengisian	Kekosongan
Pegawai Kerja Sosial Perubatan S 52	1	0	1
Pegawai Kerja Sosial Perubatan S 48	1	1	0
Pegawai Kerja Sosial Perubatan S 41	1	1	0
Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam S 29	2	1	1
Pembantu Tadbir N 17	1	1	0
Pembantu Perawatan Keihatan U 11	1	1	0
JUMLAH	7	5	2

4. PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN

Perkhidmatan utama di JKSP terbahagi kepada 2 iaitu Terapi Sokongan dan Bantuan Praktik.

- i. Terapi Sokongan
Merupakan perkhidmatan yang diberikan kepada para pesakit yang menghadapi masalah sosial, emosi dan psikologi. Antara kes-kes yang dikendalikan:


- a) Ibu tanpa nikah/tanpa surat nikah
 - b) Keganasan rumahtangga
 - c) Penderaan kanak-kanak (fizikal dan seksual)
 - d) Pengabaian kanak-kanak
 - e) Kes rogol
- ii. **Bantuan Praktik**
Merupakan perkhidmatan yang lebih tertumpu kepada membantu pesakit yang menghadapi masalah kewangan yang berkaitan dengan rawatan lanjut. Antara kes yang dikendalikan:
- a) Penilaian Biopsikososial
 - b) Pengurusan rawatan lanjut – bantuan tambang perjalanan, penginapan, kos rawatan dan lain-lain.
 - c) Bantuan rawatan/pembelian peralatan perubatan/peralatan rehabilitasi /ubat-ubatan
 - d) Perancangan discaj
 - e) Lawatan ke rumah
 - f) Penempatan institusi

5. AKTIVITI YANG DIJALANKAN OLEH JKSP

- i. Mesyuarat cadangan penubuhan Anjung Kasih/Balai Pelawat HDOK dan lawatan ke tapak cadangan pembinaan bersama Wakil Petronas dan Yayasan Kebajikan Negara (YKN) pada 19 Mei 2016. Mesyuarat ini diadakan bagi membincangkan cadangan penubuhan Anjung Kasih bagi kegunaan pesakit /keluarga pesakit yang memerlukan penginapan semasa mendapatkan rawatan di HDOK.
- ii. Sumbangan bantuan peralatan kepada pesakit daripada pihak NGO dan Tabung Bantuan Perubatan (TKPM)


6. PENCAPAIAN

Carta 1 : Jumlah Kes Baru Dan Kes Ulangan Dari Tahun 2014 Hingga Tahun 2016



Carta 1 menunjukkan jumlah kes baru dan juga kes ulangan di Jabatan Kerja Sosial Perubatan bagi tahun 2014 sehingga tahun 2016. Carta ini menunjukkan peningkatan kes dan beban kerja setiap tahun samada kes baru atau ulangan. Beban kerja sebenar yang ditanggung oleh setiap pegawai adalah melebihi jumlah tersebut. Ini kerana, kebanyakan kes memerlukan intervensi atau tindakan susulan dari pegawai dan biasanya jumlah intervensi/tindakan susulan tersebut melebihi 3 kali ganda jumlah kes sebenar bagi tahun tersebut

CARTA 2 : BILANGAN PESAKIT DAN JUMLAH BANTUAN TKPM DARI TAHUN 2014 – 2016



Carta 2 menunjukkan bilangan pesakit dan jumlah bantuan kewangan yang diberikan oleh Tabung Kebajikan Perubatan Malaysia (TKPM) cawangan Hospital Duchess Of Kent bagi tahun 2014 hingga tahun 2016. Bantuan tersebut adalah bagi memberi bantuan kewangan segera kepada pesakit miskin untuk tambang perjalanan dan dan bantuan peralatan. Wang TKPM ini adalah hasil dari royalti 5% jualan kasar yang diterima dari Hospimartshoppe Hospital Duchess of Kent Sandakan.

7. CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

- i. Penambahan jawatan baru serta pengisian segera jawatan Pegawai Kerja Sosial Perubatan S52 (PKSP S52) yang dikosongkan sejak November 2014 selepas pegawai sedia ada dinaikkan pangkat dan berpindah keluar. Buat masa sekarang hanya 2 orang PKSP yang bertugas dengan jumlah kes/beban tugas yang sentiasa meningkat setiap tahun. Beban tugas sekarang adalah melebihi dari norma kerja PKSP yang ditetapkan oleh KKM iaitu 280 kes setahun bagi setiap pegawai. Kekurangan pegawai telah menyebabkan kes tertunggak serta intervensi kes tidak dapat dijalankan seperti yang dirancang.

8. PENUTUP

Terdapat peningkatan kepada bilangan rujukan kes yang diterima oleh Jabatan Kerja Sosial Perubatan setiap tahun. Dengan jumlah pegawai yang sedia ada sekarang ini, beban kerja yang ditanggung oleh setiap pegawai adalah jauh melebihi dari norma kerja PKSP yang ditetapkan oleh KKM. Diharapkan pada masa akan datang, terdapat penambahan pegawai serta penambahbaikan di Jabatan Kerja Sosial Perubatan agar perkhidmatan yang terbaik dan lebih berkualiti diberikan kepada pesakit/klien.

**LAPORAN TAHUNAN
JABATAN REKOD PERUBATAN
& DOKUMENTASI**

JABATAN REKOD PERUBATAN DAN DOKUMENTASI

1. PENDAHULUAN

Jabatan Rekod Perubatan dan Dokumentasi (JRPD), Hospital Duchess of Kent (HDOK), Sandakan adalah merupakan salah satu daripada unit sokongan bukan klinikal yang penting dalam memberi perkhidmatan dalam perawatan pesakit. Jabatan ini dipertanggungjawabkan untuk mengurus perkhidmatan rekod perubatan yang melibatkan pengurusan rekod perubatan pesakit (RPP), pengurusan statistik hospital dan pengurusan laporan perubatan.

Pejabat JRPD yang terletak di Aras 1, Bangunan Klinik Pakar, HDOK turut meliputi stor penyimpanan rekod perubatan pesakit yang aktif. Selain itu, JRPD juga mempunyai beberapa stor penyimpanan sekunder yang terletak di beberapa lokasi di sekitar kawasan hospital.

2. VISI JABATAN

Menjadikan Jabatan Rekod Perubatan & Dokumentasi (JRPD), Hospital Duchess of Kent (HDOK) Sandakan sebagai sebuah pusat rujukan pengurusan rekod perubatan yang berkualiti, cemerlang dan terunggul di Pantai Timur, Sabah.

3. MISI JABATAN

Memberi kepuasan kepada pelanggan secara menyeluruh melalui perkhidmatan pengurusan rekod perubatan yang cemerlang, berkualiti, beretika secara cekap dan professional bagi memenuhi kehendak dan ekspektasi pelanggan.

4. OBJEKTIF JABATAN

- Menyediakan piawaian (penyamaan) operasi dan pengurusan hospital.
- Membantu pihak perancangan hospital dan pengurusan menentukan keperluan.
- Membekalkan maklumat perawatan perubatan ke Ibu Pejabat dan lain-lain yang memerlukan.
- Mengawal dan menyimpan rekod perubatan pesakit dengan selamat.
- Menyediakan perkhidmatan pemprosesan laporan perubatan untuk pihak perseorangan, polis, peguam, mahkamah, majikan dan pihak insuran.

5. OBJEKTIF KUALITI

Setiap permohonan laporan perubatan yang lengkap diterima akan diproses dalam tempoh 28 hari masa bekerja.

6. PIAGAM PELANGGAN JABATAN

BAHAGIAN REKOD PERUBATAN (REKOD PERUBATAN DAN SIJIL-SIJIL)

- Setiap pelanggan akan dilayan dengan baik, mesra, bertimbang rasa, hormat dan bersopan santun, jujur dan ikhlas.

- Setiap pelanggan diberi jaminan bahawa rekod perubatan dan segala maklumat mengenai penyakit dan rawatan akan dirahsiakan, disimpan dengan selamat dan hanya diberitahu kepada pihak tertentu dengan keizinannya tertakluk kepada undang-undang.
- Setiap pelanggan boleh mendapatkan laporan perubatan biasa dalam masa 28 hari bekerja selepas membuat pembayaran mengikut jumlah yang telah ditetapkan.

7. PERJAWATAN

Bilangan anggota yang bertugas di JRPD adalah seramai 20 orang yang merangkumi pelbagai kategori jawatan (Jadual 1). Jabatan Rekod Perubatan & Dokumentasi diketuai oleh seorang Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan) N41. Secara keseluruhan, masih terdapat 1 kekosongan yang belum diisi iaitu bagi jawatan Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan) N29.

Jadual 1: Bilangan Perjawatan Jawatan Rekod Perubatan & Dokumentasi 2016

Nama & Jawatan	Bilangan		
	Jumlah	Di Isi	Kekosongan
Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan) N41 - Encik Mazlan Bin Hj Abd. Majid	1	1	0
Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan) N32 - Puan Suhaila Binti Sulaiman	1	1	0
Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan) N29 - Puan Farzana Noor Binti Ahmad - Puan Noor Suhana Binti Rozaid	3	2	1
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N22 - Cik Jaimah Binti Hj Amat - Puan Fazalela Binti Paul @ Mohd Sapawi	2	2	0
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N19 - Puan Basia Binti Safiyudin - Cik Dayang Mahani Binti Ahmad - Encik Adnan Bin Hassan - Puan Nuroyahzanani Lai Binti Abdullah - Puan Marlinah Binti Salleh - Puan Asniah Binti Majid - Puan Junainah Binti Ag. Bujang - Encik Mohd Aziz Bin Sanim	7	8	+1
Pembantu Perawatan Kesihatan U11 - Encik Abdul Hamid Bin Noor - Puan Siah Binti Majid - Puan Simahwati Binti Takasi - Puan Rusneh Binti Amirsah	0	4	+4
Pekerja Awam H11 - Encik Nurizam Bin Latif	0	1	+1
Pembantu Operasi N11 - Encik Said Bin Arjun	0	1	+1

8. PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

Jabatan Rekod Perubatan & Dokumentasi bertanggungjawab dalam menyediakan perkhidmatan dan mengurus semua Rekod Perubatan Pesakit meliputi aktiviti – aktiviti berikut:

- i) Pengurusan Rekod Perubatan
- ii) Pengurusan Laporan Perubatan
- iii) Pengurusan Permohonan Pengesahan Kelahiran Lewat
- iv) Pengurusan Lembaga Perubatan, Persidangan PERKESO & KWSP
- v) Pengurusan Laporan Statistik Hospital
- vi) Penyediaan Laporan Ringkas Hospital
- vii) Pemantauan NIA/KPI & HPIA

8.1 Pengurusan Rekod Perubatan Pesakit (RPP)

- a) Penerimaan RPP daripada 14 wad termasuk Jabatan kecemasan
- b) Penyimpanan RPP yang diterima mengikut GarisPanduan Pengurusan Rekod Perubatan Pesakit, KKM
- c) Mengawal selia rekod-rekod dengan cermat dan RAHSIA
- d) Melaksanakan projek pelupusan apabila cukup tempoh mengikut Jadual Pelupusan.
- e) Memproses permohonan peminjaman RPP bagi tujuan temujanji pesakit, pesakit masuk wad, sapina mahkamah, penyelidikan/kajian, kes *mortality* jabatan atau hospital kerajaan/klinik kesihatan dan siasatan hospital.

Jadual 2: Laporan Permohonan dan Peminjaman Rekod Perubatan Pesakit 2016

(STP 7 HARI, STP 3 HARI, Walk In, Wad & Individu)

TEMPOH	PERMOHONAN	PEMINJAMAN	PERATUS %
Januari – Mac	25,699	25,012	97.33
April - Jun	26,050	25,244	96.91
Januari – Jun	51,749	50,256	97.11
Julai – Sept	24,476	23,983	97.99
Okt - Dis	24,656	24,288	98.51
Julai – Dis	49,132	48,271	98.25
JUMLAH	100,881	98,527	97.67

Nota: STP – Sistem Temujanji Pesakit

8.2 Pengurusan Laporan Perubatan

Laporan Perubatan merupakan satu bentuk maklumat bertulis mengenai sejarah, tahap kesihatan dan keadaan pesakit yang telah mendapatkan rawatan di Hospital dan ditulis berdasarkan maklumat yang terdapat di dalam Rekod Perubatan Pesakit.

Permohonan Laporan Perubatan yang lengkap akan disiapkan dalam tempoh 28 HARI BEKERJA tidak termasuk Cuti Umum & Cuti Am kecuali Laporan Perubatan Terperinci dan Laporan Bedah Siasat.

Antara jenis Laporan Perubatan adalah:

- a) Laporan Perubatan Biasa
- b) Laporan Perubatan Pakar/Terperinci
- c) Laporan Bedah Siasat/Kes Polis
- d) Borang Insurans/KWSP/Perkeso
- e) Borang Buruh 90 (Perakuan Perubatan Ordinan Pampasan Pekerja, 1952)

**Jadual 3: Bilangan Permohonan & Penyediaan Laporan Perubatan 2016
(Laporan Perubatan Biasa, Pakar, Kes Polis yang disiapkan
dalam tempoh 28 Hari Bekerja)**

TEMPOH	PERMOHONAN	PENYEDIAAN	PERATUS %
Januari – Mac	285	285	100.00
April – Jun	302	301	99.67
Januari - Jun	587	586	99.83
Julai - Sept	220	220	100.00
Okt - Dis	289	284	98.27
Julai - Dis	509	504	99.02
JUMLAH	1,096	1,090	99.45

8.3 Pengurusan Permohonan Pengesahan Kelahiran Lewat

Pengesahan daftar kelahiran lewat dimohon oleh Jabatan Pendaftaran Negara dan orang perseorangan. Setiap permohonan pengesahan yang lengkap akan diproses dalam tempoh 28 HARI BEKERJA tidak termasuk Cuti Umum & Cuti Am.

Jadual 4: Bilangan Permohonan Pengesahan Kelahiran Lewat 2016

TEMPOH	JENIS PERMOHONAN		JUMLAH
	JABATAN	INDIVIDU	
Januari – Mac	18	44	62
April – Jun	21	38	59
Januari - Jun	39	82	121
Julai – Sept	7	22	29
Okt – Dis	9	32	41
Julai - Dis	16	54	70
JUMLAH	55	136	191

8.4 Pengurusan Lembaga Perubatan, Persidangan KWSP dan PERKESO

Untuk sepanjang tahun 2016, pihak Jabatan Rekod Perubatan telah menguruskan sebanyak 35 persidangan Jemaah doktor seperti berikut:

**Jadual 5: Bilangan Pengurusan Persidangan Jemaah Doktor 2016
(Lembaga Perubatan, KWSP & PERKESO)**

TEMPOH	KWSP	PERKESO	Lembaga Perubatan	JUMLAH
Januari – Mac	5	4	0	9
April – Jun	4	5	0	9
Januari - Jun	9	9	0	18
Julai – Sept	3	3	1	7
Okt – Dis	3	5	2	10
Julai – Dis	6	8	3	17
JUMLAH	15	17	3	35

8.5 Pengurusan Laporan Statistik Hospital

Jabatan ini telah berjaya menyediakan data statistik hospital yang diperlukan untuk kegunaan pengurusan pihak atasan hospital dan jabatan/unit tertentu terutamanya dalam penyediaan laporan, kajian dan justifikasi permohonan.

Jadual 6: Bilangan Kedatangan Pesakit ke Jabatan Kecemasan & Trauma dan Klinik Pakar 2016

PERKARA	JUMLAH	KEDATANGAN BARU	KEDATANGAN ULANGAN	PURATA HARIAN
Jabatan Kecemasan & Trauma	78,979	72,699	6,280	216
Klinik Pakar	94,226	14,876	79,350	671
JUMLAH	173,205	87,575	85,630	887

Jadual 7: Kedatangan Pesakit Ke Hospital Mengikut Kewarganegaraan 2016

PERKARA	JUMLAH	WARGANEGARA	BUKAN WARGANEGARA	% BUKAN WARGANEGARA
Pesakit Luar	173,205	165,833	7,372	4.26
Pesakit Dalam	28,847	25,771	3,076	10.66
Kelahiran	6,017	4,965	1,052	17.48

Jadual 8: Bebankerja Perkhidmatan Pesakit Dalam 2016

PERKARA	BILANGAN / PERATUS
Jumlah Katil	400
Jumlah Kemasukan	34,511
Jumlah Discaj	28,876
Jumlah Kematian	702
Jumlah Pembedahan (Pilihan & Kecemasan)	12,076
Kadar Penggunaan Katil (BOR)	64.48 %
Purata Jangka Masa Tinggal (ALOS)	3.27

Jadual 9: 10 Sebab Utama Kemasukan 2016

	SEBAB KEMASUKAN	JUMLAH	%
1	Pregnancy, Childbirth And The Puerperium	7,635	26.44
2	Diseases Of The Respiratory System	3,972	13.75
3	Infectious And Parasitic Diseases	2,875	9.95
4	Certain Conditions Originating In The Perinatal Period	1,948	6.74
5	Injury, Poisoning And Certain Other Consequences Of External Causes	1,729	5.99
6	Diseases Of The Digestive System	1,453	5.03
7	Diseases Of The Circulatory System	1,452	5.03
8	Neoplasms	1,332	4.61
9	Diseases Of The Genitor-Urinary System	1,081	3.74
10	Symptoms, Signs And Abnormal Clinical And Laboratory Findings, Not Elsewhere Classified	1,065	3.69

Jadual 10: 10 Sebab Utama Kematian 2016

	SEBAB KEMATIAN	JUMLAH	%
1	Infectious And Parasitic Diseases	175	24.93
2	Diseases Of The Respiratory System	144	20.51
3	Diseases Of The Circulatory System	127	18.09
4	Neoplasms	85	12.11
5	Symptoms, Signs And Abnormal Clinical And Laboratory Findings, Not Elsewhere Classified	39	5.56
6	Diseases Of The Genito-Urinary System	32	4.56
7	Certain Conditions Originating In The Perinatal Period	30	4.27
8	Injury, Poisoning And Certain Other Consequences Of External Causes	17	2.42
9	Diseases Of The Digestive System	15	2.14
10	Endocrine, Nutritional And Metabolic Diseases	12	1.71

8.6 Pemantauan KPI/NIA

Sepanjang tahun 2016, Jabatan Rekod Perubatan & Dokumentasi telah berjaya mencapai standard KPI/NIA yang telah ditetapkan bagi 4 indikator yang dipantau. Walaupun begitu, pihak jabatan tetap mengambil langkah yang terbaik dalam usaha untuk mengekalkan pencapaian tersebut.

Jadual 11: Pencapaian KPI/NIA 2016

Bil.	Indikator	Tempoh	Numerator	Denominator	Pencapaian %
1	Percentage of medical reports prepared within the stipulated period (Standard \geq 90%)	Jan-Jun	586	587	99.83
		Jul-Dis	504	509	99.02
		Jan-Dis	1,090	1,096	99.45
2		Jan-Jun	14,311	14,311	100.00

	Percentage of medical records that were dispatched within 72 working hours of discharge (Standard \geq 95%)	Jul-Dis	14,565	14,565	100.00
		Jan-Dis	28,876	28,876	100.00
3	Percentage of completed requests for medical reports that were sent to the doctors within the stipulated period (Standard \geq 90%)	Jan-Jun	586	587	99.83
		Jul-Dis	504	509	99.02
		Jan-Dis	1,090	1,096	99.45
4	Percentage of medical records for specialist clinic appointment that were traced within 3 working days (Standard \geq 95%)	Jan-Jun	36,653	37,192	98.55
		Jul-Dis	35,621	36,166	98.49
		Jan-Dis	72,274	73,358	98.52

9. AKTIVITI JABATAN REKOD PERUBATAN & DOKUMENTASI

9.1 Pelaksanaan EKSA

JRPD telah melaksanakan program EKSA di jabatan selaras dengan usaha pihak atasan hospital bagi mengekalkan pensijilan EKSA. Pelbagai tindakan penambahbaikan telah dilaksanakan bersesuaian dengan kriteria yang ditetapkan dalam program berkenaan. Sepanjang tahun 2016, audit dalaman telah dijalankan sebanyak 2 kali iaitu pada 19 hingga 21 Januari 2016 dan 26 hingga 28 April 2016 dengan masing-masing pencapaian 91.9% dan 87.8%.

9.2 Sambutan Hari Keluarga JRPD 2016

Jabatan Rekod Perubatan dan Dokumentasi telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Keluarga JRPD yang bertemakan warna merah dan disambut dengan meriah walaupun sederhana. Sambutan ini telah dirasmikan oleh Encik Mazlan Bin Haji Abd Majid, Ketua Jabatan Rekod Perubatan dan Dokumentasi bertempat di Hotel Gloria Plaza, Sandakan. Pelbagai aktiviti telah diadakan seperti pertandingan karaoke, sambutan hari jadi, *game dance with me* dan lain-lain.



Gambar 1: Hari Keluarga JRPD 2016

9.3 Sambutan Hari Hepatitis Kebangsaan & Hari Keluarga HDOK 2016

Pihak Jabatan juga turut memberi kerjasama dan melibatkan diri secara langsung dalam menjayakan beberapa sambutan dan majlis yang dianjurkan di oleh pihak hospital.



Gambar 2: Penyertaan dalam aktiviti sempena Hari Keluarga HDOK 2016

Gambar 3: *Usherette* sempena Hari Hepatitis Kebangsaan 2016

10.1 PENCAPAIAN DAN PENGHARGAAN YANG DITERIMA

10.2 Penghargaan

Pada tahun 2016, Jabatan Rekod Perubatan & Dokumentasi telah diberikan penghargaan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia atas kerjasama dan komitmen yang dicurahkan dalam aktiviti pengumpulan data untuk *Disease-Based Costing Study, Malaysia Health System Research (MHSR)*.



Gambar 4: Sijil Penghargaan

10.3 Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)

Untuk tahun 2016, seramai 3 orang kakitangan JRPD telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) iaitu Puan Fazalela Paul@Mohd Sapawi, Cik Rahma Mohd Noor dan Puan Masnah Nahar.

10.4 Sistem Rekod Fail Pesakit (SRFP)

Bermula Mac 2015, JRPD telah melaksanakan penggunaan Sistem Rekod Fail Pesakit (SRFP) yang dibangunkan oleh Unit ICT, HDOK dengan kerjasama pihak JRPD. Sistem berkenaan adalah bertujuan untuk membolehkan pihak JRPD memantau pergerakan RPP. Sehingga penghujung tahun 2016, sebanyak 142,138 telah didaftarkan di dalam SRFP.

Jadual 12: Pecahan Bilangan RPP yang Telah Didaftarkan Di Dalam SRFP, 2016

LOKASI PENYIMPANAN	AKTIF	TIDAK AKTIF	LUPUS
Stor Anggerik	62,177	47,279	7,415
Stor Dahlia	201	6,454	8,723
Kabin 1	0	496	0
Stor Rafflesia	259	9,134	0
JUMLAH		142,138	

11. CADANGAN PENAMBAHBAIKAN & KESIMPULAN

Secara keseluruhan, Jabatan Rekod Perubatan dan Dokumentasi telah menunjukkan peningkatan dalam kualiti perkhidmatan dengan begitu memberangsangkan sepanjang tahun 2016. Dedikasi dan komitmen semua anggota JRPD dalam menjalankan tugas telah membolehkan jabatan mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Penambahbaikan dalam semua program/aktiviti jabatan masih diteruskan walaupun menghadapi kekangan kekurangan ruang simpanan RPP. Usaha memohon bangunan baru beserta kabin telah dilakukan untuk menangani masalah penyimpanan RPP yang semakin bertambah setiap tahun.

**LAPORAN TAHUNAN
UNIT PENGANGKUTAN & PRE
HOSPITAL CARE**

UNIT PENGANGKUTAN & PRE HOSPITAL CARE

PENDAHULUAN

Unit Pengangkutan HDOK Sandakan adalah satu unit di bawah seliaan Unit Penolong Pegawai Perubatan dan Unit Pengurusan Hospital Duchess Of Kent Sandakan. Pada masa ini semua pengurusan kenderaan dan pengangkutan masih di bawah satu unit walaupun Perkhidmatan Ambulans adalah di bawah Unit Pra Hospital Jabatan Kecemasan & Trauma HDOK Sandakan.

Pemandu Kenderaan akan digunakannya oleh beberapa unit iaitu Unit Pengurusan, Unit Pra Hospital, Unit Tabung Darah dan lain-lain berikutan terdapat masalah kekurangan kakitangan di Unit Pengangkutan buat masa ini.

Objektif Jabatan

1. Menyediakan perkhidmatan Ambulans bila-bila masa jika diperlukan.
2. Menyediakan Kenderaan Jabatan dengan seberapa segera jika di perlukan untuk urusan rasmi Jabatan.
3. Memberi perkhidmatan berkualiti kepada semua penumpang kenderaan Jabatan.

Visi Jabatan

Unit Pengangkutan HDOK akan memberikan perkhidmatan kenderaan yang cekap dan mesra kepada semua pengguna kenderaan rasmi Jabatan.

Misi Jabatan

Berusaha memberikan perkhidmatan yang terbaik dan cekap dan kenderaan yang digunakan sentiasa dalam keadaan siap sedia dan selamat untuk digunakan.

SKOP PERKHIDMATAN

1. Perkhidmatan Ambulans untuk kes-kes kecemasan(Pra- Hospital)
2. Perkhidmatan Perlindungan Perubatan (EMS)
3. Perkhidmatan Rujukan ke Lain-lain Hospital(Rujukan Interfaciliti)
4. Perkhidmatan Bencana(Disaster)
5. Perkhidmatan lawatan Pakar ke lain-lain hospital
6. Perkhidmatan Lawatan Klinik CHMT
7. Perkhidmatan Lawatan Klinik CAPD
8. Perkhidmatan Tabung Darah HDOK
9. Perkhidmatan Pengurusan Pejabat

SUMBER MANUSIA/ORGANISASI JABATAN

Jawatan	Gred	Jumlah Sedia Ada
Penolong Pegawai Perubatan	U32	1
Pemandu Kenderaan	H14	1
Pemandu Kenderaan	H11	14

STATISTIK BEBAN TUGAS UNIT PENGANGKUTAN TAHUN 2016**1. Jumlah Panggilan Kecemasan Untuk permohonan Ambulans**

JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	AUG	SEP	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
124	167	116	128	156	104	152	114	127	119	104	103	1514

2. Pergerakan Ambulans kurang dari 5 minit (KPI Unit Pra Hospital)

JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	AUG	SEP	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
122	167	114	126	156	103	151	112	127	117	104	102	1501

3. Kes Rujukan Interfaciliti ke lain-lain Hospital tahun 2016

JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	AUG	SEP	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
14	7	14	10	12	14	4	58	125	86	78	94	516

4. Persediaan Pasukan Standby Kecemasan

JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	AUG	SEP	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
1	3	3	1	3	3	2	10	3	3	3	3	38

JUMLAH AMBULANS YANG SEDIA ADA TAHUN 2016

Bil	Penempatan	Status Ambulans	No. Pendaftaran	Model	Tarikh Serahan	Catitan
1	Unit Pra Hospital HDOK	Rosak	WLX2090	IVECO	06/09/2004	Rosak
2	Unit Pra Hospital HDOK	Rosak	BKP 7390	Toyota Hiace	17/12/2009	Rosak Terlibat kemalangan pada 9/8/16
3	Unit Pra Hospital HDOK	Baik	BLY 1796	Toyota Hiace	19/02/2013	Digunakan Untuk Rujukan interfaciliti dan PHC
4	Unit Pra Hospital HDOK	Baik	BNU 2560	Toyota Hiace Panel SLWB	24/06/2016	Digunakan Untuk Rujukan interfaciliti dan PHC
5	Unit Pra Hospital HDOK	Baik	SAC 1934 C	Ford Transit Panel Van	08/11/2016	Digunakan Untuk Rujukan interfaciliti dan PHC

JUMLAH KENDERAAN RASMI JABATAN DALAM TAHUN 2016

Bil	Penempatan	Status Kenderaan	No. Pendaftaran	Model	Tarikh Serahan	Catitan
1	Stor Intergrasi HDOK	Baik	SAA 2134 F	Nissan UD 4 Ton Lori	06/07/2004	Digunakan untuk Pengangkutan bekalan Ubat
2	Tabung Darah HDOK	Kerap Rosak	WMC 5150	Van Kia Pregio 2.7	29/09/2004	Di gunakan untuk Lawatan Tabung Darah/Pengurusan
3	Unit Pengangkutan HDOK	Baik	SAA 9468 K	Toyota Hiace Van	27/01/2006	Di gunakan untuk Lawatan Tabung Darah/Pengurusan
4	Unit Pengangkutan HDOK	Baik	SAA 8113 K	Toyota Land Cruiser	27/01/2006	Digunakan untuk anggota KKM
5	Unit Pengangkutan HDOK	Baik	SAA 349 T	Toyota Fortuner 2.5 L (D)	18/02/2008	Digunakan untuk kenderaan MRV
6	Unit Pengangkutan HDOK	Baik	SAB 2837 H	Toyota Innova 2.0	11/02/2012	Digunakan untuk Unit Pengurusan HDOK
7	Unit Pengangkutan HDOK	Baik	SB 1343 C	Toyota Fortuner 2.5	13/10/2014	Digunakan untuk Unit Pengurusan HDOK
8	Unit Pengangkutan HDOK	Baik	SAB4519Y	Toyota Innova 2.0	01/10/2015	Digunakan untuk Unit Pengurusan HDOK
9	Unit Pengangkutan HDOK	Baik	SAC 532 A	Toyota Fortuner 2.5A/T(D)	20/11/2015	Digunakan untuk Unit Pengurusan HDOK
10	Unit Tabung Darah HDOK	Baik	SAC 6635C	Toyota Window Van	15/12/2016	Digunakan untuk Unit Tabung Darah

AKTIVITI

- Pemandu terlibat dalam Latihan Disaster anjuran Hospital dan Badan-badan Kerajaan.
- Latihan Basic Life Support untuk semua Pemandu Ambulans

- Latihan Pemanduan Berhemah anjuran JKNS untuk Pemandu HDOK
- Latihan Pra Hospital Care untuk Pemandu Ambulans
- Latihan penggunaan Girn di kalangan pemandu
- Aktiviti EKSA untuk Unit Pemandu

PENCAPAIAN

- Latihan Pra Hospital untuk Pemandu sedikit sebanyak telah membantu pemandu lebih berkeyakinan membantu dalam apa juga kes-kes kecemasan yang ditangani bersama paramedik di dalam Ambulan.

Latihan Pemanduan Berhemah anjuran JKNS telah mengubah sikap pemandu lebih berhemah di jalanraya dan mengikut peraturan semasa memandu Ambulan dan kenderaan Jabatan.

**LAPORAN TAHUNAN
PUSAT PENYELIDIKAN
KLINIKAL (CRC)**

PUSAT PENYELIDIKAN KLINIKAL (CRC)

PENGENALAN

Pusat Penyelidikan Klinikal (CRC) Hospital Duchess Of Kent, Sandakan adalah Pusat Penyelidikan Klinikal yang keempat di Sabah selain daripada Pusat Penyelidikan Klinikal Queen Elizabeth 1 & 2 dan Pusat Penyelidikan klinikal Hospital Likas ditubuhkan pada 21st July 2014 dan lengkap sepenuhnya pada 26th Disember 2014. Penubuhan CRC HDOK adalah diatas usaha sama Pengarah Hospital iaitu Dr Francis Paul dan Pengarah Pusat Penyelidikan Klinikal Kebangsaan (NCRC) iaitu Dr Goh Pik Pin. Pusat Penyelidikan Klinikal Hospital Duchess Of Kent telah di terajui Mr Lai Chung Ket (Surgeon HDOK) dan Ketua Timbalan di sandang oleh Dr Ng Wan Jun. Dr Eswaran Khanthasamy telah dilantik menjadi Ketua Pengurusan Pentadbiran pada masa penubuhannya. Tugas pengurus pentadbiran telah diambil alih oleh Sr Rusnah Sumaila bermula Oktober 2015 sehinggalah kini. Penubuhan CRC HDOK adalah selaras dengan pengetahuan terkini dan rawatan pesakit untuk membangunkan kapasiti sumber manusia dalam penyelidikan perubatan sama ada melalui peringkat jabatan atau di unit masing-masing.

Peranan utama CRC adalah dalam mempromosi, menyokong dan menjalankan “*Investigator Initiated Research*” oleh pengamal perubatan dan kakitangan hospital lain dibawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Untuk menampung keperluan ini, Pusat Penyelidikan Klinikal Hospital Duchess of Kent, Sandakan telah mengadakan dan menganjurkan BENGKEL BERSIRI dan beberapa lagi bengkel lain demi mencapai fungsi dan peranan Pusat Penyelidikan Klinikal yang di tubuhkan di HDOK. Tujuan utama bengkel bersiri dan lain-lain bengkel diadakan adalah untuk melengkapkan diri setiap peserta penyelidikan klinikal dalam penyediaan penyelidikan klinikal sama ada melalui peringkat jabatan atau unit masing-masing. Adalah diharapkan bahawa bengkel ini dapat melengkapkan setiap peserta dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan penyelidikan klinikal mereka.

Objektif Pusat Penyelidikan Klinikal (CRC)

1. Untuk menggalakkan budaya penyelidikan di kalangan pekerja penjagaan kesihatan di kawasan pantai timur sabah.
2. Untuk menyebarkan kemahiran dalam metodologi, alat statistik dan teknik dalam mereka bentuk dan menjalankan ujian klinikal.
3. Untuk menyediakan *health care workers* kesihatan prinsip metodologi dan biostatistik dalam penyelidikan klinikal.

Visi Pusat Penyelidikan Klinikal (CRC) HDOK

Untuk menggalakkan, menyokong dan menjalankan kualiti dan penyelidikan klinikal etika dan latihan dalam penyelidikan di Hospital Duchess of Kent, Sandakan.

Misi Pusat Penyelidikan Klinikal (CRC) HDOK

Untuk melengkapkan kakitangan perubatan di HDOK dengan kemahiran dalam menjalankan kualiti penyelidikan beretika.

Perkhidmatan yang diberikan oleh Pusat Penyelidikan Klinikal (CRC) HDOK

1. *Support for Research Projects*
 - *Assist in Protocol Writing*
 - *NMRR Online Registration*
 - *Consultation of Statistical and Research Project*
 - *Assist in Research Grant Application*
 - *Mentorship for Research Protocol Development.*
2. *Research Training, Courses & Workshop*
 - *Research Methodology Workshop*
 - *Good Clinical Practice*
 - *Other Specific Workshop that are useful and related to daily practice.*

CARTA ORGANISASI PUSAT PENYELIDIKAN KLINIKAL (CRC)

PADA 04 OKTOBER 2016



AKTIVITI KURSUS YANG DIJALANKAN SEPANJANG TAHUN 2016

Bil	Tajuk Kursus dijalankan	Tarikh Kursus dijalankan	Jumlah peserta, Aik & penceramah	Perbelanjaan			Jumlah Keseluruhan Perbelanjaan	Peruntukan
				Minum Pagi (RM)	Makan Tengahari (RM)	Minum Petang (RM)		
1.	Bengkel Manuscript Writing protocol	19.02.2016	28	5.00	5.00	5.00	RM15.00×30=RM450 × 1 HARI= RM450.00	CRC UNIT
2.	Introduction to clinical Research (ICR) X 2 hari.	11.03.2017	30	5.00	5.00	5.00	RM15.00×30= RM450	CRC UNIT
		12.03.2017	30	5.00	5.00	5.00	RM15.00×30= RM450 JUMLAH: RM 900.00	CRC UNIT
3.	Bengkel Research Protocol Writing (2 hari)	29.04.2016	25	5.00	5.00	5.00	RM15.00×25= RM375	CRC UNIT
		30.04.2016	25	5.00	5.00	5.00	RM15.00×25= RM375 JUMLAH: RM 750.00	CRC UNIT
4.	4 TH Annual Sabah Research Camp 2 x hari di Sabah Hotel	13.05.2016	21	-	-	-		NCRC, KL
		14.05.2016	21	-	-	-		NCRC, KL
5.	Bengkel Basic Methodology & Biostatistics X 2 hari.	05.06.2016	30	5.00	5.00	5.00	RM15.00×30= RM450	CRC UNIT
		06.06.2016	30	5.00	5.00	5.00	RM15.00×30= RM450 JUMLAH:RM 900.00	CRC UNIT
6.	GOOD CLINICAL PRACTICE 3 x	17.08.2016	60	5.00	5.00	5.00	RM15.00×60= RM900	CRC UNIT
		18.08.2016	60	5.00	5.00	5.00	RM 15.00×60=RM900	CRC UNIT
		19.08.2016	60	5.00	5.00	5.00	RM15.00×60= RM900 JUMLAH: RM2,700	CRC UNIT
7.	Bengkel Personal Development 1 x sehari.	18.11.2016	25	5.00	5.00	5.00	RM15X25=RM375 JUMLAH:RM375.00	CRC UNIT
JUMLAH KESELURUHAN							RM 6,075.00	CRC UNIT

AKTIVITI LAIN SEPANJANG TAHUN 2016

1. Menghantar dua peserta untuk mengikuti bengkel *Scientific Writing* di Hospital Likas iaitu Dr Mohd Shazmin(Pegawai Perubatan dari JPL, Sandakan) dan Cik Wong Wei Wei (Farmasi) pada 20-22.01.2016
2. Lawatan Dr Akhmal Yusof iaitu CEO *Clinical Research Malaysia (CRM)* pada 12.05.2016.
3. Ke NCCR (*National Conference Clinical Research*) di Hotel Istana pada 27-28.07.2016 iaitu Dr Ng Wan Jun, Mr Kong Kian Keong & Rusnah Sumaila.
4. Menghantar Mr James Voo Hon Yau (Farmasi) ke *Question Validation Workshop* pada 27-28.09.2016, Kuala Lumpur.
5. Menghantar Dr Ng Wan Jun ke *Qualitative Study Workshop* pada 22-23.09.2016 ke KL.
6. Menghantar Mr Kong Kian Keong untuk menghadiri bengkel *Budget Impact Analysis* di Kuala Lumpur pada 22-23.10.2017
7. Menghantar seramai 13 peserta ke bengkel bersiri *Sabah Research Day* pada 20.10.2016
8. Menghantar Mr Kong Kian Keong ke *NIH WEEK Research* pada 19-23.10.2016
9. *State Meeting* di QEH pada 4.11.2016 dan Mr Lai Chung Ket telah menghadiri mesyuarat tersebut.
10. Menghantar 4 kakitangan HDOK ke bengkel *Introduction to Clinical Audit* di Hospital QEH pada 22-23.11.2016 iaitu Dr Ng Wan Jun, Mr Kong Kian Keong, Sn Chui Fui San dan Sn Lidiwina.

11. NETWORK MEETING di Pulman Bangsar K.L pada 2-3.12.2016 dan Dr Ng Wan Jun dan Mr Kong Kian Keong telah menghadiri mesyuarat tersebut.

PENYELIDIKAN YANG TELAH DI JALANKAN DAN TELAH DIBENTANGKAN SAMA ADA DALAM BENTUK ORAL MAHUPUN POSTER TAHUN 2016:

Para penyelidik klinikal telah membuat beberapa penyelidikan klinikal di unit dan jabatan masing-masing. Berikut adalah penyelidikan klinikal yang telah di lakukan:

Bil	tarikh	Lokasi /Venue:	Project title	Principal Investigator
1	2-5.06.2016	24 th Congress Of The Obstetrical & Gynaecology Society Of Malaysia(OGSM),Nexus Bangsar South K.L	Motherhood, 1 st interrupted: A case of uterine necrosis following B-Lynch Suture & Uterine artery ligation in massive postpartum Haemorrhage (poster presentation)	Dr. Dima Marina Dr. Syubada Dr. Yew Cheng Boon.
2	23-24.09.2016	6 th Conjoint Ophthalmology Scientific Conference, Nexus Hotel Bangsar Kuala Lumpur.	Ophthalmia neonatorum 5 years study in HDOK (oral & poster) Herpes Zoster ophthalmicus with orbital apex syndrome & Complication (poster)	Dr. Muhammad Nazrin Muhammad Nordin.
3	23-24.09.2016	6 th Conjoint Ophthalmology Scientific Conference, Nexus Hotel Bangsar Kuala Lumpur.	A 3 years review of visual impact of blunt trauma to the eye (poster)	Dr. Omar Hefni Abdel Wahab
4	27-28.07.2016	10 th National Conference For Clinical Research 2016, Hotel Istana, Kuala Lumpur.	A Survey on patient-doctor discussion about CAM among medical outpatient in Sandakan Hospital (poster) The Perception & usage of complimentary alternative medicine(CAM) outpatient in Sandakan Hospital (poster)	Dr. Ng Wan Jun Dr. Chan Hon Kit Sr. Rusnah Sumalia Matron Bukiah @ Rovena Saring.
5	21-24.04.2016	23 rd Regional Congress Of Perinatal Society Of Malaysia 2016, Royal Chulan Hotel, Kuala Lumpur.	Neonatal meliodosis. A case report (poster)	Dr. Wong Hoi Ling Dr. Jasminder Kaur Dr. Lee Pei Yin
6	3-6.08.2016	38 th Malaysian Paediatric Association Annual Congress 2016	A rare presentation of pica and iron deficiency anemia: Rapunzel Syndrome (poster)	Dr. Wong Hoi Ling Dr. Jasminder Kaur
7	3-6.08.2016	38 th Malaysian Paediatric Association Annual Congress 2016	Vitamin k deficient bleeding (oral) – case series	Dr. Wong Hoi Ling Dr. Jasminder Kaur Dr. Chey Rui Wah Dr. Lee Pei Yin
8	22-23.08.2016	1 st Borneo paediatric burns and trauma conference 2016, Sabah Women & Children Hospital Likas, Kota Kinabalu.	Epidemiology study on burns in children presenting to Hospital Duchess of Kent, Sandakan (oral)	Dr. Wong Hoi Ling Dr. Jasminder Kaur Dr. Farina Azrena Dr. Qoi Lee Ying
9		The national heart association of Malaysia annual conference K.L 2016	Brain abscess associated with ebstein's anomaly in a young child (poster)	Dr. Wong Hoi Ling Dr. Jasminder kaur Dr. Qoi Lee Ying
10		The national heart association of Malaysia annual conference K.L 2016	Ruptured sinus of Valsalva disguised as rheumatic heart disease (poster)	Dr. Wong Hoi Ling Dr. Jasminder Kaur Dr. Cheong Kai Liang
11	8-9.08.2016	9 th Pharmacy R & D conference 2016	Safety-related knowledge, attitude and practices of nursing handling cytotoxic anticancer drugs in Hospital Duchess of Kent, Sandakan (oral)	Ms. Wong Wei Wei
12		9 th Pharmacy R & D conference 2016	A descriptive study on use of traditional and complementary medicine (TCM) among cancer patients in Hospital Duchess of Kent, Sandakan.	Ms. Wong Wei Wei Mr. Ku Chai Yee Yew Wan Shuang.

IIR (INVESTIGATOR INIATED RESEARCH) YANG SEDANG DILAKUKAN DI HOSPITAL DUCHESS OF KENT:

BIL	Principal Investigator	Project title	TARIKH BERKUATKUASA
1	Puan Yusfazilah Binti Yusof (Unit Promosi)	Keengganan sebagai pengikrar penderma organ dalam kalangan anggota kesihatan di HDOK, Sandakan	18.07.16- 02.01.17 (6 bulan)
2	Dr. Wong Hoi Ling Dr. Jasminder Kaur Dr. Cheong Kai Liang Mr Kong Kian Keong @ Kent	A study on determining the predicting factors to survival rate in neonates with Meconium aspiration syndrome (MAS) in Sandakan – A resources limited single center experience.	01.10.16-31.12.16 (3 bulan).

SABAH RESEARCH DAY 20.10.2016

BIL	Lokasi/Venue	Project title	Principal Investigator
1	Sabah Research Day, Auditorium, Twin Tower Block, Queen Elizabeth Hospital, Kota Kinabalu.	Cancer patient's experience and perception on chemotherapy in Duchess of Kent, Sandakan (oral presentation).	Ms Wong Wei Wei (won 1 st prize : RM 1,000.00)
2	Sabah Research Day, Auditorium, Twin Tower Block, Queen Elizabeth Hospital, Kota Kinabalu.	Infectious eye disease in neonates 2011-2015 (oral presentation)	Dr. Muhammad Nazrin Muhammad Nordin (abstract terbaik)
3	Sabah Research Day, Auditorium, Twin Tower Block, Queen Elizabeth Hospital, Kota Kinabalu.	The impact of CHRD secondary prevention programme in Sandakan: A pilot study (oral presentation)	Dr. Ng Wan Jun Presenter: Sn Chui Fui San. (4 th -7 th :RM200.00)

RESEARCH PROTOCOL DEVELOPMENT PADA 29-30.03.2016

Gambar kumpulan terbaik semasa GCP diadakan pada 17-19.08.2016



Aktiviti semasa GCP



Gambar Peserta, Penceramah & AJK GCP



Semasa Sabah Research Camp, pada 13-14.05.2016 di Sabah Hotel






Basic Research Methodology and Biostatistics Workshop 5-6.08.2016



NCCR pada 27-28.07.2016



SABAH RESEARCH DAY 2016 (Ms Wong Wei Wei dan Dr Muhammad Nazrin)



SN Chui Fui San, di tempat ke-4



Sebahagian dari peserta & AJK yang menyertai Sabah Research 2016



PERANCANGAN PADA TAHUN 2017:

Bil	Bengkel	Tarikh/lokasi
1	Introduction to clinical Research (ICR)	24 -25.02.2017(CRC UNIT)
2	Basic Research Methodology	24-25.03.2017(CRC UNIT)
3	Basic to Intermediate Biostatistics – using SSPS	21-22.04.2017(CRC UNIT)
4	Research Protocol Writing Development	12-13.05.2016(CRC UNIT)
5	Good Clinical Practice (GCP)	16-18.08.2017(Dewan Selingan)
6	Qualitative Study	08.09.2017(CRC UNIT)
7	Sabah Research Day 2017	October 2017.